

**Bil. 19**

**Khamis  
13 April 2006**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**



## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL:**

- Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)

(Halaman 14)



### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

### MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO

15. Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) - MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) - SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

- 
4. Yang Berhormat“ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
  5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
  6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
  7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
  8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
  9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
  10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
  11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
  12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
  13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
  14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
  15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
  16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
  17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
  18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
  19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
  20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
  21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
  22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
  23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
  24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. " Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) - UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) - UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) - UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) - UMNO
39. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

#### **SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) - MCA
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO

- 
- |     |                |  |
|-----|----------------|--|
| 7.  | Yang Berhormat | Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB   |
| 8.  | "              | Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO   |
| 9.  | "              | Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO             |
| 10. | "              | Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC  |
| 11. | "              | Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA |
| 12. | "              | Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO   |
| 13. | "              | Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA               |
| 14. | "              | Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA                                       |
| 15. | "              | Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator                  |
| 16. | "              | Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO                                       |
| 17. | "              | Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO         |
| 18. | "              | Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO                                 |
| 19. | "              | Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN  |
| 20. | "              | Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC  |

#### **AHLI-AHLI**

- |    |  |
|----|--|
| 1. | Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS                                |
| 2. | " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO |
| 3. | " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS                        |
| 4. | " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO                                   |
| 5. | " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS                        |
| 6. | " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO       |
| 7. | " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO   |
| 8. | " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO                                     |

- 
- |     |                |   |
|-----|----------------|---|
| 9.  | Yang Berhormat | Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB |
| 10. | “              | Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO                          |
| 11. | “              | Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB                   |
| 12. | “              | Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB                           |
| 13. | “              | Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO               |
| 14. | “              | Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO            |
| 15. | “              | Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO                          |
| 16. | “              | Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB                    |
| 17. | “              | Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS                    |
| 18. | “              | Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO                   |
| 19. | “              | Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO                |
| 20. | “              | Dato’ Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO               |
| 21. | “              | Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP                        |
| 22. | “              | Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP                               |
| 23. | “              | Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS                               |
| 24. | “              | Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA                             |
| 25. | “              | Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP                                  |
| 26. | “              | Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA                                   |
| 27. | “              | Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC          |
| 28. | “              | Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO                       |
| 29. | “              | Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS                          |
| 30. | “              | Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP                        |
| 31. | “              | Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB                     |
| 32. | “              | Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO                             |
| 33. | “              | Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP                             |
| 34. | “              | Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP                                 |
| 35. | “              | Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO                     |
| 36. | “              | Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA                                   |
| 37. | “              | Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO                           |
| 38. | “              | Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO                     |
| 39. | “              | Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO                         |
| 40. | “              | Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO                        |
| 41. | “              | Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB                              |
| 42. | “              | Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA                           |
| 43. | “              | Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN                         |
| 44. | “              | Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO                |
| 45. | “              | Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO             |

- 
46. Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO

- 
83. Yang Berhomrat Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP

- 
117. Yang Berhomrat Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) -  
KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**DEWAN RAKYAT**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)**  
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS  
PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)**  
Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Hajah Supiah binti Dewak  
Kamisah binti Sayuti  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Saadiyah binti Jamaludin  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Hairan bin Mohtar  
Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Nurul Asma binti Zulkepli

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Khamis, 13 April 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah peranan OIC bagi mempertahankan kedudukan ekonomi dan politik negara-negara Islam yang dihimpit oleh negara-negara Barat.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya akan turut menjawab dua soalan lain yang telah dikemukakan bersangkutan dengan isu yang sama iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu yang telah dikemukakan tetapi tidak sempat dijawab dan selepas itu Yang Berhormat bagi Jerai yang akan dijawab pada 20 April.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai Pengerusi OIC sentiasa memainkan peranan dan komited dengan penuh amanah dan tanggungjawab untuk menentukan kedudukan negara-negara di dalam OIC dapat mencapai kesepakatan dan perpaduan bagi membolehkan kita untuk menggerakkan aktiviti negara-negara Islam secara bersepadu bersama-sama supaya suara kita akan lebih lagi dihormati dan diberikan pandangan dan kita mengetahui kedudukan ekonomi negara-negara Islam kalau ada penyatuan dan kesatuan di kalangan negara Islam, peranan kita di medan ekonomi akan menjadi lebih bermakna lagi.

Ini juga turut kita rasai apabila kita mempunyai pandangan dan pendapat yang sepakat di dalam isu-isu politik sama ada serantau ataupun antarabangsa yang melibatkan umat Islam. Oleh itu, peranan yang dimainkan oleh OIC adalah untuk meningkatkan maruah dan *dignity* umat Islam di seluruh dunia supaya kita tidak terpinggir dan tersisih dari arus perdana di dalam pergerakan dan perhubungan antarabangsa.

Salah satu isu yang kita sentiasa memberikan penekanan ialah berkenaan dengan isu *Islam phobia*. Isu *Islam phobia* memerlukan kita untuk memberikan penjelasan dan penerangan supaya mereka lebih memahami dan mendekati bahawa agama Islam dan umatnya adalah umat yang aman dan ingin berinteraksi sama ada dari segi etnik ataupun dari segi budaya ataupun dari segi agama yang berlainan.

Oleh itu, Malaysia sendiri mahu juga oleh kerana negara-negara Islam 50% daripada negara Islam yang menjadi ahli OIC adalah dikategorikan sebagai negara miskin iaitu dengan izin, *less develop countries* sudah tentu peranan kita menjadi lebih berat. Malaysia meletakkan sebanyak RM12.2 juta bagi membolehkan kita untuk menerajui dan terlibat dengan negara-negara OIC lain seperti Serbia Leon, Bangladesh, Mauritania dan Aceh di Indonesia bagi meningkatkan modal insan mereka, keupayaan mereka supaya mereka dapat dikeluarkan dalam keadaan kemiskinan kepada keadaan yang lebih dihormati. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, pertamanya saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan terima kasih kepada Menteri kerana kita telah memutuskan tidak mahu membuat jambatan... [Tepuk]

Ini adalah suatu keputusan yang baik dan kita berikan tepukan kepada Perdana Menteri... [Tepuk] Itu tanda sokongan kami kepada kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan pembangkang semalam dalam televisyen pun menyokong. Cuma daripada pihak PAS sahaja belum mendengar lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, akhir-akhir ini Barat yang dikepalai oleh Amerika Syarikat mula bertindak ganas, ura-ura untuk menakluki sebuah lagi negara iaitu Iran disebabkan oleh nuklear. Di samping itu juga Afghanistan telah mereka takluki dan Iraq. Akhir-akhir ini apabila rakyat Palestin telah menyokong HAMAS untuk menerajui kerajaan Palestin, Barat telah menyekat ataupun menghentikan bantuan-bantuan kepada negara Palestin.

Apakah tindakan OIC untuk membantu negara Palestin di samping itu juga menasihati Amerika Syarikat supaya jangan terlalu ganas hendak menghancurkan umat Islam di bumi Allah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Jerai dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah memberikan semangat dan sokongan kepada tindakan kerajaan di dalam rundingan dengan Singapura. Terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita mengurus dan mengendalikan dasar luar kita, kita sentiasa berpegang kepada bahawa tidak ada sesuatu konflik yang dapat diselesaikan melalui pendekatan konflik secara terbuka. Konflik secara terbuka akan membawa kepada kezaliman dan merosakkan sesebuah negara dan boleh membawa kepada kehancuran. Sebab itu Malaysia di dalam isu Iraq daripada mula-mula lagi, kita telah mengambil pendekatan bahawa cara untuk menyelesaikan masalah isu Iraq bukan dengan penyerangan dan penaklukan Iraq dan kesannya dapat kita lihat pada masa ini dan kita berharap akhirnya negara yang sedang menduduki bumi Iraq akan dapat keluar bersama tentera-tentera asing untuk rakyat Iraq sendiri menentukan masa hadapan mereka, begitu juga di Afghanistan.

Berkenaan soal Iran, pegangan kerajaan adalah Iran adalah sebuah negara merdeka dan berdaulat. Kita menentang apa juga tindakan yang diambil yang menafikan hak Iran untuk mengeluarkan tenaga nuklear bagi tujuan kedamaian. Oleh itu, kita tidak fikir cara yang baik ialah untuk membawa sekatan, *sanction* dengan izin, melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi untuk terus berunding sehingga kita dapat kata sepakat. Yang pentingnya ialah kita patut mengambil suatu tindakan bersepadu bagi menjamin bahawa segala senjata pemusnah di seluruh dunia dapat dihapuskan. Bukan sahaja kita mahu meninggalkan kepada *status quo*.

Berkenaan HAMAS kita berpendapat apabila kita menggalakkan demokrasi diwujudkan di Palestin dan pilihan raya di Palestin adalah satu-satunya pilihan raya yang dijalankan di Asia Barat yang paling demokratik dan keputusannya adalah demokratik. Ia bermakna HAMAS telah diberikan sokongan oleh rakyat Palestin secara menyeluruh secara majoritinya.

Oleh itu, keputusan pilihan raya perlu dihormati dan Malaysia akan sentiasa memainkan peranan dan inisiatif untuk mendesak negara-negara Barat tidak memainkan peranan untuk menyekat rakyat Palestin yang menjadi penghalang kepada kedamaian di situ adalah Israel. Israel mesti diminta untuk mengiktiraf dan memberikan kemerdekaan dan keluar daripada tanah wilayah Palestin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita DAP menyokong keputusan Kabinet untuk membatalkan *scenic bridge*. Oleh kerana itulah pendirian awal-awal kita, sungguh pun kita tidak faham mengenai suara lantang Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional dahulu mahu mempertahankan pembinaan

jambatan, *one of the wonders in the world* sekarang nampaknya pun sokong tidak mahu jambatan. Rakyat pun terkelirulah. Rakyat pun tidak faham kenapa isu itu diputar belitkan.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Hai! Soalan, soalan, soalan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Soalan saya ...

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Soalan tambahan, soalan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Oleh kerana Yang Berhormat bagi Jerai kenapa tidak bantah apabila Yang Berhormat bagi Jerai sebut. Itulah mahu terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jerai membangkitkan perkara ini... [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Soalan tambahan kepada soalan di sini ialah adakah dengan tujuan untuk memperkukuhkan kedudukan politik dan ekonomi negara-negara OIC, adakah OIC mempunyai rancangan atau Malaysia mencadangkan bahawa OIC mempengaruhi dunia dengan mengadakan suatu kempen untuk mewujudkan atau mempertingkatkan integriti, membasmi rasuah sebagai contoh supaya negara-negara OIC menjadi contoh atau *good governance* di dunia.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mengambil peluang untuk membuat ucapan yang terkeluar daripada peraturan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [*Bangun*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Yang Berhormat, saya tidak bagi laluan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [*Menyampuk*]

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*] [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Yang Berhormat cakap lebih daripada itu....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tidak, tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [*Menyampuk*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sudahlah! Ipoh Timor duduklah.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Dia tak akan..., Yang Berhormat, hendak sokong, sokonglah sahaja. Yang Berhormat kalau hendak sokong, sokonglah sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya berasa dia pun kadang-kadang kelirukan?... [*Disorak*] Dia sokong, lepas itu dia sokong dan dia cuba pula hendak dapat *political mileage*...

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Yang Berhormat,

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Biar saya jelaskan di sini bahawa kita memang sekarang sedang mengambil tindakan dan kita sedang mengadakan beberapa pendekatan untuk membolehkan negara-negara OIC meningkatkan keupayaan mereka, membangunkan ekonomi mereka, menggunakan sistem demokrasi, menghormati sistem undang-undang *rule of law* dengan izin, dengan itu untuk mengadakan urus tadbir yang baik iaitu *good governance* dan kita percaya bahawa negara-negara OIC setelah kita dapat majukan negara-negara itu, dia memang bergerak ke arah untuk menjadikan negara-negara OIC sebagai negara-negara yang dihormati berteraskan kepada demokrasi dan undang-undang. Terima kasih.

**2. Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]** minta Belia dan Sukan menyatakan, usaha serius bagi menjayakan agenda 3K di kalangan belia benar-benar berjaya dan berkesan sebagai belia hari ini demi masa depan negara.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya dan Ahli Parlimen bagi Dungun mengalu-alukan kehadiran ahli-ahli MCA daripada Dungun di Dewan pada pagi ini.... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin Dewan ini untuk menjawab soalan nombor 2 dari Yang Berhormat bagi Setiu; dan soalan nombor 9 dari Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, sekali gus kerana dua-dua perkara adalah bersangkutan paut.

Tuan Yang di-Pertua, agenda menjayakan belia merupakan satu agenda yang perlu diperkukuhkan dengan pendekatan 3K dalam konteks kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan. Pihak kementerian amat prihatin tentang perlunya melatih anak-anak muda kita agar mereka mempunyai perspektif yang jelas tentang bidang kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan agar mereka dapat menyumbang kepada kemajuan negara. Dalam hal ini proses globalisasi merupakan sesuatu yang perlu kami hadapi di mana daya untuk bersaing di peringkat antarabangsa tanpa sempadan merupakan ciri-ciri penting dalam era baru ini.

Penyuburan 3K kepada anak-anak muda menekankan nilai masyarakat keusahawanan di mana mereka akan didedahkan dengan kemahiran semasa selaras dengan kemajuan sains dan teknologi terkini. Pendekatan 3K ini telah diperkukuhkan semula oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam pembangunan belia dari segi pendekatan, modul, pendedahan pembangunan dan pengembangan aktiviti-aktiviti dalam program KBS. Mekanisme kerjasama strategi pelbagai pihak bagi membolehkan pencapaian yang lebih meluas.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh Kementerian Belia dan Sukan telah menubuhkan Institusi Kemahiran Belia Negara atau IKBN, sebagai pusat latihan bagi melatih para belia di dalam pelbagai bidang kemahiran. Bagi memastikan program Pembangunan Kemahiran dapat dilaksanakan dengan berkesan IKBN mengamalkan konsep latihan bersepadu di mana ia tidak hanya menekankan kepada latihan semata-mata tetapi para peserta turut disuntik dengan nilai-nilai murni dan akhlak yang kukuh.

Selain daripada itu bagi mengukuhkan belia untuk bergiat dalam bidang ekonomi KBS akan melancarkan Majlis Penggalakan Ekonomi iaitu MPEB pada bulan ini. Tujuan utamanya adalah untuk melahirkan dan membina usahawan belia yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan dalam semua bidang bagi menghadapi dunia berteknologi maklumat dalam era globalisasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dasar dan Program Pembangunan Belia akan diorientasikan disusun semula bagi mempertingkatkan keberkesanannya berdasarkan jangkaan pertumbuhan golongan belia dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Antaranya ialah penggubalan Akta Belia Negara bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program-program pembangunan belia untuk membantu serta menggalakkan penyertaan lebih ramai golongan belia untuk menyertai persatuan. Akta ini akan menggabungkan peranan antara kementerian dalam pembangunan belia untuk memastikan program belia dilaksanakan dengan lebih bersatu, selaras dan berintegritas. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setiu.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan juga selamat datang kepada pelajar-pelajar Tingkatan 6 Sekolah Menengah Dato' Ahmad Mahir, Kota Baharu Kelantan... [Tepuk]

Orang-orang belia. 3K – Kepimpinan, Kemahiran dan Keusahawanan. Sejak ia dilancarkan saya rasa belum nampak lagi kejayaannya. Kalau kita persoalkan ke mana perginya Tabung Belia Niaga sudah sekian lama kita kata hendak membela belia-belia kita untuk lahir sebagai pemimpin, sebagai pengusaha dan sebagai belia yang berkemahiran. Kita ada banyak kursus-kursus yang saya nampak adalah dalam bentuk kosmetik semata-mata. Ada belia-belia yang mempunyai 20 sijil kursus tetapi tidak memberi apa-apa sumbangan pun kepada belia. Seolah-olah kursus yang dihidirinya itu adalah suatu kegagalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tuju kepada soalan.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Ya, saya hendak kembali kepada soalan. Sejauh manakah Kementerian Belia dan Sukan cuba membuat pengenalan, *identify* dengan izin, kemudian membimbing belia-belia yang telah dikenal pasti ini ke arah menjurus kepada pencapaian matlamat ini dalam bentuk yang bersepadu dan apakah metodologi baru ataupun pendekatan baru yang akan digunakan oleh Kementerian Belia dan Sukan ke arah mencapai hasrat kerajaan ini lebih-lebih lagi menuju kepada Wawasan 2020. Terima kasih.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan Tabung Belia Niaga ini memang dalam perancangan Kementerian Belia dan Sukan. Kita akan melancarkan pelaksanaan majlis penggalakan ekonomi belia di mana kita akan mencairkan Tabung Kumpulan Wang Amanah pembangunan ekonomi belia untuk membolehkan belia kita mula meminjam dalam meningkatkan keusahawanan belia kita. Kumpulan Sasaran MPEB adalah terdiri dari belia lepasan sekolah Menengah, Institusi Pengajian Tinggi dan lulusan IKBN. Sasaran seramai 200 ribu belia setahun akan mendapat manfaat secara langsung dalam bidang keusahawanan melalui program yang diselaraskan oleh Majlis Penggalakan Ekonomi Belia ini. Daripada jumlah tersebut Majlis Penggalak Ekonomi Belia menyasarkan untuk melahirkan seramai lima ribu orang usahawan baru daripada kalangan belia dalam tempoh RMK-9.

Berhubung dengan kursus-kursus yang dihadiri oleh para belia yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan memang setiap tahun kita menganjurkan berbagai-bagai jenis kursus kepimpinan, kursus keusahawanan dan juga kursus-kursus Rakan Muda dan memang kita mempunyai KPInya dan dari segi pendekatan baru Kementerian telah pun memastikan bahawa satu usaha pendekatan yang bersepadu di mana para belia yang menghadiri kursus-kursus ini akan diberikan latihan dan selepas itu kita akan memastikan kesinambungannya, iaitu ada susulan daripada itu untuk memastikan belia-belia yang menyertainya dan mendapat manfaat yang lebih.

Tambahan lagi Kementerian sedang bersungguh untuk memastikan Strategi untuk Mengupayakan Belia. Strategi Mengupayakan Belia ialah menggalakkan belia menyertai pertubuhan belia. Apabila belia menyertai pertubuhan belia maka melalui pertubuhan belia kita dapat memberi kursus ataupun pendedahan yang lebih bersepadu, lebih berterusan dan saya yakin melalui kerjasama pertubuhan-pertubuhan belia dalam negara kita maka kita akan dapat meningkatkan keberkesanan kursus-kursus Kementerian Belia dan Sukan.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini pada masa kini belia yang berpersatuan hanya lebih kurang 2.5 juta sahaja berbanding dengan belia sekarang ada 11 juta orang. Ramai lagi yang tidak berpersatuan dan kita yakin salah satu usaha yang kita sama-sama boleh jalankan ialah untuk menggalakkan belia untuk menyertai persatuan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Krau.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Melalui IKBN belia diberikan latihan secara bersepadu dan banyak pembinaan-pembinaan IKBN di dalam negara kita dibina. Soalan saya, selepas belia-belia ini menyertai IKBN ke manakah perginya mereka?

Adakah mereka ini diberikan peluang untuk melanjutkan di bidang-bidang kemahiran dan keusahawanan atau adakah data-data kajian terperinci mengenai kejayaan belia-belia ini di dalam bidang-bidang kemahiran dan juga keusahawanan? Terima kasih.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua, belia-belia lepasan IKBN mempunyai masa depan yang cerah. Sehingga kini memang semua lepasan IKBN mendapat pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, ramai belia memohon untuk memasuki IKBN setiap tahun melebihi 27 ribu yang memohon dan kita hanya mampu untuk mengambil lebih kurang 10 ribu pelajar-pelajar untuk memasuki IKBN dan kita yakin lepasan-lepasan IKBN dengan izin *employable* memang mendapat pekerjaan mereka dan bagi yang ingin melanjutkan pelajaran mereka boleh meneruskan lagi kursus mereka ke pengajian yang lebih tinggi iaitu di SIAS untuk menyempurnakan kursus MLVK ke tahap yang kelima. Sekian, terima kasih.

**3. Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, mengapakah perusahaan hiliran berasaskan kayu getah kita mengalami kemerosotan kalau dibandingkan dengan Thailand ataupun Vitenam.

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Arau industri pemprosesan kayu getah di Malaysia tidak mengalami kemerosotan sebaliknya industri ini telah berkembang dengan pesat pada tahun-tahun kebelakangan ini. Pada masa ini kayu getah digunakan untuk mengeluarkan pengeluaran kayu tanggam, kumai, papan sepai, papan gantian dengan izin, *medium density fibreboard* dan juga perabot. Sektor pembuatan perabot merupakan pengguna utama kayu getah diikuti dengan papan gantian dan papan sepai.

Pada tahun 2005, eksport perabot kayu telah meningkat sebanyak 7% kepada RM5.85 ribu juta atau bilion manakala eksport papan gantian mencatatkan peningkatan sebanyak 9% kepada RM1.1 bilion berbanding dengan tahun sebelumnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi negara Thailand walaupun kayu getah turut digunakan oleh sektor pembuatan perabot tetapi dari segi eksport jumlahnya masih rendah berbanding dengan Malaysia.

Pada tahun 2004 Thailand mengeksport perabot bernilai RM4.28 bilion berbanding dengan Malaysia RM5.32 bilion yang dicatatkan. Bagi Vietnam pula industri pembuatan perabot telah membangun dengan pesat kerana didorong oleh pelaburan daripada negara China, Taiwan dan Jepun. Walau bagaimanapun, disebabkan pengeluaran kayu getah di Vietnam adalah terhad dan banyak bergantung kepada sumber import seperti spesies jati, spesies-spesies kayu tropika yang lain untuk menampung keperluan sektor industri pembuatan perabot maka kedudukan industri perabot Vietnam masih terkebelakang berbanding dengan Malaysia. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Arau.

**Dato' Sri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri jika itu adalah maklumat yang terkini saya minta maaf oleh kerana saya pun telah mendapat tiga syarikat yang jumpa saya yang mengatakan dia orang susah hendak mendapatkan bahan mentah. Oleh kerana sudah banyak pokok telah ditebang oleh kerana harga getah menurun kebelakangan ini, tetapi sekarang ini harga getah mentah itu sudah naik dan sudah mula hendak tanam. Jadi tak boleh dia cari bahan mentah lagi.

Saya ingin hendak tanya pula kilang-kilang yang sedia ada untuk menggunakan kayu getah ini kita boleh suruh mereka gunakan misalnya kayu daripada kelapa sawit yang sentiasa ada dia punya *replanting* skim dengan izin. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri cara mana kita hendak teruskan meneruskan industri perabot daripada getah dan juga guna untuk kelapa sawit. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Beginilah, perabot ini digunakan daripada kayu getah ini sebab kayu getah senang didapati pada masa dahulu.

Tetapi memang betul pada masa sekarang sebab terutamanya eksport kayu getah sudah ditutup dan tidak boleh eksport, banyak yang mempunyai kayu getah ini ataupun pokok getah tidak ingin tebangnya sebab kalau tidak eksport dia punya harga turun tetapi fenomena itu hanya dalam masa yang pendek tetapi sekarang kajian yang sudah kita dapati dan selesaikan menunjukkan harga getah atau kayu getah sudah naik kerana harga susu getah ini naik. Orang tidak mahu potong itu dipotong. Pokok itu kekal dan sebab itu maka di pasaran kuranglah kayu getah. Tambahan lagi, sebab kita tidak membenarkan eksportnya kegunaan kayu di dalam Malaysia ini sudah bertambah. Dan hari ini banyak spesies yang tidak biasa digunakan atau stok digunakan itu sampai hari ini stok sudah rendah dan turun dan inilah hakikat yang kita hadapi.

Mengenai cadangan kegunaan spesies alternatif saya setuju. Memang kita setuju dan kita hari ini menggalakkan perabot-perabot dibina daripada seumpamanya spesies durian. Pokok durian ini pun boleh digunakan untuk perabot. Hari ini pihak pembuatan perabot ini sudah pandai akan cari alternatif dan inilah satu perbuatan yang kita galakkan supaya perabot-perabot kita tidak seumpamanya mesti menggunakan kayu getah. Satu lagi Yang Berhormat, iaitu kita pada hari ini cuba menggalakkan pihak kilang ini menggunakan pokok-pokok yang sudah dahulu dianggap, tidak boleh digunakan lagi tetapi hari ini dia digunakan balik dengan *finger jointing* dan cara-cara yang lain seperti *lamination*. Ada cara-cara yang kita menggalakkan kegunaan kayu yang berbagai-bagai spesies untuk pembinaan perabot. Haraplah dengan cara-cara ini industri perabot tidak merosot di masa akan datang.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang mana saya nampak kerajaan nampaknya tidak memberi nasihat yang baik kepada pengusaha-pengusaha perabot kita. Tadi kita mendengar tentang pokok getah dan dahulu harga rendah sekarang sudah harga tinggi. Apakah dahulu kementerian tidak nampak bahawa getah akan naik suatu masa, tadi ada Yang Berhormat Menteri sebut durian.

Sekarang mungkin durian harga rendah tetapi mungkin dalam masa keadaan *market* baru 5 tahun dan 10 tahun akan datang mungkin durian pun akan harga tinggi sedangkan Yang Berhormat Menteri, sedar ataupun tidak bahawa nasihat daripada kementerian kepada pengusaha-pengusaha kita lemah sedangkan kita mempunyai lebih daripada 3,000 spesies yang boleh kita bangunkan selain daripada Kelapa Sawit tadi untuk pengusaha-pengusaha perabot kita. Sekian terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Memang Yang Berhormat, apa yang disebutkan tadi memang betul, ada... [*Dewan riuh*] Ada, ada, Yang Berhormat. Yang Berhormat yang sebut tadi itu memang betul, maknanya kita pada hari ini terpaksa gunakan spesies-spesies yang dahulu tidak digunakan seperti yang disebutkan oleh Arau tadi iaitu pokok sawit dan pokok-pokok yang lain. Memang kita cuba untuk menambahkan sumber bagi industri kayu-kayan ini dan kita harap dengan ini kita tidak, industri-industri perabot dapat dikekal selama-lamanya.

**4. Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan:

- (a) cadangan untuk menambahkan elektrik demi menampung permintaan di Tawau di mana sering menghadapi gangguan elektrik; dan
- (b) cadangan kerajaan untuk menaiktaraf bekalan air ke kawasan Apas dan Balung di mana kebanyakan orang di tempat ini terpaksa menggunakan air hujan dan langkah-langkah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air yang begitu kritikal di lapangan terbang Tawau.

**Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah adalah merupakan masalah yang sememangnya diberi perhatian serius oleh kerajaan. Seperti kita sedia maklum, rizab marginnya rendah di negeri Sabah khususnya Pantai Timur sering menyebabkan gangguan bekalan elektrik kepada penduduk di kawasan tersebut. Masalah yang dihadapi bukan sahaja dari aspek kapasiti penjanaan yang rendah di kawasan Pantai Timur bahkan turut meliputi aspek penghantaran. Ketiadaan grid yang dapat menyambung sistem penghantaran di kawasan Pantai Barat Sabah yang mempunyai bekalan yang lebih berdaya harap dengan Pantai Timur Sabah yang menghadapi masalah kekurangan bekalan elektrik. Turut menjadi punca kekerapan kejadian gangguan bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah.

Sehubungan dengan itu, kerajaan dengan kerjasama Sabah Elektrik Sdn Bhd atau SESB telah dan sedang mengambil langkah-langkah jangka pendek dan langkah-langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah bekalan elektrik di negeri Sabah. Peningkatan daya harap sistem dan memperkukuhkan kapasiti penjanaan, penghantaran dan pembahagian adalah aspek yang lebih diberi keutamaan. Khususnya bagi Pantai Timur Sabah, kerajaan telah meluluskan pembinaan projek loji jawatankuasa 300 mega watt di Pantai Timur Sabah untuk mengatasi masalah bekalan elektrik bagi tempoh jangka panjang. Pada masa ini, pihak SESB telah mengeluarkan tender *request for proposal* bagi projek tersebut dan akan menggunakan yang akan menggunakan arang batu sebagai bahan api. Tender ini akan ditutup pada 1 Jun tahun ini dan projek ini dijangka mula beroperasi dalam tahun 2009. Projek ini dijangka akan dapat membantu mengurangkan masalah gangguan bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah termasuk juga di kawasan Tawau.

Bagi memperkukuhkan sistem penghantaran pula, kerajaan sedang membina talian penyambung Utara-Timur-Barat sebagai sebahagian daripada Grid negeri Sabah yang akan disiapkan pada Jun tahun ini atau 2006. Talian ini akan menyediakan kapasiti alternatif yang mencukupi dari pantai barat Sabah bagi menampung kekurangan kapasiti penjanaan di Pantai Timur Sabah termasuk juga bagi kawasan Tawau. Di samping itu juga, SESB sedang melaksanakan beberapa program untuk meningkatkan daya harap sistem bagi mengurangkan gangguan bekalan elektrik di kawasan Tawau. Program-program yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut;

- (i) membina sebuah lagi pencawang pembahagian utama di Balong yang akan meningkatkan lagi keupayaan sistem pembahagian di Tawau; dan
- (ii) memperkenalkan penggunaan kabel penebat di Utara atau *Arial bundle cables* bagi menggantikan talian atas tanpa penebat bagi mengurangkan kejadian gangguan akibat sentuhan dengan pokok.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah seperti yang dinyatakan tadi, masalah gangguan bekalan elektrik di kawasan Pantai Timur Sabah umumnya dan kawasan Tawau khasnya dijangka dapat diatasi dan kerajaan akan meneruskan usaha agar penduduk di kawasan Pantai Timur Sabah akan dapat menikmati kemudahan bekalan elektrik yang lebih baik pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah memang menyedari keperluan penduduk di kawasan Apas dan Balong seramai lebih kurang 20,000 penduduk yang masih belum mendapat kemudahan bekalan air paip. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Sabah telah mencadangkan projek bekalan air Tawau Fasa 3 di bawah projek bekalan air luar bandar negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan kos sebanyak RM70 juta untuk menaiktaraf bekalan air ke kawasan tersebut. Cadangan projek tersebut akan merangkumi pembinaan loji rawatan air Balong berkapasiti 15 juta liter sehari tangki takungan air, paip agihan dan paip. Pelaksanaan projek ini akan dapat memberi perkhidmatan bekalan air paip bersih ke kawasan Apas dan Balong serta mampu untuk menempatkan bekalan air ke lapangan terbang Tawau.

Oleh yang demikian, penyelesaian jangka masa panjang untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air di lapangan terbang Tawau dijangka dapat dicapai dengan pembinaan loji rawatan air Balong kelak.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Saya bagi pihak penduduk Apas dan Balong khususnya Pantai Timur umumnya mengucapkan terima kasih atas jaminan Yang Berhormat Menteri yang telah diberitahu langkah-langkah pendek dan langkah-langkah panjang yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah bekalan air dan elektrik di Tawau dan Pantai Timur. Di sini saya hanya minta Yang Berhormat Menteri untuk memastikan *delivery system* untuk melaksanakan tapak yang telah dirancang adalah efektif dan mengikut jadual dan masa yang telah ditetapkan. Jadi dengan izin, *there is no scope for postponement or delay* oleh sebab masalah ini telah menghantui penduduk-penduduk di Pantai Timur. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dengan kerjasama Yang Berhormat barangkali kita boleh dapat semua yang telah dirancang. Sebenarnya banyak apa yang telah saya sebut untuk mengadakan grid di negeri Sabah sebenarnya kertas kerja ini telah mula tiga, empat tahun yang lalu dan sementara Utara antara Timur dan Barat akan dapat pada bulan Jun tahun ini. Untuk mengatasi kekurangan air di Tawau untuk loji rawatan sebenarnya ia telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan peruntukan untuk dibuat habisnya *to complete the* projek loji rawatan itu adalah peruntukan yang mencukupi untuk di *complete set* kan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Diadakan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dengan izin, *dicomplete set*kan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Akan siap sedia, terima kasih Yang Berhormat Samy Vellu, dari Sungai Siput.

**Datuk Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seperti mana kita dengar jawapan daripada Menteri mungkin projek-projek yang dirancang tetapi, apa yang mendukacitakan bahawa seperti mana kita tahu pada ketika ini kerap kali gangguan lampu elektrik di Tawau.

Jadi, pertama saya mahu tanya sama ada kerajaan atau SESB boleh membayar kerugian kepada peniaga-peniaga yang banyak mengalami kerugian seperti mana di Semenanjung, mereka boleh *claim* kepada tenaga untuk membayar kerugian, itu soalan saya pertama. Kedua, tahun 2009 seperti mana yang dikatakan tadi satu jangka masa yang panjang.

Jadi, tidak adakah cara lain yang boleh kita cepatkan pembekalan ini bukan sampai 2009. Ini bererti kalau kita katakan 2009, dari sekarang 2006 hingga 2009 tiga tahun, kerap kali orang Tawau akan dapat gangguan elektrik.

Ketiganya, Tuan Yang di-Pertua ialah berkenaan bekalan air. Bekalan air mungkin bukan perlu untuk 20 ribu. Mungkin di Balung 100 ribu penduduk yang perlu. Jadi, kita nampak bahawa seperti mana yang diterangkan oleh menteri dibawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Persoalan saya, projek 70 juta ini sudah dibahagi kepada kontraktor atau mahu ditender kerana kita dapat tahu bahawa mungkin projek ini sudah pun dibagi tetapi sikit saya mahu tahu juga sudah mula kerja atau belum. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat banyak soalan, sehingga saya lupa apa soalan yang pertama... [*Disorak*] Cakap lupa, buat tidak lupa juga... [*Ketawa*] Tidak ada *compensation* yang diberi sebab keadaan di negeri Sabah, ia bukan kurang elektrik, ia tidak cukup elektrik pada masa sekarang dan sebab itu kerajaan sebagai untuk mengatasi masalah kekurangan elektrik pada keseluruhan Sabah.

Yang mana kalau kekurangan, ia bukan semua kekurangan di Pantai Barat adalah elektrik yang cukup tidak ada banyak kompelin di Pantai Barat tetapi di Pantai Timur, di mana tidak ada bekalan gas dulu hanya ada jana kuasa yang kecil yang menggunakan minyak sebab itu mereka semua jana kuasa ditempatkan di bandar masing-masing tanpa ada talian yang ada hubungan antara satu bandar dengan satu bandar khas di Pantai Timur, sebab ini ada keadaan yang mana kalau tempat ini tidak cukup elektrik kita tidak boleh tarik atau ambil elektrik dari jana kuasa yang lain di tempat yang lain, tetapi haraplah dengan ada sambung tara antara Pantai Timur dan Pantai Barat pada lepas Jun tahun ini saya ingat keadaan boleh baik sikit.

Yang kedua, walau kita sudah siapkan perancangan untuk jangka panjang tetapi jangka pendek yang mana adalah masalah kecemasan atau masalah kritikal kita gunakan kita cari apa yang dinamakan *power bas*, kapal tenaga yang boleh digunakan. Kita pergi cari-cari bukan Yang Berhormat, pun bukan senang cari di dalam Malaysia atau dekat tetapi akhirnya kita dapat satu kapal, kapal tenaga atau *power bas* ya, yang kita hantar ke Sandakan.

Dan, kalau ada *power bas* yang lain, yang boleh kita cara untuk pada masa sekarang membekalkan dengan lebih sikit kepada kehendak elektrik di Tawau kita cari lebih satu *power bas*, untuk membekalkan pada masa sementara sehingga projek jangka masa panjang yang akan disiapkan kelak.

Yang ketiga, berkenaan siapa dapat ini projek RM 70 juta. Saya ingat ini sudah ditentukan oleh Kerajaan Sabah yang mana - apa yang saya tahulah - barangkali saya mahukan tetapi, kebanyakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan telah dikeluarkan kepada kontrak-kontrak.

Tetapi apa yang kekurangan ialah peruntukan walau kontraktor telah diminta jalan tetapi mereka tidak dapat peruntukan tetapi, peruntukan ini sekarang ini sudah masuk dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, saya haraplah pembinaan projek baru loji rawatan di Tawau akan siap dalam sikit masa yang telah ditentukan oleh kontraktor itu.

**5. Tuan Chow Kon Yew [Tanjong]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan sekolah-sekolah rendah aliran bahasa ibunda mendapat peruntukan yang secukupnya untuk mengatasi masalah penempatan semula, pembinaan semula, binaan bangunan tambahan dan masalah bangunan berbahaya di seluruh negara, beri butir-butir.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memberi perhatian terhadap sekolah-sekolah di bawah kelolaan kerajaan sama ada sekolah kerajaan ataupun sekolah bantuan kerajaan. Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran Malaysia memberikan peruntukan kepada semua aliran sekolah termasuklah sekolah-sekolah jenis kebangsaan SJK(C) dan juga SJK(T).

Antara langkah yang diambil oleh KPM untuk memastikan bangunan sekolah-sekolah tersebut dalam keadaan selamat KPM menyalurkan peruntukan pembangunan bagi kerja pembinaan baru, gantian, tambahan, ubah suai dan naik taraf kepada sekolah-sekolah tersebut. Dalam RMK-9, KPM akan memperuntukkan sebanyak RM174.34 juta

untuk SJK(C) dan RM64.84 juta untuk SJK(T) bagi kategori sekolah kerajaan bantuan penuh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan khas RM10 juta untuk sekolah tidak selamat juga disalurkan oleh KPM pada Oktober 2005, yang pada jumlah tersebut RM4.4 juta telah diperuntukkan kepada 116 buah SJK(C) dan RM3 juta kepada 71 buah SJK(T). Bagi pembangunan sekolah bantuan kerajaan pula peruntukan sebanyak RM100 juta turut disediakan di bawah RMK-9. Peruntukan ini akan disalurkan mengikut keperluan dan berdasarkan peruntukan sedia ada dalam lima tahun yang akan datang. Terima kasih.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Kementerian dalam matlamat untuk meningkatkan akses kepada pendidikan dan di luar lingkungan matlamat menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan, apakah strategi Kementerian akan mengamalkan supaya tidak dilihat meminggirkan SJKC dan SJK(T). Dari 180 buah sekolah rendah yang dicadangkan dalam tempoh RMK-9 ini, bolehkah Yang Berhormat menyatakan berapa buah terdiri dari sekolah kebangsaan, berapa buah SJK(C) dan berapa buah SJK(T)? Sekian,

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah nyatakan tadi bahawa kerajaan tidak pernah meminggirkan sekolah SJK(T) ataupun SJK(C) malah pada hari ini kita sedia maklum SJK(C), SJK(T) ini memang tidak boleh ditutup, tidak ada kuasa lagi hendak tutup, ertinya boleh beroperasi sampai bila-bila pun. Dalam usaha kita memperkasakan sekolah kebangsaan, kita juga terus memberikan bantuan seperti yang saya nyatakan tadi iaitu sebanyak RM174.34 juta, untuk sekolah Cina ini SJK(C), iaitu yang melibatkan 200 bilangan projek. Untuk projek baru 200 projek untuk sekolah Cina, projek tambahan ada 14 projek, projek gantian ada 142 projek, projek ubahsuai dan juga naik taraf ada 81 buah projek. Terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tahniah kepada Kementerian kerana dalam memperkasakan sekolah kebangsaan pihak Kementerian tidak akan memandang keperluan-keperluan sekolah bantuan modal ini.

Saya ingin bertanya berapakah permohonan daripada bantuan modal ini, sekolah bantuan modal ini sekiranya ada untuk menjadi bantuan penuh dan apakah Kementerian berhasrat untuk menjadikan sekolah bantuan modal ini sebagai sekolah bantuan penuh sekiranya mereka ada membuat permohonan ke atas pertimbangan permohonan sahaja. Apakah Kementerian ada hasrat untuk menimbang ke atas permohonan untuk menjadikan sekolah bantuan modal pada sekolah bantuan penuh?

Kerana kita tahu kebanyakan tempat, Tuan Yang di-Pertua, memang bilangan mereka ada di mana-mana juga kawasan. Jadi, masalahnya ialah tentang masalah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, apakah ada hasrat sekiranya ada permohonan daripada... [Disampuk] Termasuk sekolah agamalah seperti di Kelantan, ke atas permohonan yang di terima...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Itu soalan saya sekiranya ada. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kalau kita lihat dalam perangkaan kita, *environment* pelajar sehingga Jun tahun 2005 sekolah SJK(C) ini hanya ada 645,669 murid dan ini termasuk daripada kedua-dua sekolah. Bilangan sekolah untuk ke bantuan kerajaan ialah sebanyak 401 dan bantuan modal ialah sebanyak 888 buah untuk sekolah SJK(C), ertinya jumlah sekolah keseluruhannya untuk SJK(C) hanya ada 1,289.

SJK(T) pula sekolah bantuan penuh kerajaan 148 dan bantuan kerajaan ataupun bantuan modal hanya ada 377. Jumlah kesemuanya ialah 525 buah sekolah sahaja dan muridnya pula hanya ada 98,579, Tuan Yang di-Pertua, ini termasuk sekolah-sekolah yang dikatakan sekolah kurang murid, di mana ada sekolah-sekolah ini yang daripada jumlah 1,289 untuk sekolah Cina, kita menghadapi masalah kekurangan murid ialah sebanyak 100

yang bilangannya muridnya di bawah 150 orang murid ialah sebanyak 531 buah untuk sekolah Cina dan 329 buah untuk sekolah Tamil.

Dan ada juga sekolah yang dilihat hanya di bawah 5 orang. Ada 10 buah sekolah Cina pelajarannya hanya ada lima orang sahaja, ada dua buah sekolah pelajarannya ada dua orang sahaja. Sekolah Tamil pun kita ada 10 buah sekolah yang bilangan pelajarannya di bawah 10 orang.

Jadi, kerajaan memang mengalu-alukan supaya sekolah-sekolah bantuan penuh ini untuk menyertai sekolah penuh kerajaan termasuklah sekolah-sekolah daripada sekolah agama yang kita telah tawar beberapa lama seperti di Selangor, sekolah menengah agama sebagai contoh telah pun diambil tadbir oleh pihak kementerian dan ada beberapa buah sekolah rendah agama juga yang sedang kita usahakan termasuk dari Kelantan, saya tidak ingat jumlahnya tetapi masih ada juga sekolah-sekolah agama ini yang tidak mahu menyerahkan pentadbirannya ke sekolah kementerian.

Oleh itu, kementerian berharap pihak DAP terutamanya ini yang selalu memainkan isu sekolah Cina ini, jangan melihat kerajaan tidak membela masalah sekolah Cina, malah kita harap supaya masalah sekolah kurang murid ini juga mesti DAP sama-sama perjuangkan supaya dapat disatukan sekolah ini dan janganlah dijadikan isu pendidikan ini sebagai isu politik untuk meraih kepentingan politik murahan. Terima kasih.

**6. Tuan Muhammad Shahrudin bin Osman [Lipis]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah jaminan kementerian untuk memastikan sumber kewangan akan dapat diagihkan dan disebarkan ke kawasan pedalaman di dalam tempoh masa yang sepatutnya untuk membolehkan projek pembangunan dilaksanakan tanpa masalah dan beban kepada kontraktor luar bandar.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang bagi Berhormat Lipis. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sentiasa berusaha bagi memastikan sumber kewangan ataupun peruntukan bagi projek-projek pembangunan di pedalaman dapat diagihkan dan disebarkan dalam tempoh masa yang sepatutnya.

Bagi menjamin supaya usaha tersebut dapat dijayakan, beberapa langkah telah dibuat iaitu:

- (i) telah membuat rancangan lebih awal bagi mengenal pasti dan menyediakan senarai projek sebelum akhir tahun bagi pelaksanaan tahun berikutnya;
- (ii) mengeluarkan waran peruntukan kepada agensi negeri atau agensi pelaksana bagi setiap awal tahun;
- (iii) menetapkan supaya agensi pelaksana mempercepatkan pelaksanaan projek dan bagi projek-projek kecil paling lewat dilaksanakan pada bulan September tahun berkenaan;
- (iv) menempatkan seorang pegawai pemantau bagi setiap negeri untuk membuat pemantauan dan membantu agensi pelaksana untuk mempercepatkan pelaksanaan projek; dan
- (v) mengingatkan kontraktor-kontraktor supaya menyiapkan projek dalam masa yang terdekat dan membuat tuntutan bayaran lebih awal dan tidak menangguhkan hingga akhir tahun.

Sekian.

**Tuan Muhammad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua seperti yang kita tahu, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini merupakan satu kementerian yang bernasib baik kerana ada agensi di bawahnya yang berada di daerah seperti KEMAS, FELCRA, FELDA dan sebagainya.

Jadi soalan tambahan saya ialah sejauh mana agensi-agensi ini terutamanya KEMAS yang saya percaya ada di setiap kawasan Parlimen dan di daerah, digunakan sebagai agensi pelaksana dan agensi pemantau kerana bagi saya itulah agensi yang paling mudah digunakan oleh KKLW untuk melaksanakan projek-projek ini dengan cepat dan berkesan.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe [Mas Gading]:** Terima kasih Yang Berhormat. Dakwaan bahawa perkataan yang mengatakan KKLW bernasib baik adalah betul dan juga tidak betul. Di setengah-setengah negeri kita hanya mempunyai KEMAS tetapi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, KEMAS walaupun berada di semua negeri, di semua daerah dan sebagainya tetapi KEMAS tidak mempunyai pasukan yang penuh khasnya bahagian teknikal yang tidak ada.

Namun yang demikian kita menggunakan KEMAS untuk menolong dalam pemantauan projek. Itu kita sudah buat, tapi bagi Rancangan Malaysia Kesembilan kita berharap kita akan dapat memperkasakan lagi KEMAS dan menggunakan KEMAS untuk menolong untuk pelaksanaan projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sekian.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah jawapan yang diberi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita ada kata KEMAS macam contoh di kawasan Bintulu. Memang KEMAS punya *office* ada, tetapi KEMAS menjalankan tugas, siap peruntukan untuk tadika pun tidak ada. Jadi macam mana KEMAS hendak jalankan tugas. Tadi kata pegawai pendakwaan, saya mahu tahu berapa pegawai ada di Bintulu?

Itulah saya ada sedih sedikitlah, jawab kadang-kadang dengar memang seronok tapi dilaksanakan tiada. KEMAS lagi datang tanya wakil rakyat ada peruntukankah? Boleh tolong bantu Tadika KEMAS? Itulah tidak lama / ingat wakil rakyat memang kena 'kemas' jugalah... [*Dewan riuh dengan ketawa*]

Jadi saya mahu tanya di sini, kementerian ada sedarkah? Orang miskin di luar bandar dan pendalaman sangat perlu bantuan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Apa boleh diberi mereka untuk hidup lebih baik lagi dari masa lalu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan? Contoh atas bekalan air, jalan ataupun api, bekalan elektrik itu semua, sekian terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe [Mas Gading]:** Tuan Yang di-Pertua nampaknya soalan ini ada terkeluar sedikit, namun yang demikian saya cuba menjawab berkenaan dengan soalan yang pertama, berapa ramai pegawai KEMAS di Bintulu, itu soalan yang *specific* dan saya perlu balik menyemak dan saya akan berikan jawapan kepada ahli Yang Berhormat.

Yang kedua Yang Berhormat bagi Bintulu mungkin Yang Berhormat tidak hadir dalam taklimat semalam, jadi oleh sebab itulah Yang Berhormat tidak tahu tentang keadaan terkini dan juga beberapa projek Yang Berhormat dapat bagi Bintulu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ahli ataupun bahagian Bintulu, bagi Yang Berhormat bagi Bintulu ialah di antara Ahli-ahli Yang Berhormat, yang mendapat peruntukan yang agak tinggi bagi tahun 2006 sahaja.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya sudah nampak tapi dalam pelaksanaan kampung baru, berapa sahaja?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekian sahajalah soal jawab lisan pada pagi ini.

**Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat.**

## USUL

### **RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

**merestui** usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

**bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” **[12 April 2006]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat bagi Ampang untuk terus menyambung ucapan dalam perbahasan.

#### **11.07 pagi**

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya menyambung perbahasan saya di atas pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua semalam saya menyentuh isu ketiga yang saya bawa dalam perbahasan saya iaitu Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal ataupun I-KIT yang dimasukkan dalam teras kedua Rancangan Malaysia Kesembilan dan saya juga berbahas tentang kepentingan mengadakan *database* untuk ibu-ibu tunggal memandangkan apa jua program yang dibuat oleh kerajaan ada sahaja golongan ibu tunggal yang merasakan diri mereka tercicir.

Sebelum Dewan ditangguhkan semalam, Yang Berhormat bagi Batu Pahat telah mengemukakan satu soalan kepada saya dan saya hendak menjawab soalan beliau. Yang Berhormat bagi Batu Pahat meminta pandangan saya, tentang mengapakah walaupun terdapat banyak program yang dibuat oleh kerajaan untuk ibu tunggal tetapi ianya masih gagal.

Pada pandangan saya, apabila kita katakan sesuatu program itu gagal bermakna objektifnya tidak dicapai dan saya melihat ianya dari tiga sudut. Yang pertama ialah kerana ianya tidak sampai kepada golongan sasaran, so maknanya saya katakan tadi, ada ibu-ibu tunggal yang merasakan diri mereka tercicir kerana mereka ini tidak disenaraikan di dalam kawasan masing-masing dan saya akan mengulas fasal *database* ini sekejap lagi Tuan Yang di-Pertua.

Yang keduanya program-program yang dibuat tidak bersifat jangka panjang di mana kalau kita lihat ada program-program berbentuk kemahiran ataupun keusahawanan untuk ibu-ibu tunggal, tetapi tidak ada *follow up* dengan izin. Contohnya tidak ada bantuan

kewangan, di manakah mereka hendak pergi untuk memajukan diri mereka dan sebagainya. Begitu juga dalam bentuk-bentuk kemahiran, jika ada kursus untuk buat kek dan pastri dan sebagainya, ianya berakhir di situ sahaja dan tiada latihan lanjut.

Yang ketiganya, jenis-jenis program. Kita lihat ada program-program yang tidak bersesuaian dengan kehendak ibu-ibu tunggal itu sendiri. Contohnya diadakan Seminar Literasi Undang-undang Keganasan Rumah Tangga dan sebagainya untuk ibu-ibu tunggal yang telah pun melalui keganasan rumah tangga dan mungkin keganasan rumah tangga itu sendiri menyebabkan mereka mendapat status ibu tunggal.

Jadi itulah pentingnya Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan *database* ini sangat penting. Mungkin pihak Kementerian akan menyatakan kenapa Ahli-ahli Parlimen tidak membuat *database* mereka sendiri. Sebenarnya memang boleh buat, bukan susah sangat. Saya sendiri di Ampang Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas telah membuat satu *database* di mana saya menguar-uarkan dalam akhbar *The Star*, saya juga menguar-uarkan dalam radio Tamil, radio China, untuk datang beramai-ramai untuk mendaftar ibu tunggal di kawasan Ampang dan apabila...

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua pohon minta jalan. Menyentuh dengan *database* ini adakah wajar pihak Kementerian juga mengenal pasti dan memasukkan dalam *database* ini bapa-bapa tunggal.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Saya tidak merasakan ini keluar daripada tajuk walaupun saya bercakap tentang ibu tunggal kerana peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat seharusnya menjaga semua orang termasuklah golongan bapa tetapi saya khuatir satu sahaja Yang Berhormat Sik, keahlian itu cepat sangat gugur maknanya dalam dua bulan dia tidak tunggal lagi, mungkin itulah pandangan saya.

Berbalik kepada pendaftaran ibu tunggal tadi, ramai orang datang sampai saya pun terkejut tidak cukup kerusi dalam dewan itu tetapi *and yet* dengan izin, ada juga yang tertinggal kerana ada ibu-ibu tunggal yang merasakan mereka telah mendaftar sebagai ahli dengan NGO. Itulah makanya saya menyarankan kepada pihak Kementerian tolong bekalkan kepada semua Ahli-ahli Parlimen, *database* ibu-ibu tunggal yang mendaftar dengan NGO.

Jika tidak mereka akan merasakan bahawa peranan kita sebagai Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ataupun Majlis Kebajikan, Pembangunan dan Masyarakat tidak begitu efektif.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Petra Jaya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balik sedikit sebenarnya, tapi sebelum itu tahniahlah sebab begitu pro-aktif dalam mengumpul data-data ibu tunggal dan membela mereka.

Saya ada masalah sedikit berkaitan dengan ibu tunggal. Satu permasalahan yang mungkin saya hendak bawa untuk perhatian Yang Berhormat bagi Ampang. Seorang, kini yang sudah menjadi ibu tunggal, sebenarnya telah berkahwin dengan rakyat luar negara. Masih kekal sebagai warganegara Malaysia tetapi bila beliau mengikut suami tinggal ke luar negara, berlaku permasalahan rumah tangga. Beliau kena dera, kena apa dan sebagainya, akhirnya telah merujuk kepada saya dan kita telah berjaya mendapat penceraian.

Beliau balik ke sini, tapi malangnya sekarang ini beliau menghadapi masalah tidak mendapat anak dan adakah kita telah mendapat mengumpul data-data yang sebegini? Bagaimana kita membela rakyat Malaysia terutamanya wanita berkahwin di luar negara kemudian teraniaya dan bagaimana Wisma Putra boleh membantu secara, sama ada membantu dalam perundangan atau dari segi diplomatik? Membantu ibu-ibu ini atau isteri-isteri ini memperjuangkan hak mereka di luar negara untuk membawa anak-anak mereka kembali ke sini, menuntut harta sepencarian dan sebagainya. Boleh Yang Berhormat bagi Ampang memberi komen?

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Saya rasa dalam isu ini, pertama sekali perintah mahkamah hendaklah di perolehi oleh wanita malang tersebut dan jika ia memerlukan bantuan Wisma Putra, saya rasa walaupun ini dari pengalaman kita, bila kita pergi ke satu kementerian ataupun pihak yang lain, yang tidak bertanggungjawab secara terus di atas permasalahan, kita akan selalu mendapat jawapan bahawa, "Ini bukan bidang kuasa saya".

Jadi ini saya rasa tidak patut berlaku. Sepatutnya Wisma Putra walaupun terpaksa memainkan peranan melebihi tugas yang tertulis atas kertas, saya rasa ini sangat penting untuk kebajikan rakyat kita sendiri. Jadi, ya sila Rembau.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Saya cuma hendak berkongsi data sedikit dengan Yang Berhormat bagi Ampang. Mengikut data banci penduduk dan perumahan Malaysia tahun 2000, terdapat 126,810 atau 15.9% daripada 795,500 ketua isi rumah wanita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bilangan ibu tunggal yang mempunyai anak yang masih bersekolah mengikut negeri ialah kira-kira 111,109 orang. Dari jumlah ini, Selangor yang teramai 14,418, Kelantan nombor dua 12,032, kemudian Perak 12,000 tetapi apa yang saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat ialah dari segi bilangan ibu tunggal Melayu yang paling ramai daripada Kelantan iaitu 11,514. Apa sebabnya yang ramai ibu tunggal di Kelantan ini? kalau Yang Berhormat bagi Ampang boleh jawab ini, kalau tidak itu saya minta Yang Berhormat bagi Pasir Mas bagi jawapan.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Sememangnya saya tidak boleh menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Hah, sedikit lagi. Sememangnya saya tidak boleh menjawab permasalahan itu Yang Berhormat bagi Rembau tetapi saya melihat bahawa ibu-ibu tunggal dan wanita secara amnya di Kelantan adalah wanita-wanita yang cukup berdikari

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Sila, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang telah dibincangkan tentang ibu tunggal dan permasalahan-permasalahan mereka. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa masalah ibu tunggal ini merupakan isu sejagat dan isu seluruh negara, ia bukan tertentu kepada Kelantan, Johor, Perlis. Yang saya minta daripada Yang Berhormat iaitu apakah kementerian dalam mendapat *database* daripada kalangan tersebut sampai ke peringkat akar umbi. Dalam erti kata bahawa sampai ke peringkat luar bandar mendapat data-data ini dengan tepat, dengan betul sehingga permasalahan yang dihadapi oleh ibu tunggal kita dapat diatasi dari masa ke semasa.

Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Rembau tadi mengatakan bahawa Kelantan tertinggi ataupun mencapai tahap yang kedua di antara ibu tunggal. Barangkali kerana perpindahan, kerana kematian, banyak masalah. Jadi, walau bagaimanapun, yang kita mahu daripada kementerian supaya kementerian mengambil tanggungjawab yang bersungguh-sungguh supaya ibu tunggal di negara kita ini dapat dibela dan tidak ada mereka yang tercicir. Apa pandangan, Yang Berhormat?

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Saya rasa tidak ada masalah kalau kita hendak mendapatkan butir-butir ataupun *database* di peringkat akar umbi sebab selaku wakil rakyat kita sendiri pergi untuk mencari nama-nama ini tetapi yang saya maksudkan di sini, bantuan kementerian diperlukan untuk berhubung dengan ROS ataupun Pendaftar Pertubuhan untuk memberi kita senarai ataupun maklumat tentang orang-orang yang mendaftar secara persendirian. Itu dia.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kerana saya tidak cukup masa. Yang keduanya, saya harap supaya Kementerian mengawal bilangan persatuan-persatuan ibu tunggal yang mendaftar dengan ROS. Bukannya kita hendak menyekat mereka menjadi ahli tetapi saya harap diserapkan di dalam persatuan yang sedia ada. Ini untuk mengelakkan terlalu banyak persatuan, terlalu banyak ketua dan untuk mengelakkan kepentingan peribadi.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, rancangan kerajaan mewujudkan *special window*, dengan izin, dalam program pembiayaan perniagaan sedia ada amatlah dialu-alukan tetapi saya mohon dari pihak kerajaan untuk mengemukakan butir-butir yang lebih terperinci tentang pelaksanaannya. Siapakah ejen pelaksana, siapa kumpulan sasar, apakah syarat-syaratnya dan sebagainya. Begitu juga apa-apa kemudahan yang disediakan oleh kerajaan hendaklah disebarluaskan kepada kumpulan sasar iaitu dalam kes ini wanita-wanita yang minat berniaga.

Kerajaan dan agensi pelaksana haruslah menanam azam yang tinggi untuk menafikan persepsi rakyat yang ingin berniaga atau mendapat kontrak perniagaan bahawa untuk berjaya bukan kerana apa yang kita tahu tetapi siapa yang kita tahu atau kenal. Dengan harapan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Maran.

**11.18 pagi**

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi keizinan kepada saya untuk turut membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi pada 31 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib kerana masih secara ikhlas dan jujur mengetuai barisan kepimpinan negara untuk terus memikirkan nasib dan masa depan rakyat dan negara. Kita merasa amat bertuah kerana mempunyai pemimpin-pemimpin negara yang masih cinta dan sayangkan negara. Rancangan Malaysia Kesembilan ini dirancang semata-mata untuk membela dan membangunkan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat malang jika pemimpin-pemimpin utama kita ini tidak diberikan oleh Allah hidayah untuk terus membela rakyat dan negara. Malah semakin malanglah juga jika ramai pemimpin negara termasuk kita yang berada di dalam Dewan yang mulia ini tidak berjiwa begini. Sebab itulah di akhir ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau sebak menitiskan air mata apabila meminta kita semua bekerja dengan jujur dan ikhlas kerana kita memegang amanah yang amat besar, yang bakal disoal oleh Allah S.W.T. dan rakyat.

Ini selaras dengan harapan sulung yang diluahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika beliau mengambil alih tampuk kepimpinan negara dengan melahirkan harapan dan menyeru dan meminta supaya janganlah bekerja untuk saya tetapi marilah bekerja bersama dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dasar lima tahun negara adalah merupakan perancangan lima tahun kerajaan yang mempunyai dasar, strategik dan matlamat yang tertentu. Kita telah melalui lapan fasa Rancangan Lima Tahun Negara, kini usia negara selepas bebas daripada penjajahan hampir mencecah usia 50 tahun. Satu usia yang sangat matang, yang sepatutnya telah berada di tahap kehidupan yang sejahtera dan bahagia jika ia adalah usia seorang manusia tetapi kita sering diuji dengan isu-isu yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah kita semasa di bawah belunggu penjajah meninggalkan banyak kenangan pahit dan manis dalam kehidupan rakyat di negara ini. Dasar pecah dan perintah, *divide and rules*, dengan izin, telah menjadikan pola kehidupan rakyat masyarakat majmuk negara ini sedemikian rupa. Perpaduan menjadi kunci utama

kepada pembangunan dan keselamatan negara. Peristiwa 13 Mei 1969 menjadi sejarah hitam yang mewarnai bentuk kehidupan masyarakat di negara kita. Insiden berlaku kerana terdapatnya rasa tidak puas hati antara kaum akibat ketidakimbangan ekonomi dan kekayaan antara mereka. Kita berharap Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan baru-baru ini benar-benar dapat menukarkan keadaan ini...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Sila.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Saya hendakkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Maran kerana Yang Berhormat bagi Maran menyebut Peristiwa 13 Mei 1969 dan Yang Berhormat menyebut dua. Satu kaum dan satu lagi perbezaan kemakmuran, *disparity gap*, jurang perbezaan. Yang mana satu mengatasi yang mencetus kepada peristiwa hitam itu. Adakah ia disebabkan perbezaan jurang kemakmuran tadi ataupun kaum? Cuba jelaskan kepada Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat. Yang mana satu sebenarnya mengatasi satu yang lain. Terima kasih.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya sudah sebutkan awal tadi bahawa kesan daripada penjajahan sistem *divide and rules*, dengan izin, menyebabkan kaum-kaum di negara ini hidup berbeza-beza. Umpamanya, orang Melayu berada di luar bandar, orang Cina berada di bandar, manakala orang India berada di estet-estet dan sebagainya. Masalah kaum tidak timbul pada saya dan, masalah yang 13 Mei ini ialah akibat daripada ketidakimbangan ekonomi, kekayaan dan sebagainya. Inilah faktor utama yang menyebabkan perpecahan antara kaum ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menetapkan pengukuhan...

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Beri penjelasan.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Sekejap, saya hendak habiskan sedikit.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Perpaduan, perpaduan.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menetapkan pengukuhan perpaduan negara sebagai objektif utama kepada Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010, cabaran kepada wawasan 2020 telah berlalu untuk tempoh 15 tahun, iaitu tahun 1991 hingga 2005.

Kini kita tinggal 15 tahun lagi untuk memastikan sama ada matlamat wawasan 2020 ini dapat dicapai sepenuhnya. Bagi tujuan tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan lima teras utama sebagai landasan bergerak untuk mencapai misi negara, misi nasional dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Sila, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia jemput Yang Berhormat bagi Pasir Mas... *[Disampuk]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Maran. Daripada apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Maran sekejap tadi iaitu menyentuh tentang perpaduan. Apa pandangan Yang Berhormat kalau saya sebut di sini bahawa perpaduan di negara kita ini walaupun sudah ada peningkatan tetapi dalam erti kata yang sebenar perpaduan yang belum mantap ataupun boleh saya sebutkan iaitu perpaduan yang agak rapuh. Ia boleh pecah bila-bila masa.

Barangkali kita perlu kepada suatu dasar perpaduan yang kukuh, yang utuh bagi membina integrasi kaum di negara kita supaya ia tidak timbul dan tidak berlaku sebagaimana yang telah berlaku pada 13 Mei yang lampau. Dan, yang kedua saya melihat kepada ekonomi yang kita bina sekarang ini bagi mencapai perpaduan, saya rasa bahawa melalui ekonomi tidak berkesudahan kerana manusia ini dalam dirinya ada sifat dengki yang tidak berkesudahan dari masa ke semasa.

Barangkali kita kena cari, selain daripada ekonomi kita kena cari alternatif lain selain daripada ekonomi yang kita bina. Kita bimbang kerana manusia ini bila dalam persaingan, dia akan keluar yang pertama. Hendak keluarkan yang pertama ini dia akan tanggung yang kedua dan yang ketiga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak perlu hujah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ini sebagai menyokong. Jadi, adakah di sana usaha-usaha lain lagi yang dapat memperkukuhkan selain daripada usaha ekonomi yang kita bentangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa antara faktor yang boleh menimbulkan perpecahan ialah dari segi ekonomi. Saya bersetuju memang tidak ekonomi satu syarat yang boleh menentukan perpaduan tetapi kesedaran masyarakat, kesedaran semua orang termasuk ahli politik dan sebagainya mesti sedar kepentingan utama kita ialah perpaduan dan keamanan negara. Sebab itulah bagi ahli politik janganlah kita mengambil politik sebagai satu pegangan untuk memperjuangkan hak kita kerana keutamaan kita ialah perpaduan negara. Terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Sila, sila.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Maran. Kita tahu bahawa selepas 37 tahun kita melalui zaman gelap, zaman pertumpahan darah, dan hari ini perpaduan yang begitu jitu, walaupun kita timbul soal ekonomi, saya lihat pada hari ini tidak ada lagi begitu ramai. Kalau dahulu kita anggap bahawa kalangan India bekerja di ladang-ladang tetapi hari ini di kalangan orang-orang India pun sudah mendapat kemewahan, yang menjadi korporat, yang menguasai bidang-bidang tertentu, yang boleh kita sebut di sini.

Begitu juga orang-orang Cina kalau dahulu kita lihat bekerja di lombong, hari ini tidak lagi, begitu juga orang-orang Melayu. Jadi, apakah kerana tekanan ekonomi semata-mata bila kita..., baru perpaduan itu tidak kukuh dan tidak jitu. Saya setuju kalau mengatakan bahawa ada segelintir daripada kalangan parti-parti politik perkauman yang masih lagi menebal seolah-olah mereka menggunakan isu perkauman ini akan menghidupkan lagi perjuangan mereka yang sudah kehabisan modal, yang sudah agak basi lagi dan masih lagi mereka ini seolah-olah macam mabuk. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Jadi, kita melihat bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan, dasar yang ada pada hari ini cukup baik, cukup cantik cuma kita mahu supaya perpaduan yang kukuh ini dapat kita terus lakukan dengan sebaik mungkin bagi kepentingan generasi yang akan datang. Hah, jadi apakah Yang Berhormat melihat bahawa parti-parti politik tertentu yang sengaja anti kerajaan yang menggunakan isu perkauman ini termasuk sekolah, sekolah wawasan dan sebagainya untuk mencetuskan perbalahan di kalangan masyarakat. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Larut dan saya ambil ini sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Saya hendak teruskan sedikit. Saya belum habis. Sekejap...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, bangun.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Saya hendak teruskan ucapan saya iaitu lima teras yang saya sebutkan tadi ialah:

- (i) meningkatkan nilai ditambah dalam ekonomi negara;
- (ii) meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda teras pertama;
- (iii) menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif;
- (iv) meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup; dan
- (v) mengukuhkan keupayaan institusi dan keupayaan pelaksanaan negara.

Peruntukan sejumlah RM220 bilion yang telah disediakan bagi menggerakkan jentera Rancangan Malaysia Kesembilan sudah cukup banyak untuk mencapai matlamat dalam rancangan Malaysia tersebut dengan syarat wang tersebut diurus dengan betul dan berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana berusaha mengurangkan jurang pembangunan wilayah. Boleh dikatakan kebanyakan negeri mempunyai agensi...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tentang apa, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam? Kalau isu wilayah, okay.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Kalau ada isu wilayah saya beri, kalau tidak ada, tidak payah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Wilayah! Satu minit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Dalam surat khabar *Sin Chew Jit Poh Daily*, dua hari yang lepas ada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di Maran yang menghadapi masalah bahawa ia sudah menjadi bangunan yang tidak selamat tetapi masih digunakan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia belum bangkitkan perkara itu.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Jadi, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat bagi Maran tahu...

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Saya, saya...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat bagi Maran tahu yang selain daripada itu saya ingin mengatakan saya tidak setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, saya ada bawa tentang pendidikan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya tahu, saya tahu. Yang Berhormat, biarlah saya habiskan, satu minit lagi. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut ialah politik perkauman. Saya rasa parti politik yang paling perkauman di dalam negara ini ialah UMNO.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** DAP, DAP. Cukup Yang Berhormat, saya tidak beri peluang.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kerana UMNO untuk satu kaum sahaja.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Saya hendak teruskan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Dan bukan parti yang lain.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara yang menimbulkan masalah perpaduan kita.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ha, itulah.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Saya tidak suka seperti ini.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Masalahnya ialah hanya dia yang boleh kata tetapi orang lain tidak boleh ada pandangan lain. Inilah masalahnya.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa ada isu saya masalah pendidikan sekolah-sekolah rendah. Ini penting. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan.

Johor mempunyai KEJORA, Kedah mempunyai KEDA, Pulau Pinang mempunyai PERDA, Terengganu mempunyai KETENGAH, Kelantan mempunyai KESEDAR. Tahniah saya ucapkan kepada Sabah dan Sarawak kerana telah diluluskan agensi pembangunan wilayah masing-masing dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Saya penuh yakin tahap kemiskinan dan kekurangan kemudahan yang diperjuangkan oleh Ahli-ahli Parlimen dari kedua-dua negeri ini, terutama Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Kalabakan dan pelbagai lagi akan dapat diatasi dengan syarat jentera pelaksanaan menjalankan tugas mereka dengan cekap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan kerajaan memberikan perhatian semula kepada kawasan-kawasan luar bandar di negeri Pahang. Saya minta kerajaan mengkaji semula kesan pembubaran tiga agensi pembangunan wilayah di negeri Pahang iaitu Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka atau LKWJ, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara atau DARA, dan Program Pembangunan Pertanian Bersepadu Pahang Barat atau IADP, yang dahulunya berperanan membangunkan kawasan luar bandar di negeri Pahang.

Saya tidak mahu mempersoalkan kenapa dan siapa membubarkan agensi-agensi wilayah ini. Sepatutnya agensi-agensi ini tidak dibubarkan oleh kerajaan kerana tanggungjawab dan peranan mereka belum lagi selesai. Pembangunan kawasan-kawasan yang dahulunya di bawah tanggungjawab dan pemantauan agensi-agensi ini kini terbiar dan kurang daya membangun. Keceriaan tidak ada lagi, kemalapan dan kemuraman kawasan-kawasan berkenaan seolah-olah menggambarkan betapa malap dan hilangnya harapan masa depan penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Saya juga difahamkan dahulu kerajaan pernah menjanjikan peruntukan yang dahulunya diperolehi oleh agensi-agensi ini akan disalurkan kepada agensi-agensi kerajaan lain setelah agensi-agensi wilayah tersebut dibubarkan tetapi apa yang dijanjikan tidak berlaku sama sekali. Ini bermakna kerajaan negeri malah masyarakat luar bandar di negeri Pahang kehilangan berpuluh-puluh juta ringgit setiap tahun akibat penutupan agensi-agensi wilayah ini.

Daripada semakan yang saya buat, sebagai contoh, LKWJ mendapat peruntukan sejumlah tidak kurang daripada RM30 juta setiap tahun malah kadang-kadang lebih daripada itu. Apa yang jelas pelbagai program pembangunan bukan sahaja fizikal tetapi yang penting pembangunan sosial dan masyarakat setempat tidak ada lagi. Untuk diharapkan peruntukan Ahli Parlimen, DUN dan pejabat daerah, berapa sangat yang kami ada.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** [Bangun]

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Sila, Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Maran. Apabila menyebut tentang agensi wilayah seperti negeri Kelantan, KESEDAR, kita pasti agensi ini amat penting untuk memulihkan kawasan-kawasan luar bandar. Yang penting sekali adalah untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara kalangan masyarakat. Hari ini kita tahu kemiskinan tegar negara kita masih banyak lagi dan kadar kemiskinan adalah sekarang ini berjumlah 5.7% pada tahun 2004.

Saya menyarankan kepada Yang Berhormat bagi Maran supaya mencadangkan kepada kerajaan supaya agensi-agensi wilayah ini mengambil bahagian untuk pembangunan tanah, contohnya pembukaan tanah-tanah rancangan yang mana sekali gus dapat mengambil mereka daripada keluarga miskin tegar ini mengikuti ataupun menyertai program rancangan tanah baru dan sudah pasti kerajaan akan mencapai tahap kemiskinan tegar pada 2010 nanti pada tahap yang paling minimum. Setujukah Yang Berhormat?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Saya setuju, Tuan Yang di-Pertua dan saya masukkan ia sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sedikit saya hendak sambung.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Jangan panjang sangat, masa tidak cukup.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Saya minta penjelasan sedikit tentang penubuhan perbadanan wilayah ataupun agensi dalam wilayah ini. Apakah tidak ia bertindih ataupun peranan yang sama dengan badan-badan seperti FELCRA dan FELDA yang memang wujud dan juga beberapa buah perbadanan yang mempunyai matlamat yang serupa kecuali Kelantan oleh kerana ia diperintah oleh pembangkang iaitu PAS. Kenapa tidak peruntukan yang ada ini, yang kita jurus kepada Rancangan Malaysia Kesembilan ini diberi terus kepada semua kerajaan negeri supaya kerajaan negeri lebih bertanggungjawab dalam setiap negeri yang berkenaan.

Kalau tidak, lembaga wilayah ini dia punya satu *fund*, dengan izin, FELCRA, FELDA dan beberapa agensi lagi seperti RISDA. Jadi kalau bolehlah kita lihat kembali apakah supaya peruntukan yang ada ini diberikan terus, *direct* kepada kerajaan-kerajaan negeri yang dipimpin sama ada oleh menteri besar ataupun ketua menteri kecuali di Kelantan kerana Kelantan diperintah oleh pembangkang, agak sukar untuk diselaraskan segala peruntukan tersebut.

Oleh itu saya melihat kenapa tidak diberi terus kepada kerajaan-kerajaan ini untuk mempergunakan peruntukan ini daripada tadi, Pahang, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Maran, sudah ditutup sesetengah lembaga. Apa pandangan Yang Berhormat bagi dalam perkara ini?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Sebenarnya sebahagian agensi itu mempunyai peranan yang khusus, jadi kita nampak. Kalau agensi pembangunan wilayah tidak perlu, ada pertindihan, saya rasa kerajaan tidak tubuhkan di Sarawak dan Sabah. Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini dan demi masa hadapan masyarakat luar bandar di kawasan ini...

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** ...Saya ingin mencadangkan dan merayu... Tunggu sekejap Yang Berhormat. Dan merayu kerajaan agar dapat mewujudkan semula agensi wilayah di negeri Pahang. Saya tidak mahu LKWJ, DARA atau

IADP diwujudkan semula kerana ia akan memalukan kerajaan. Namun apa yang saya inginkan ialah satu agensi lain yang berperanan sama seperti agensi-agensi terdahulu bahkan bertanggungjawab dalam semua aspek pembangunan wilayah.

Di sini saya ingin mencadangkan agensi tersebut diberi nama Perbadanan Pembangunan Wilayah Pahang. Modus operandi dan skop tanggungjawab bolehlah diambil daripada peranan agensi-agensi terdahulu atau yang berada di negeri-negeri lain, namun tumpuan utamanya ialah kepada pembangunan kawasan-kawasan luar bandar yang masih tertinggal termasuk perkampungan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebab kenapa agensi ini tidak boleh diwujudkan semula...

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Ha, sila.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Mengenai fungsi dan tanggungjawab Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka di antaranya adalah untuk bekalan elektrik, projek jalan kampung, bekalan air dan kemudahan-kemudahan asas yang lain. Tahu tidak Yang Berhormat bagi Maran bahawa daerah Maran ini selalunya terdapat gangguan bekalan air. Adakah akibat daripada penutupan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka ini menyebabkan selalu berlakunya gangguan bekalan air di kawasan daerah Maran termasuk juga di kawasan Jengka.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Saya kira mungkin sebahagiannya. Kalau saya sebutkan tadi RM30 juta setahun diperuntukkan kepada satu agensi, manakala kalau tiga agensi kita ada RM60 juta. Maknanya kalau lima tahun, pelbagai masalah boleh kita selesaikan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebab kenapa agensi-agensi ini tidak boleh diwujudkan semula kerana agensi-agensi pembangunan wilayah di negeri-negeri lain masih kekal dan diperlukan. Kalau negeri Pahang disenaraikan di kalangan tujuh buah negeri yang dianggap miskin, maka amat rasional kerajaan mempertimbangkan semula. Saya tidak pernah iri hati kepada rakyat Sabah dan Sarawak kerana mereka mendapat agensi pembangunan wilayah yang baru. Malah memang wajar agensi pembangunan wilayah di Sabah dan Sarawak ini diwujudkan. Malah perkara ini telah saya dan rakan-rakan saya suarakan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi yang ada sekarang yang diwujudkan melalui *management by-out* atau MBO, dengan izin, tidak berkemampuan untuk menjana semula perancangan dan pembangunan di kawasan-kawasan berkenaan kerana tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi. Saya bimbang bukan sahaja badan ini akan berkubur begitu sahaja malah apa yang paling dibimbangkan ialah harapan masyarakat luar bandar yang miskin terhadap pembangunan, hancur begitu sahaja. Justeru dengan itu, kepercayaan mereka terhadap kerajaan juga lenyap. Di sini sekali lagi saya merayu kepada kerajaan agar dapat mengambil langkah ke arah mewujudkan semula agensi pembangunan wilayah di negeri Pahang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan lain-lain kementerian yang telah banyak memberikan sumbangan kepada membangunkan masyarakat miskin di luar bandar. Tahniah di atas prestasi mereka dalam membangunkan masyarakat luar bandar ini dan saya berharap kepada kerajaan supaya kerajaan memberikan tambahan peruntukan yang lebih kepada kementerian-kementerian ini terutama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi Rancangan Malaysia Kesembilan ini yang difahamkan hanya memperoleh RM10.9 bilion dalam tempoh lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri malah masyarakat awam masih merasakan kelemahan sistem penyampaian atau dengan izin, *delivery system* adalah antara perkara yang menjejaskan kelancaran dan pelaksanaan perancangan dan program pembangunan kerajaan di semua peringkat. Saya berharap agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam atau JPA, Unit Penyelaras dan Pelaksanaan iaitu ICU, Unit Perancang Ekonomi atau EPU, dan Perbendaharaan atau lebih dikenali dengan Agensi Pusat ataupun *Central Agency*. Ini dapat melihat di manakah terdapat lompang-lompang atau barah yang menyebabkan kegagalan sebahagian pelaksanaan dasar-dasar dan program kerajaan.

Saya berharap agensi seperti Manpower Planning Unit iaitu MAMPU, dengan izin dan JPA dapat memberikan laporan kepada Dewan yang mulia ini akan tahap kecukupan dan kelemahan sistem penyampaian kerajaan dan memperakukan apa juga cadangan yang boleh membantu kerajaan sekiranya kita benar-benar ingin bekerja bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, budaya dan mentaliti pegawai yang memberikan laporan, semuanya baik kepada pemimpin negara dan ketua jabatan tanpa memberikan taklimat tidak harus wujud lagi. Sikap "okey bos", "beres bos", "beres tuan", sedangkan barah dan penyakit di dalam agensi-agensi amat parah sekali dan patut dihentikan. Jika terdapat pegawai-pegawai yang bersikap hipokrit dalam agensi-agensi ini, mereka perlu diambil tindakan tatatertib atau dipecat sahaja sebelum agensi-agensi berkenaan yang menjadi harapan rakyat hancur musnah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak sebab kenapa kita tidak boleh mencapai hasrat dan harapan yang dirancang oleh kerajaan. Bagi pegawai awam, jasa kurang lebih satu juta daripada tuan-tuan dan puan-puan tidak saya nafikan, malah pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan sukar dibalas tetapi amat mengecewakan kita kerana masih terdapat pegawai-pegawai awam yang mencari musuh dalam selimut, gunting dalam lipatan, yang tidak jujur dan amanah sebaliknya mengkhianati amanah yang diberikan kepada mereka dan menggagalkan peranan agensi-agensi kerajaan yang terlibat. Mereka yang bersikap seperti ini tidak harus disimpan bak makhluk perosak, hapuskan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu kenapa pemikiran sebegini masih lagi wujud di kalangan pegawai-pegawai awam. Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kerajaan melarang ketua-ketua jabatan dan pegawai dalam Kumpulan 'A' melibatkan diri secara aktif dalam politik kepartian. Ini bagi mengelakkan pegawai-pegawai berkenaan menggunakan kedudukan dan jawatan mereka termasuk kewangan bagi kepentingan peribadi dan juga politik. Sebagai contoh, Ketua Jabatan Agensi Antidadah Kumpulan 'A'. Di Kampung 'A', serius masalah dadah. Dia ada penyokong dia. Di Kampung 'B', tiada masalah dadah tetapi ada penyokong dia tetapi projek akan dibuat, peruntukan akan diberi kepada Kampung 'B' yang tidak ada masalah dadah kerana kepentingan peribadi politik mereka. Implikasinya, Tuan Yang di-Pertua peruntukan habis, masalah dadah tidak selesai, perpaduan dan perpecahan berlarutan.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap kerajaan mengambil tindakan tegas dalam perkara ini kerana pegawai-pegawai ini bukan sahaja telah menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan peribadi mereka. Duit yang diagihkan oleh kerajaan habis lesap, masalah masyarakat tidak selesai malah semakin berlarutan dan masalah sosial dan perpaduan semakin terjejas. Ketua jabatan di mana-mana peringkat, di negeri ataupun daerah atau pegawai-pegawai Kumpulan 'A' di mana-mana peringkat yang mempunyai kepentingan politik perlu diberi pilihan untuk berpolitik atau bekerja...

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Jika ingin berpolitik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ...Boleh gulung.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Oh, habis dah.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sebutkan tentang pegawai-pegawai Kumpulan 'A' yang terlibat dalam politik dan menggunakan jawatan itu untuk kepentingan diri tetapi bagaimana pandangan Yang Berhormat mengenai jawatan-jawatan politik yang diwujudkan untuk kepentingan kerajaan, misalnya JASA.

Saya ambil contoh, JASA. Pegawai JASA ditubuhkan oleh Kementerian Penerangan untuk kepentingan kerajaan. Kerja untuk memantapkan kerajaan tetapi ada di kalangan pegawai JASA yang mempunyai jawatan di dalam politik, menggunakan kedudukan dia untuk kepentingan politik peribadi dia. Kadang-kadang memecahbelahkan. Mereka masuk kumpulan. Misalnya, di dalam bahagian kalau ada *Team 'A'*, *Team 'B'*. Dia masuk di dalam *Team 'B'*, dia pula memecahbelahkan masyarakat. Jadi, bagaimana dengan pegawai-pegawai seperti ini. Adakah Yang Berhormat bercadang kalau mereka hendak bergiat dalam politik, mereka berhenti daripada menjadi pegawai JASA dan sebagainya.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dah sebutkan tadi, saya tak pilih siapa-siapa. Asalkan ada sahaja pegawai-pegawai yang berkepentingan peribadi, politik mereka, kalau mereka bergelar sebagai Ketua Jabatan, maka mereka kena buat pilihan, berhenti atau jadi ahli politik ataupun bekerja? Terima kasih, termasuklah JASA dan sebagainya, saya tak kira siapa-siapa jabatan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Penerangan dan agensi di bawahnya. RTM1, RTM2, TV3, TV7, ASTRO dan lain-lain yang banyak menyalurkan maklumat kepada masyarakat. Namun saya berharap saluran-saluran media ini, harus mempunyai tanggung jawab sosial dan moral terhadap masyarakat dan negara. Tidak ada maknanya, kerajaan bersungguh-sungguh membina peribadi anak bangsa, tetapi ada pihak yang cuba meruntuhkannya.

Oleh itu, program-program yang berunsur negatif yang boleh merosakkan akhlak remaja dan masyarakat perlu dikurangkan dan diperbanyakkan program ke arah membina masyarakat sempurna. Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada TV1 di atas program, Masih Ada Yang Sayang, TV1 kalau tak silap saya. TV3, Program Bersamamu, yang mendedahkan nasib malang dan menyayat hati sebahagian masyarakat di negara kita, terutamanya, masyarakat di luar bandar.

Dari sudut positifnya, ia boleh memberikan keinsafan kepada kita bahawa, ramai masyarakat kita yang tidak bernasib baik. Bagi orang kaya, bahawa ramai lagi orang miskin yang perlu dibantu dan sebagainya tapi kadang-kadang, ada program seperti ini yang menimbulkan ketegangan dan masalah di antara kerajaan, pemimpin dan pihak penganjur seperti yang telah dilaporkan oleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa sudah cukup.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Saya nak habiskan sikit sahaja lagi. Minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia masa sudah cukup.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Masa sudah cukup?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada TV3 kerana melaksanakan program Bersamamu. Usaha tabung TV3, amat baik, berikan bantuan dan sebagainya. Saya ada sempat bersama program ini Tuan Yang di-Pertua. Bagilah, saya jarang bercakap Tuan Yang di-Pertua.

Saya ada sempat bersama program ini, di salah sebuah kampung di tempat saya, beberapa bulan yang lepas. Tetapi, itu pun setelah saya secara peribadi mencarinya,

apabila dilaporkan oleh pegawai saya, TV3 masuk kampung. Tuan Yang di-Pertua, beri laluan sikit Tuan Yang di-Pertua, ini untuk kepentingan masyarakat, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak bertanya Yang Berhormat daripada Maran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payahlah. Cukuplah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Jika beliau bersetuju Tuan Yang di-Pertua, malam Maulud Nabi tempoh hari, ketika masyarakat Islam meraikan hari kelahiran Nabi Muhammad SAW. Pada malam sebelum itu, yang mana TV1 telah menayangkan, satu program yang dibuat oleh Kementerian Warisan. Lagu *A Go-Go, Suzana*..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Dengan penari-penari yang pakai skirt, sesuai tidak pada malam itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sebab ramai, ramai masih tunggu giliran mereka.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah sebutkan tadi, kalau membawakan unsur negatif kepada masyarakat, jangan dibuat! Ini peranan kita hendak beri kepada media-media ini. Tuan Yang di-Pertua, tetapi alhamdulillah, saya takut isu-isu yang tidak tepat dilaporkan tetapi alhamdulillah, ia berjalan baik. Cuma saya minta lain kali, media-media yang ada masuk kampung seperti TV1, TV3 dan sebagainya, berilah salam kepada Ahli Parlimen. Beri salam kepada ADUN, beri salam kepada pegawai daerah ataupun pemimpin-pemimpin setempat. Agar program yang hendak kita lakukan ini, dapat kita jalankan dengan baik.

Saya bila-bila masa, Tuan Yang di-Pertua boleh berikan kerjasama. Malah, kita boleh tolong mencari orang-orang yang tidak sihat ini. Orang-orang yang kurang bernasib baik ini untuk kita berikan bantuan kepada mereka. Bawa sahaja duit kepada saya, insya-Allah saya akan berikan. Kalau boleh saya akan berikan minuman kepada kumpulan TV3 ataupun kumpulan-kumpulan ini. Kerana kita melihat bahawa peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi ini, termasuklah TV-TV ini, adalah penting bagi pembangunan masyarakat luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, boleh sikit lagi Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup, cukup.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Saya dengan itu, dengan berdoa kepada Allah SWT supaya hasrat Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri akan mencapai kejayaan, saya dengan ini mohon menyokong.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Kinabalu, 10 minit ya! Yang Berhormat, 10 minit.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Selepas itu, Kudat.

**11.50 pagi**

**Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, terlebih dahulu... *[Menyampuk]* Saya minta 10 minit sahaja. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Usul Rancangan Malaysia Kesembilan, yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Mac 2006.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dapat menyediakan sejumlah RM200 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk memacu misi nasional ke arah mencapai Wawasan 2020 dan sekali gus menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju di rantau ini.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menubuhkan badan bertindak pelaksanaan negara yang bertujuan untuk memantau projek-projek yang mempunyai impak besar dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dilaksanakan dengan lancar dan teratur. Saya percaya, apa jua masalah yang dihadapi nanti akan dapat diselesaikan dengan cepat dalam badan pemantau tersebut. Dalam pada itu, semua rakyat jelata akan mengecapi hasil daripada pembangunan yang dirancangan oleh kerajaan. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang akan ketinggalan dalam arus pembangunan negara tanpa mengira kaum atau agama.

Tuan Yang di-Pertua, setiap rakyat Malaysia sememangnya mengharapkan agar negara kita akan terus maju di mana pembangunan ekonominya adalah seimbang dengan pembangunan sosialnya. Namun demikian, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan haruslah disokong oleh seluruh rakyat jelata. Setiap rakyat Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Sistem penyampaian hendaklah ditingkatkan dan diperbaiki lagi agar apa jua program yang telah dirancangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menyediakan sejumlah RM15.7 bilion untuk negeri Sabah bagi membiayai pelbagai program yang telah dirancangan. Saya gembira melihat program-program yang dirancangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah selaras dengan teras hala tuju pembangunan negeri Sabah. Saya berharap peruntukan ini dapat disalurkan kepada kerajaan negeri secepat mungkin agar pelaksanaan semua program yang telah dirancangan dapat dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin membangkitkan beberapa isu yang relevan dalam konteks pembangunan negeri Sabah untuk diberi perhatian. Isu pertama, adalah kadar kemiskinan di negeri Sabah adalah yang tertinggi di Malaysia. Adalah diharapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, perhatian untuk membasmikan kemiskinan bukan sahaja difokuskan di Semenanjung Malaysia, bahkan juga di negeri Sabah dan Sarawak. Peruntukan yang telah disediakan haruslah dibelanjakan dengan baik atau sampai ke kumpulan sasar agar masalah kemiskinan yang sudah begitu lama dibincangkan dapat diselesaikan. Isu kedua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM12.9 bilion telah disediakan untuk pembangunan IT sebagai satu sumber kekayaan. Kurang lebih RM300 juta adalah untuk meningkatkan kemudahan teknologi komunikasi dan maklumat atau ICT di luar bandar.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Penjelasan.

**Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu]:** Saya ada 10 minit sahaja, okey? Saya berharap sebahagian daripada peruntukan-peruntukan tersebut dapat disalurkan di negeri Sabah untuk menyokong inisiatif kerajaan negeri Sabah untuk menjayakan *e-government* dan membangunkan ICT serta mengurangkan digital divide antara bandar dan luar bandar. Isu ketiga, keutamaan untuk mewujudkan modal insan yang terbina dan mempunyai mentality kelas pertama, adalah dialu-alukan.

Dalam era globalisasi ini, kita memerlukan pekerja-pekerja yang berkelayakan, mahir dan juga beretika dan integriti yang tinggi. Saya bersetuju dengan pendapat bahawa tidak ada gunanya kita mempunyai infrastruktur yang canggih tetapi tidak mempunyai sumber manusia yang terlatih untuk menggunakannya. Adalah diharapkan kerajaan pusat dapat mengambil kira terhadap keperluan pembangunan sumber manusia di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas

pembentangan Usul Rancangan Malaysia Yang Kesembilan. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ayer Hitam, sila.

**11.57 pagi**

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini 10 minit jugakah?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tidak, tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia tak minta.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya ucapkan Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentang Rancangan Malaysia Kesembilan secara menyeluruh. Akan tetapi beberapa perkara yang perlu saya bangkitkan di sini supaya input dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini lebih menyeluruh. Yang pertama, yang menjadi pertikaian saya apabila saya membaca Rancangan Malaysia Kesembilan ialah kenapa Universiti Teknologi Malaysia tidak dimasukkan di dalam universiti penyelidikan? Ini adalah satu masalah yang agak serius kerana kalau kita nak mengorak langkah ke arah Wawasan 2020, kalau sebuah universiti terunggul dalam teknologi tidak dimasukkan sebagai satu universiti penyelidikan, ia merupakan sesuatu perkara yang amat ganjil sekali. Maka dalam konteks ini, sebagai graduan daripada UTM dan juga saya ingin menyatakan hasrat kita sebagai jurutera supaya Universiti Teknologi Malaysia ini dianggap sebagai universiti penyelidikan. Kalau tidak, kita akan ketinggalan dalam bidang teknologi. Kalau kita perhatikan dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan ini..

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Penjelasan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sekejap, biar saya belum habis cakap. Hanya Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, UPM dan USM, dinaiktaraf sebagai universiti penyelidikan. Kita lihat, dari segi bidang kejuruteraan yang ditawarkan oleh kesemua universiti ini, berbanding dengan Universiti Teknologi Malaysia, tidaklah besar jumlahnya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Penjelasan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Belum, belum, biar saya habis hujah dulu. Perhitungan berdasarkan nisbah pasca-siswazah, *post-graduate* dengan pengambilan pelajar di peringkat Ijazah Pertama, iaitu 30% yang digunakan oleh pihak kementerian ini merupakan satu garis panduan yang perlu diteliti semula. Saya mengatakan ini kerana kalau kita melihat empat buah universiti tersebut, ada banyak bidang perniagaan dalam bidang kemanusiaan. Sebab itulah, kalau kita nak mengambil pelajar-pelajar untuk mengikuti penyelidikan dalam bidang Sarjana, ia mudah dengan cara *Master of Arts* sahaja. Kalau kita nak buat penyelidikan dalam bidang kejuruteraan, kita perlu melakukan penyelidikan iaitu melalui pembelajaran *Master of Engineering*. Itu wajib dengan cara penyelidikan.

Sebab itulah, jumlahnya tidak mungkin seperti di universiti-universiti lain untuk melahirkan begitu banyak sekali kerana kita perlukan mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bidang penyelidikan ini. Maka dalam konteks ini, saya ingin mengutarakan empat sebab kenapa Universiti Teknologi Malaysia sepatutnya dijadikan sebagai universiti penyelidikan. Yang pertama, UTM mempunyai kursus-kursus yang relevan dengan pembangunan Sains dan Teknologi dan Kejuruteraan dan permintaan tinggi di pasaran.

Maka lepasan sekolah berebut-rebut untuk memasuki bidang kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia. Yang kedua, dari segi pensyarahnya, mungkin pada masa ini orang menganggap pensyarah di UTM ramai yang telah berhijrah ke kolej di universiti yang lain.

Tetapi perlu kita ingat pensyarah UTM dengan ijazah Ph.D telah dieksport ke Kolej Universiti Tun Hussein Onn, ke KUKTEM, KUKUM, KUTKM dan sejak lima tahun yang lalu Universiti Teknologi Malaysia telah mengeksport tidak kurang daripada 100 orang pensyarah yang berkelulusan Ph.D. Maka, ini merupakan satu tempat yang dapat melahirkan pensyarah yang berkualiti dan dieksport ke tempat yang lain...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kalaulah universiti ini dijadikan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh Yang Berhormat?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Tidak dijadikan universiti *research*....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bagi ke tidak?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ....Saya rasa ianya akan merugikan negara.

Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Memang saya terpacu untuk turut serta dalam bercerita persoalan dengan jurutera-jurutera yang berteknikal dalam negara kita. Memang ini telah kita sarankan daripada awal agar kerajaan kalau boleh bukan sahaja UTM bahkan mungkin menambah pusat-pusat kejuruteraan dalam bidang jurutera ini. Sebab di negara kita ini masih banyak kekurangan jurutera-jurutera yang diperlukan oleh syarikat-syarikat swasta dan juga kerajaan dan apabila ada contohnya projek-projek di agensi kerajaan pun, di pembangunan luar bandar tidak ada jurutera dalam bidang jalan raya dan sebagainya. Jadi, ini amat diperlukan.

Jadi, apakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan kalau boleh bukan UTM sahaja bahkan untuk membuka beberapa banyak institusi khusus untuk jurutera dalam bidang *civil engineer* dan sebagainya. Minta penjelasan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebenarnya kalau UTM tidak diberikan taraf universiti penyelidikan apatah lagi universiti lain dan saya melihat apabila kerajaan membuka banyak universiti dan kolej universiti mereka tidak ada pensyarah. Mereka pergi ke UTM. Lihatlah sekarang di KUKTEM, KUKUM dan banyak lagi tempat KUTKM hampir kesemua, rektor, timbalan rektor, dekan, dan timbalan dekan datangnya dari UTM. Ini satu hakikat yang kerajaan jangan lupa dan di sini juga saya ingin menyatakan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelapan UTM mendapat paling banyak *research* geran, dan mereka berjaya mendapat lebih daripada 100 *highest medal* dalam bidang penyelidikan. Inilah satu kejayaan di UTM tetapi tidak diberi pengiktirafan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** [Bangun]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Jadi, sebab itulah saya menyatakan UTM sebagai....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Universiti teknikal dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Teknologi yang terunggul...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Perlu menggambarkan *niche* dalam Wawasan 2020. Sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya terpaut pada anggapan Yang Berhormat tadi mengatakan 100 lebih *research* yang telah dibuat oleh UTM. Ini menunjukkan bahawa UTM adalah universiti yang terbaik tetapi malangnya segala *research* yang mereka buat itu tidak boleh menjadi kenyataan. Tidak boleh dipergunakan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Komersial!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Di *commercialize* kan. Adakah kerana pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi tidak memberi tumpuan kepada *research* yang telah mereka buat ataupun mereka buat *research* tetapi tidak diketengahkan untuk *dicommercialize*kan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Jadi, apakah nasihat Yang Berhormat supaya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini memastikan dan menyuluh setiap universiti yang ada ini ambil segala *research* yang mereka buat, dan cuba *commercialize research* ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang tepat. Kalau kita melihat *solar energy* yang telah dimajukan oleh Universiti Teknologi Malaysia di mana kenderaannya direka bentuk menggunakan tenaga solar. Itu memang satu kejayaan besar tetapi kerajaan kita, termasuklah kementerian dan universiti, mereka tidak memperbanyakkan usaha untuk mengadakan usaha sama dengan sektor industri.

Saya rasa inilah tempatnya dan saya rasa semasa kita melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan ini boleh memikirkan atau memaksa universiti berkenaan dan juga semua universiti untuk mengadakan usaha sama dengan pihak industri. Saya rasa kalau UTM diberi pengiktirafan sebagai *research university*, mereka perlu dan mereka wajib menjalankan usaha sama dengan pihak industri agar hasil penyelidikan mereka dapat diterima oleh pihak industri.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya beralih kepada isu GLC. Ingin saya menyatakan di sini bahawa saya menyokong rakan-rakan yang lain yang telah memberi hujah mereka tentang bagaimana mengemaskinikan GLC. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa GLC ini memperoleh sumber kewangan daripada pembayar cukai dan rakyat jelata. Maka, segenap lapisan juga menyumbang kepada cukai yang telah dikenakan oleh kerajaan dan saya rasa oleh kerana itulah pihak pengurusan GLC kena memikirkan ini adalah dana rakyat, ianya perlu diurus dengan baik tetapi rata-rata kawan-kawan kita telah menyatakan bahawa GLC itu ada kekurangannya, tidak ada obligasi sosial.

Memang saya rasa itu adalah satu pandangan yang tepat dan saya juga difahamkan ada di kalangan vendor bumiputera juga tidak boleh hidup di bawah GLC. Apa telah berlaku? Adakah mereka ini tidak diberi tempat ataupun mereka telah dianaktirikan oleh GLC? Saya rasa ini adalah perkara serius. Kalau kita betul-betul mahu membantu mereka untuk menjayakan perniagaan mereka saya rasa tindakan perlu diambil kerana kita perlu menjaga segenap lapisan masyarakat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, sedikit Yang Berhormat. Hendak bantu Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai. Hendak bagi jalan?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Biar saya habis dahulu. Sekejap, belum habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi jalan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Di samping itu juga saya ingin menyatakan bahawa di dalam GLC kita kena mengamalkan prinsip meritokrasi. Sesiapa yang boleh, sesiapa yang dapat menunjukkan keupayaan patut diberi tempat. Dan ketiga, kalau kita mengikut semangat rakyat Malaysia sepatutnya semua kaum diberi peluang untuk menerajui kepimpinan GLC. Itu pun yang telah dikatakan oleh pihak kerajaan sebelum ini di mana tidak lama lagi CEO yang bukan bumiputera juga akan dilantik. Persoalannya sekarang, adakah ia kebetulan ataupun memang tidak ada orang yang layak di kalangan kaum Cina dan kaum India. Saya ingin mengutarakan hujah ini supaya kita dapat

menggambarkan hasrat kerajaan untuk kita menyusun semula tenaga pekerja baik di sektor awam ataupun sektor swasta.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *[Bangun]*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kalau kita melihat perkara ini saya yakin memang ramai yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Berkebolehan, mereka juga mahu menyumbang kepada negara tanpa mengira kaum. Silakan.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya tertarik dengan pandangan bahawa ahli-ahli korporat daripada masyarakat India dan Cina juga perlu diberi peluang untuk menyertai GLC-GLC. Bolehkah Yang Berhormat setuju bahawa dalam senario globalisasi di mana cabaran yang begitu hebat daripada dunia, khususnya pembangunan negara India dan China sebagai gergasi ekonomi. Maka, pakatan sebegini akan memanfaatkan Malaysia daripada menjadi satu kelemahan dan kita perlu melihat senario perkembangan ekonomi Malaysia dari sudut globalisasi dan bukan dari segi mikro yang kecil tetapi dari segi makro.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih jiran saya. Itu yang saya hendak sampai ini. Sebenarnya, kita melihat GLC sentiasa bersaing dengan masyarakat perdagangan tempatan, baik bumiputera ataupun bukan bumiputera. Saya berasa sedih juga kadang-kadang melihat GLC berkecimpung dalam perniagaan yang mana kita sebagai rakyat Malaysia boleh buat. Sebagai contoh restoran, agensi pelancongan, hartanah, dan sewa kereta. Saya rasa mana-mana rakyat Malaysia boleh buat, tidak perlu GLC baik di peringkat negeri atau persekutuan untuk mengadakan perniagaan ini dan kita tidak mahulah bersaing dengan rakyat jelata sedangkan kita juga mengutip cukai daripada mereka. Wang itu adalah sumbangan mereka. Jadi, saya rasa ini adalah *unfair advantage*, dengan izin.

Saya juga menyarankan di sini seperti mana Yang Berhormat bagi Cameron Highlands katakan tadi, kita perlu mencari *niche market* dan kita mempunyai beberapa bidang baru yang perlu diterokai. Sebagai contoh, *nanotech*, *biotech* yang memerlukan perbelanjaan yang begitu banyak. Saya rasa GLC boleh memainkan peranan. Kalau mereka dapat memberikan pelaburan yang lebih tinggi dan mereka juga boleh membawa rakyat Malaysia atau mereka yang ingin berkecimpung dalam bidang ini untuk berjaya dalam bidang tersebut saya rasa itu adalah satu rahmat kepada negara kita.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ledang.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Yang Berhormat bagi Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Ledang teruskan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, saya tertarik dan bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang GLC yang kebanyakannya diurus, di mana jawatan-jawatan utama dikuasai oleh kaum bumiputera tetapi dalam masa yang sama juga kita lihat banyak syarikat-syarikat gergasi kepunyaan bukan bumiputera yang seolah-olah tidak memberi tempat langsung kepada kaum bumiputera dan wujud satu keadaan di mana ketidakseimbangan itu berlaku.

Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tentang perkara ini kerana tadi Yang Berhormat sebut perlu kita menggabungkan semua kepakaran-kepakaran tidak kiralah Melayu, India dan Cina ini supaya mereka sama-sama menuju kepada sebuah bangsa Malaysia yang memberi sumbangan maksimum dalam semua bidang, bidang teknologi, nanoteknologi dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Itu memang pandangan yang tepat. Saya setuju dengan tindakan kerajaan untuk menyusun semula tenaga pekerja baik di bidang sektor awam atau swasta dan apa yang perlu kita amalkan ialah prinsip meritokrasi. Siapa yang boleh kita beri peluang, yang penting tidak kira dalam swasta atau awam kita kenalajah memajukan sektor-sektor ini dan saya rasa GLC yang ada sekarang perlu menerokai pasaran global seperti mana Yang Berhormat bagi Cameron Highlands katakan tadi dan *biotech*, *pharmaceutical*, telekomunikasi dan sektor perkhidmatan itu boleh dijadikan sebagai satu sasaran yang kita terokai.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** [Bangun]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Jadi, di sini saya ingin mengambil satu contoh....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Hendak bagi jalan?

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Yang Berhormat, saya tertarik mengenai GLC yang difokuskan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam supaya tidak bersaing dengan orang-orang awam di Malaysia tetapi menumpukan kepada sektor di mana tidak ada kemampuan di kalangan orang awam. Jadi, kalau kita kaitkan dengan tajuk utama Yang Berhormat tadi *research university* misal kata, patut inilah *area* yang sepatutnya difokuskan oleh GLC supaya mengkaji segala *research* yang dibuat oleh universiti dapat diterjemahkan untuk di *commercialize* kan. Jadi, adakah Yang Berhormat bagi Ayer Hitam mencadangkan perkara ini?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Itu akan dimasukkan sebagai ucapan saya dan akan dijawab oleh kementerian yang berkenaan.

Di sini, berbalik kepada soal pasaran global. Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bahawa kalau ada di kalangan kaum India dan Cina yang dilantik sebagai CEO untuk membantu menerokai pasaran di China dan India, ianya tidak akan merugikan negara dan malahan ianya akan memberi nilai tambah yang lebih tinggi kepada Malaysia.

Jadi, dalam konteks ini saya rasa sampai masanya kita memikirkan satu strategi bagaimana kita hendak keluar Malaysia, bagaimana kita hendak menerokai pasaran dunia seperti China dan India ini dan saya rasa kita boleh membantu dan memang kalangan masyarakat kaum Cina atau kaum India yang bergabung jumlah sebanyak 8 juta orang ini, saya rasa dan saya yakin memang ada orang yang berkemampuan yang rela untuk membantu negara merealisasikan agenda negara.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Bangun]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Dan, di sini juga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai bangun. Hendak bagi jalan?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya banyak lagi perkara. Sekejap.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sedikit sahaja. Ini hendak menolong Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, kalau ada masa saya akan bagi. Tolong sekejap.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, ini berkenaan dengan ekuiti bumiputera dan bukan bumiputera.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Biar saya habis dahulu. Belum jawab lagi soalan Yang Berhormat bagi Ledang. Terima kasih. Dan, saya rasa dalam konteks ini kita melihat negara-negara jiran, mereka juga menubuhkan GLC tetapi pasaran mereka 49% dalam pasaran tempatan dan 51% adalah pasaran dunia. Saya mengambil contoh Temasek Holding. Mereka telah melabur di Australia 18%, ASEAN 9%, China 8%, US 6%, India 2% dan Jepun 1%. Mereka juga memiliki 33% ekuiti mereka dalam bidang media dan telekomunikasi, 21% dalam perkhidmatan kewangan, 17% dalam pengangkutan dan logistik, dan 10% infrastruktur dan kejuruteraan. 8% sahaja hartanah, dan 7% dalam bidang tenaga, *energy*, dan 3% dalam *biofarma*. Ini kesemuanya di luar negara. Saya ingin menyatakan di sini bahawa GLC perlu dimantapkan mekanismenya dan supaya agenda nasional kita dapat direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa saya juga menyokong kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita perlu mencapai pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama. Di sini ingin saya menyatakan bahawa kalau tidak ada pertumbuhan ekonomi maka tidak gunalah kita membincangkan tentang pengagihan dan kita perlu juga mengikis mentaliti *zero sum game* di mana saya ingin mengambil contoh di sini jadual 16.6, muka surat 356 pemilikan ekuiti korporat bumiputera iaitu 18.9 % tidak berubah dan India pula 1.5% ke paras yang menurun kepada 1.2%, di mana kaum Cina terdapat perubahan sedikit daripada 38.9% ke 39% sahaja.

Ini menunjukkan bahawa ekuiti korporat China meningkat hanya 0.1%. Saya rasa perkara ini bukanlah sesuatu yang mengagumkan kita semua dan kami juga melihat pemilikan ekuiti asing dalam korporat meningkat daripada 31.3% kepada 32.5%. Ini menunjukkan satu peningkatan yang agak jelas dan berbanding dengan kaum-kaum yang lain. Saya rasa sebab itulah saya mengatakan kita perlu mengikis mentaliti *zero some game*, bukan kita bersaing antara kaum sahaja. Apa yang lebih penting kita perlu merampas dengan cara kita berasing dengan hebat dengan ekuiti asing ini bagaimana kita dapat menguasai pemilikan ekuiti dari asing supaya ia menurun dan kesemua kaum itu menikmati rahmat ataupun hasil atau faedah dalam pembangunan ekonomi.

Di sini juga saya ingin mengatakan bahawa dari segi statistik yang telah dipaparkan ianya jelas menunjukkan apa yang digunakan sekarang adalah pendekatan *intra ethnic disparity*, di mana kita telah jelas menunjukkan antara satu kaum itu ada perbezaan dan di sini juga saya ingin mengatakan bahawa *intra ethnic disparity* ini juga penting di mana dalam sesuatu kaum itu yang sama kita juga patut menunjukkan di manakah perbezaan dan jurangnya. Saya mengambil contoh pada tahun 1990, telah ditunjukkan bagi kaum tertentu mungkin *disparity* nya antara kaum, dalam kaum itu sendiri adalah 9.5% tetapi angka itu tidak lagi dipaparkan sehingga hari ini. Saya rasa kalau kita hendak mengaturkan strategi untuk menyusun semula masyarakat ianya merupakan satu strategi yang amat penting..

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Gombak bangun, hendak bagi jalan?

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam kerana memberi laluan kepada saya. Saya ingin mendapat penjelasan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, adakah Yang Berhormat merasakan bahawa pada masa ini *disparity intra ethnic* itu telah bertambah atau bagaimana?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya yakin bahawa ini adalah satu masalah yang sejagat baik kaum China, India dan Melayu saya rasa masalah ini turut berlaku yang kaya lebih kaya yang miskin lebih miskin sebab itu kerajaan mahu merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar dan sebab itulah saya mengatakan statistik ini amat penting. Kalau tidak ada perangkaan ini maka kita tidak dapat mengaturkan strategi yang tepat untuk mengatasi masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada isu yang lain dari segi penjagaan sumber air untuk menjamin masa depan. Saya faham bahawa Rang Undang-undang SPAN

akan dibenteng tidak lama lagi tetapi satu perkara yang jangan kita lupa iaitu tidak menyebut atau tidak ada bidang kuasa mengenai pengawalan sumber air mentah. Itu adalah satu masalah yang amat serius yang akan melanda negara kita. Saya di sini ingin menyeru kepada Kerajaan Pusat dan negeri, kedua-dua pihak mesti berunding sebelum padah. Ini masalah pencemaran air mentah ini dan krisis sebenarnya adalah kawasan tadahan tidak dijaga dengan baik.

Saya rasa Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri patut memikirkan satu strategi jangka panjang bagaimana kita mengatasi kekusutan ini. Saya juga meneliti dari segi peruntukan yang telah diberikan kepada setiap negeri. Negeri Johor, setelah diswastakan bekalan airnya kepada SAJ sejak Rancangan Malaysia Ketujuh, sampai ke hari ini, belum ada satu sen pun diberikan kepada negeri Johor.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Penjelasan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya rasa, saya kurang puas hati dengan perkara ini kerana walaupun di Pulau Pinang perkara yang sama telah diswastakan tetapi mereka dapat bantuan dan begitu juga dengan SYABAS ataupun Puncak Niaga di mana penyaluran air daripada Pahang sampai ke negeri Selangor telah diberikan peruntukan sebanyak RM3 bilion. Apa telah berlaku?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Rakyat Johor juga membayar cukai tetapi mereka tidak menikmati sebarang peruntukan. Sebab itulah rakyat Johor akan membayar tarif air yang tinggi. Saya di sini ingin menyeru kepada pihak Kerajaan Persekutuan supaya memikirkan bantuan yang perlu diberikan kepada negeri Johor walaupun ia telah diswastakan dan begitu juga dengan Pulau Pinang dan Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila, Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kawan saya daripada Ayer Hitam. Saya memang setuju dengan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bahawa apa yang kekurangan di dalam akta yang akan dibentangkan, sememangnya tidak ada peruntukan untuk pengurusan tadahan air kerana kalau air mentah tercemar, bagaimanapun kita merawat, itu akan mengambil belanja yang tinggi. Yang kedua, mutu air tidak akan mematuhi piawaian WHO dan piawaian Malaysia sendiri.

Apa yang kita tidak lihat, bahan-bahan tercemar di dalam air adalah seperti logam berat kerana ia tidak berwarna. Jadi ini adalah satu masalah. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, bagaimanakah kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat boleh merangka satu pelan dan satu pengurusan strategik bagi memastikan kualiti air mentah ini dikawal dan terjaga dan bagaimanakah kawasan tadahan air ini harus diuruskan dengan baik. Mohon penjelasan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong, itu satu persoalan yang memang kritikal dan saya berpendapat bahawa perkara ini patut dijawab oleh menteri dan di sini juga saya merayu kepada menteri supaya menggunakan kuasa yang ada, janganlah apabila kita melihat, mengambil alih tentang bekalan air itu, kontrak yang sedia ada dengan syarikat-syarikat pemegang konsesi yang sedia ada seperti Puncak Niaga dan juga Southern Water Management ini patutlah direview semula supaya kadar air atau taraf air yang dikenakan tidak terlalu tinggi. Oleh kerana sumber bekalan air itu telah tinggi maka apabila sampai kepada pengguna, kosnya sememangnya tinggi.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Itu yang menjadi masalah kepada kita.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya telah meneliti mengenai perbincangan Yang

Berhormat mengenai strategi kita bagaimana untuk menjaga tadahan air di bawah satu rang undang-undang yang akan dibahas di dalam Dewan yang mulia ini. Sedarkah Yang Berhormat bahawa dalam akta itu memang dia telah menyediakan satu dana yang khas untuk setiap negeri yang menyertai SPAN ini supaya mereka boleh menjaga kawasan tadahan air dan persoalan sekarang ialah nombor satu adakah dana ini mencukupi, satu.

Nombor dua ialah bagaimana kerajaan negeri ataupun Kerajaan Pusat untuk menjaga kawasan ini secara lebih efektif lagi kerana dalam masa yang akan datang ini, pencemaran di kawasan-kawasan tadahan air dapat dikurangkan. Dan apakah pendapat Yang Berhormat?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Sebenarnya dalam rang undang-undang yang akan dibentangkan itu saya yakin ianya tidak meliputi kawasan tadahan air. Bagaimana kita hendak mengurus kawasan tadahan air dengan baik dan itulah sebabnya saya menyuarakan di Dewan Rakyat ini supaya kerajaan sepatutnya bertindak lebih cepat sebelum ianya menjadi padah. Dan kedua mengenai dana yang disarankan oleh Yang Berhormat.

**Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Langkawi Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sebenarnya kalau kita tidak membincangkan tentang kawasan tadahan bagaimana kita hendak menjaga, saya rasa soal dana itu tidak pernah wujud. Jadi itu adalah masalah sejagat dan perlu kita atasi pada peringkat sekarang juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik Langkawi. Langkawi dia ada Tasek Dayang Bunting.

**Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** Tidak Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Apa pandangan Yang Berhormat, kita di Kedah ini kita adakan kawasan tadahan-tadahan. Kita sudah mengazetkan kawasan tadahan 300 batu persegi di kawasan Muda dan 50 batu persegi hutan simpan di kawasan Pedu. 30 batu persegi di kawasan Aning dan 20 batu persegi kawasan Beris. Semua ini untuk menjaga kepentingan Kedah dan juga Perlis dan Penang. Tidak ada pampasan diberi kepada Kedah, pada hal ini untuk Kedah, Perlis dan juga Penang. Kita perlu memikirkan satu mekanisme yang boleh memberi orang katakan *confession* untuk kita berikan kepada Kedah pada hal hutan simpan itu adalah yang begitu berguna sekali kepada Kedah. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Langkawi. Saya rasa melalui penjagaan kawasan tadahan itu memang benar. Kami menghargailah bagi saya, saya menghargai usaha yang dibuat oleh kerajaan Kedah di mana ianya memberi manfaat kepada negeri-negeri jiran. Dengan sebab itulah, saya mengatakan bahawa kawasan tadahan itu perlu dijaga dengan baik dan tidak ada sebarang aktiviti yang patut dijalankan dalam kawasan tadahan tetapi masalahnya sekarang, dari segi penguatkuasaan kita memang lemah. Apabila menyentuh tentang kawasan tadahan air nampaknya kawasan itu turut digunakan untuk tujuan bercucuk tanam. Ada yang kami lihat dari segi aktiviti komersial juga dijalankan, mereka juga mendirikan bangunan dan sebagainya. Kawasan tidak sepatutnya disentuh tetapi akhirnya disebabkan kelemahan kita dalam penguatkuasaan ianya menjadi satu masalah dan ianya akan menjejaskan kawasan tadahan air disebut tadi.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** Satu tambahan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi laluan Yang Berhormat? Langkawi.

**Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** Patutkah Kerajaan Pusat memberi *confession* atau memberi bantuan khas kepada Kedah? Itu Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Bagi saya, saya menghayatilah sumbangan daripada kerajaan Kedah dan ianya memang memadai sekiranya Kerajaan Pusat memberi sedikit pampasan ataupun sebagai *ex-gratia payment* kepada pihak Kerajaan Kedah kerana sumbangan mereka itu memang besar.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Apa yang saya nyatakan tadi mengenai SPAN ialah memang dia ada satu perancangan untuk menjaga kawasan tadahan air ini. Memang pada mulanya dia akan dimasukkan di dalam SPAN tetapi saya difahamkan bahawa kerana terdapat aduan dan aduan-aduan daripada negeri-negeri tertentu supaya hasil ataupun pulangan daripada sumber air ini sepatutnya dipulangkan kepada negeri, maka dengan itu SPAN telah digubal sedemikian supaya satu dana diwujudkan dan dana ini dapat diguna ataupun dana-dana yang telah disediakan itu akan diagihkan kepada negeri-negeri tertentu.

Ini memang dalam SPAN itu, memang ada, tetapi soalan saya ialah adakah dengan dana atau sejumlah wang ini adakah cukup untuk kerajaan-kerajaan negeri seperti negeri Kedah, Selangor dan Johor, cukupkah untuk negeri-negeri ini menjaga kawasan tadahan airnya? Itulah persoalan saya.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat tadi ingin saya mengingatkan Yang Berhormat bahawa di kawasan Johor pun sumber air mentah itu tidak bersih. Sebab itulah saya kata kalau sumber tidak bersih, kos rawatan memang tinggi. Jadi apabila kita menyebut tentang pulangan kita kena buat anggapan bahawa air mentah itu adalah air yang bersih tidak perlu *treatment*. Kalau air mentah itu sudah kotor maka masalahnya akan timbul di mana kos rawatan untuk air mentah itu perlu dibelanjakan. Jadi itu adalah dari segi kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat kena duduk semeja, berunding kalau tidak masalah itu akan berleluasa.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong bangun lagi Yang Berhormat hendak bagi jalan?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong bangun lagi Yang Berhormat hendak bagi jalan?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Bagi jalan, *last*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat tidak hendak gulung?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ya, saya hendak gulung ini.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, saya menghargai peluang ini untuk mohon penjelasan daripada Yang Berhormat tentang penguatkuasaan tadahan air walaupun sudah diwartakan bahawa tanggungjawab ini adalah di dalam tangan kerajaan negeri. Jadi banyak kerajaan negeri tidak mempunyai satu badan ataupun majlis air negeri. Ini perlu kerana majlis air negeri ini seharusnya membuat panduan, bagaimanakah untuk mengurus kawasan tadahan air ini kerana kalaulah air tercemar seperti yang saya sebut tadi memang susah untuk dirawat.

Walaupun dirawat, kerana kita menggunakan klorin seperti yang saya sebut di dalam Dewan ini juga, klorin memang tidak sesuai untuk digunakan di masa ini kerana klorin ini juga akan menjadikan kompaun yang lain jika ia bertindak balas dengan bahan-bahan kimia tercemar di dalam air.

Apa pendapat Yang Berhormat tentang hal ini kerana saya tahu Yang Berhormat memang ada pengalaman di dalam bidang pengairan ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Saya rasa saranan Yang Berhormat untuk menubuhkan Majlis Air Negeri itu memang saya sokong dan ini untuk tujuan memantau kawasan tadahan air secara bersepadu melibatkan semua agensi. Saya rasa itu adalah perkara yang penting dilakukan oleh pihak kerajaan negeri.

Kedua mengenai penggunaan klorin ini. Sebenarnya kita dah banyak kali menyarankan apabila kita merawat air itu, jangan selalu menggunakan klorin tetapi cara yang paling mudah apabila syarikat pemegang konsesi ini dia nak buat dengan cara mudah, sama ada dia memberhentikan rawatan loji ataupun mereka terus menggunakan klorin yang berlebihan. Sebab itulah saya mengatakan pihak berkenaan termasuk Kementerian Kesihatan perlu memantau perkara ini supaya ianya tidak memudaratkan kesihatan manusia.

Dan sebagai penghabisan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada yang terakhir sekali mengenai pembaharuan dalam pendidikan yang seperti mana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Menteri. Di mana sistem peperiksaan STPM mengikut sistem semester. Saya rasa ini adalah satu tindakan yang baik, yang perlu disokong. Dan saya di sini juga menyokonglah saranan Yang Berhormat Dato' Seri Menteri bahawa kita tidak sepatutnya mengutamakan peperiksaan, sebab itulah apabila generasi kita terlalu mementingkan tentang peperiksaan, mereka itu menjadi *bookworm*, dengan izin dan sebab itu saya rasa itu adalah satu pembaharuan yang amat tepat sekali.

Akan tetapi saya juga khuatir di mana ada usaha Kementerian Pelajaran yang mengenai ujian penilaian Bahasa Melayu di tahun satu di semua sekolah termasuk SJK(C). Dan ianya dilihat tidak konsisten dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri. Sebab itulah saya menyarankan supaya perkara ini janganlah pelajar tahun satu itu diberi tekanan yang begitu tinggi sehinggalah membebankan mereka untuk menjalani ujian penilaian ini.

Yang akhir sekali mengenai pembangunan SJK(C), saya di sini ingin menyarankan agar dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini, masalah kekurangan guru di SJKC dapat diatasi dengan secara total. Saya juga menyarankan KDPM, KPLI perlu diteruskan dan PISMP perlu ditambah pengambilannya. Dan begitu juga saya pernah menyarankan bahawa lulusan universiti dalam bidang pendidikan yang rata-rata belum mendapat *posting* sekarang sepatutnya diberi tempat agar mereka dapat mengisi kekosongan yang ada di sekolah. Peruntukan yang mana telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tadi iaitu RM100 juta untuk sekolah bantuan modal, saya rasa ianya menampakkan sedikit perubahan berbanding dengan RMK-8 iaitu lebih daripada 100%. Ini satu perkara yang amat menggembirakan kita.

Dari segi pengagihan juga, saya meminta pihak Kementerian Pelajaran supaya mendapat sumber yang lain turut kita membantu pembangunan SJK(C). Dan di sini juga saya ingin menyarankan bahawa pembinaan SJK(C) di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk Cina yang tinggi perlu diteruskan kerana itu adalah memenuhi keperluan kawasan-kawasan tempatan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cameron Highlands dulu.

### 12.33 tgh.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan dan saya akan fokus kepada masalah masyarakat India kerana 3% yang dijanjikan dalam tahun 2000 untuk pencapaian pada tahun 2005 tidak tercapai. Dan malah telah turun 0.3% kepada 1.2% daripada 1.5%. Dan ada sebutan dalam satu perenggan khas mengenai masalah ini.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan berbekalkan teras misi nasional, pendekatan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi menjurus kepada memenuhi hasrat rakyat secara keseluruhan tanpa mengira agama, keturunan, *gender* mahu pun warna kulit. Ia bersifat holistik, adil dan saksama, malangnya masyarakat India Malaysia masih ketinggalan dalam arus perkembangan perdana atau pembangunan perdana. Di sini walaupun dasarnya begitu molek tetapi pelaksanaannya sudah cacat. Maka inilah menjadi konflik, maka saya kembali kepada *blue print* yang telah disampaikan dan dimajukan kepada NEAAC oleh *Malaysia in Congress*, dengan izin.

Izinkan saya berucap sedutan, *"MIC recognizes that we are now leading in a changing context of globalization, emergent of new technologies and new markets in order to survive in this new economy. There is an urgent need to develop the community with educate knowledge, innovation and ideas. There is also a need for major mind set and institutional changers so that the Indian community able to take advantage of the opportunities and face the challengers"*. So masalahnya bukan lagi tidak memberi atau memberi sumbangan dan juga pembangunan dari segi infrastruktur dan memberi kemudahan-kemudahan secara fizikal. Ianya balik kepada minda, sekotak yang begitu indah di antara dua telinga haruslah menjadi fokus dalam pembangunan mana-mana bangsa.

Maka dalam konteks ini, di sinilah ternampak kekangan-kekangan yang perlu dihalusi dan diberi bantuan. Maka saya balik kepada Malcolm X yang mengatakan, *"a raise of people is like an individual man until he uses his own talent, takes pride in his history, expresses his own culture and firm his own sell food. It cannot fulfill itself"*, dengan izin. Maka dengan pembangunan negara yang pesat, maka masyarakat masih terkekang. Maka saya balik kepada teras yang telah dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan mengenai modal insan. Untuk memastikan bahawa negara dapat diperkemas untuk membantu perkembangan ekonomi, perkembangan industri dan juga untuk menjadi pesaing di peringkat dunia, maka itulah yang menjadi fokus.

Saya amat berterima kasih dengan kerajaan kerana membenarkan kemasukan pelajar-pelajar India ke Pusat Giat MARA di mana seramai 1,100 pemuda India telah dilatih pada tahun 2004. Manakala di Institusi Latihan Industri Arumugam Pillai sebanyak 53% daripada pelatihnya adalah belia India. Saya juga berharap seperti mana yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di mana belia-belia India akan diambil masuk ke Pusat Giat MARA dan Pusat Putra yang baru yang diilhamkan oleh Perdana Menteri akan ditingkatkan supaya pembangunan modal insan dalam masyarakat India berjalan sejajar wawasan negara.

Ini adalah penting kerana peratusan yang tinggi dalam kalangan tenaga kerja India yang terlibat dalam sektor pekerjaan kurang mahir iaitu kira-kira 16.3% berbanding dengan hanya 9.9% untuk orang Melayu dan 8% untuk orang Cina. Maka dengan menambahkan pengambilan ke pusat-pusat latihan tersebut, diharapkan belia-belia India akan mempunyai masa depan yang cerah serta dapat menyumbangkan ke arah pembangunan negara. Maka saya ingin membawa perhatian bahawa migrasi daripada luar bandar ke bandar, ia telah menyebabkan berlakunya konflik dalam institusi keluarga dan ini telah menyebabkan berlakunya masalah-masalah sosial di kalangan golongan belia begini. Ini pula bertambah tenat oleh keciciran yang berlaku dengan begitu serius sekali. Seorang pelajar yang gagal menerapkan teras baca, faham, menulis dan sebagainya di peringkat awal akan tetap menjadi sisa-sisa yang bakal menjadi masalah kepada negara.

Maka saya merasakan bahawa dalam meningkatkan modal insan, pendidikan menjadi tunjang, pendidikan menjadi tunjang dan cabaran dunia adalah *knowledge*, ilmu yang merupakan satu yang begitu penting. Maka tahap pendidikan yang rendah dan kadar keciciran yang tinggi menjadi masalah sosial yang dihadapi oleh golongan ini begitu serius. Masyarakat India lihat masih jauh terkebelakang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat. Kita berbicara soal modal insan dan juga soal-soal keciciran

pelajar. Keciciran pelajar ini dibentuk dalam beberapa unsur ataupun elemen iaitu pertama, mereka tidak ada tahap kemampuan dalam pembelajaran. Yang kedua yang ketara iaitu tidak ada *facilities* atau prasarana yang disediakan oleh kerajaan seperti institut pengajian tinggi dan sebagainya, IPTA dan IPTS. Sebab baru-baru ini pun kita dimaklumkan cuma daripada lebih kurang 17 IPTA dan IPTS, kapasiti yang boleh dipanggil, dimuatkan iaitu lebih kurang 38 ribu sedangkan pelajar-pelajar memohon 120 ribu lebih.

Jadi ternampak memang sudah ada unsur-unsur keciciran. Apakah Yang Berhormat mempunyai cadangan kepada kerajaan agar memperbanyakkan institusi-institusi berteknologi tidak sepatutnya mendapatkan ijazah dan sarjana tetapi mendapat teknologi yang tinggi supaya negara kita boleh diisi oleh modal-modal insan yang berteknologi. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Saya memasukkan kandungan ucapan itu dalam ucapan saya untuk diambil kira oleh Menteri berkenaan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Saya teruskan, mengapakah mereka dipinggirkan golongan ini? Laporan bancian tahun 2000 jelas menunjukkan bagaimana hanya 39.8%, 13,714 orang daripada 34,470 kanak-kanak berusia enam tahun telah mengikuti pendidikan sekolah rendah. Adakah Kementerian Pelajaran pernah cuba mendapatkan jawapan di atas persoalan ini? Pada tempoh yang sama, hampir 2.8% iaitu 5,580 kanak-kanak India yang berusia antara 7 hingga 12 tahun tidak meneruskan pendidikan sekolah rendah mereka. Inilah yang menjadi anasir-anasir yang bakal menjadi masalah kepada negara.

Kadar keciciran dalam kalangan pelajar India menengah sebelum SPM adalah 27% ataupun seramai 39,680 orang. Mengapakah jenayah dalam kalangan masyarakat remaja India meningkat? Maka sistem pendidikan yang lebih teratur atau mesra rakyat akan membantu mengurangkan masalah ini. Yang diperlukan adalah kemudahan dan guru berwibawa.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Lualuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Mengenai masalah keciciran pelajaran bagi pelajar-pelajar India. Di kawasan Parlimen Kuala Krau ada dua sekolah SJK(T). Dan kedua-dua sekolah ini adalah bantuan modal bukannya bantuan penuh daripada pihak kerajaan. Sedangkan pihak Kementerian mahu memperkasakan sekolah Kebangsaan, rata-rata sekolah Kebangsaan termasuk di Kuala Krau tersebut, jarak di antara rumah dengan sekolah kebangsaan begitu dekat dan boleh berjalan kaki.

Tetapi masalahnya kaum India masih lagi memilih untuk pergi ke sekolah SJK(T) walaupun bantuan modal dan juga terpaksa menaiki bas dan juga kenderaan sejauh 10km. Jadi apakah sebabnya masyarakat kaum India masih lagi memilih sekolah jenis kebangsaan Tamil dan tidak mahu memilih sekolah Kebangsaan walaupun sekolah tersebut mempunyai serba kekurangan.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih Yang Berhormat, saya akan jawab terima kasih. Baik, bukan senang untuk mengubah paradigma masyarakat, adakah kita nak menjuru tekannya atau kita nak paksanya? Sebarang paksaan tidak akan rela diterima maka kita perlu melihat apakah sebab-sebab yang menjadikan mereka begitu. Maka bila memperkenalkan bahasa Tamil dan bahasa Cina di sekolah-sekolah Kebangsaan yang diajar dalam bahasa komunikasi. Dan kejujuran dalam pengajaran itu tidak ditunjukkan maka mungkin mereka rasa, mereka tidak dapat memperjuangkan apa yang mereka nak perjuangkan. Dan kita tengok senario kebudayaan yang mereka datang.

Bila minta sekolah itu dipinda ke tempat-tempat di mana mereka sudah berhijrah, maka urbanisasi telah berlaku, orang ramai sudah berhijrah. Maka mereka tidak dibenarkan untuk mendapatkan lesen untuk menubuhkan sekolah di sana, pindahkan sekolah di sana. Maka ada macam-macam masalah sebegini, di mana mereka merasakan bahawa mereka masih nak ikut. Maka ini adalah proses masa yang mengambil masa yang panjang dan tidak boleh dipaksa-paksa. Dan ini telah pun diwujudkan dalam Perlembagaan Malaysia di mana belajar bahasa ibunda, di sekolah vernakular dibenarkan maka mereka pun mengetahui keadaan begitu. Kita tidak boleh mengatakan bahawa tidak ada orang yang

mengaji di sekolah-sekolah Kebangsaan, ramai juga yang mengaji di sekolah-sekolah Kebangsaan. Maka saya balik ke sini kerana banyak lagi saya kena habiskan, terima kasih untuk soalan itu. Saya sambung ya...

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Setiu Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Saya minta maaflah ya, kerana saya rasa saya tak sempat habis ni. Baik saya menyokong penuh cadangan Timbalan Perdana Menteri untuk meningkatkan tahun wajib bersekolah selama 11 tahun iaitu sampai ke Tingkatan 5 kerana pendidikan adalah penting dalam soal membasmi kemiskinan dan menukar anak bangsa kita kepada modal insan yang menyumbang ke arah pembangunan negara. Maka masalah-masalah di SJK(T), SJK(C) dan sekolah-sekolah lain, sekolah-sekolah agama dan sekolah-sekolah lain perlu diatasi. Masalah infra masih menjadi isu, masalah guru masih menjadi isu sebanyak 200 lebih guru sekolah kekurangan di sekolah-sekolah begini. Apa gunanya kalau kita nak mengatasi masalah ini tetapi yang modal insan asas itu masih kecacatan. Itu perlu diberi perhatian...

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Setiu bangun.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** ...Masalah kemasukan pelajar India ke universiti tempatan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *Sorry*, saya kena habiskan ini. ....Kerana saya tengok masa sudah teruk..., lima belas minit lagi.

Saya juga merasakan kerajaan perlu mengkaji semula penggunaan dua sistem berlainan dalam pengambilan pelajar ke IPTA iaitu STPM dan matrikulasi. Saya hanya meminta kerajaan bersifat rasional. Kemasukan pelajar India ke IPTA ataupun pelajar-pelajar lain seharusnya selepas sistem matrikulasi diperkenalkan sebenarnya telah menjejaskan bilangan pelajar untuk mengikuti kursus yang kritikal seperti kejuruteraan, perubatan, pergigian, perakaunan dan farmasi. Maka, saya mohon supaya benda ini dikaji semula supaya satu mekanisme yang lebih adil dapat diterokai. Maka apabila kita melihat pendidikan *early childhood*, maka ini perlu diberi perhatian, prasekolah.

Kerajaan harus menggalakkan kemasukan kanak-kanak India ke KEMAS dan program pra-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran untuk menambahkan akses pendidikan sekolah rendah kepada masyarakat. Dengan ini, kanak-kanak India bukan sahaja *equal opportunity*, tetapi juga diberi *equal start*, dengan izin dalam dunia pendidikan. Rancangan Malaysia Kesembilan perlu memastikan pelajar yang dikategorikan sebagai miskin diberi perhatian khusus supaya tidak kehilangan motivasi untuk meneruskan pendidikan mereka. Dan adalah satu penganiayaan sekiranya seorang pelajar tidak diberi keupayaan untuk menerap pembelajaran pengajaran di peringkat yang begitu muda. Kalau pelajar itu tidak dapat menggarap asas-asas pendidikan di peringkat umur yang kecil itu, dia akan benci pendidikan. Dia akan cacat dari segi minda dan inilah satu-satunya yang tidak nampak, tetapi satu penganiayaan yang begitu dahsyat sekali kepada keinsanan.

Atas dasar itu saya rasa, transformasi sikap ini banyak bergantung kepada guru sendiri yang perlu prihatin dengan keperluan dan minat untuk membentuk pelajar yang berkualiti. Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan meningkatkan unsur program latihan pembangunan guru boleh menggunakan kesemua peralatan terkini, berinovasi dan kepakaran untuk memastikan kesampaian modal insan yang menjiwai Wawasan 2020. Kita juga perlu menjalankan program-program seperti mana yang dijalankan di Amerika Syarikat, *no child left behind* dengan izin, sebagai program yang inovatif untuk mengurangkan jurang kecemerlangan antara pelajar-pelajar di sana. Manakala sistem pendidikan Singapura pula memperkenalkan kecemerlangan dalam pengajaran mata

pelajaran Matematik bagi khusus sehingga negara-negara barat termasuk Israel Yahudi mencontohinya.

Kalau tidak silap saya pendidikan kita yang bermula pada masa dan peringkat yang sama, mengapa pula kita masih ketinggalan dalam soal-soal tertentu. Maka saya amat bersetuju dengan kenyataan oleh Menteri Pelajaran kita bahawa teknologi baru di sekolah ataupun segala dasar sekalipun tidak akan membawa apa-apa perubahan jika kita tidak dapat mendidik pelajar sebaik mungkin. Tanpa kecekapan dan kebijaksanaan barisan pendidik yang berkualiti, maka segala yang diilhamkan akan menjadi kecundang, cuma kehancuran belaka. Maka dengan itu, saya bawa kepada peningkatan ekonomi sebagai teras dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Pemilikan ekuiti masyarakat India telah menurun secara keseluruhan daripada 1.5 pada tahun 2000 kepada 1.2 pada tahun 2004. Penurunan ini berlaku ketika pemilikan ekuiti masyarakat-masyarakat lain telah meningkat walaupun sedikit. Mungkin ada kemungkinan ini berlaku, masyarakat India secara amnya mempunyai peluang-peluang perniagaan yang terhad jika dibandingkan dengan kaum lain.

Maka ini menjadi satu kekangan. Ketika ekonomi negara berkembang dengan pesat, masyarakat India tidak mempunyai dana atau tabung tertentu yang boleh digunakan untuk agihan kekayaan negara. Ini memandangkan kepada satu golongan yang terpaksa berpindah pada luar bandar ke bandar. Maka mereka perlukan satu titian. Kalau titian itu rapuh, maka segala-galanya patah ranap. Maka kalau dapat diberi bantuan dari sudut itu, saya rasa mungkin mereka boleh gunakan langkah itu untuk terus maju seterusnya dengan pemilikan ekuiti masyarakat yang lebih utuh. Masih ramai dari kalangan masyarakat India yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Ini juga menjadi satu kekangan yang serius.

Maka oleh yang demikian cadangan-cadangan berikut harus diberi perhatian untuk pihak kerajaan saya syorkan, supaya kerajaan melihat cadangan ini secara serius untuk pemilikan ekuiti masyarakat kepada 3% benar-benar boleh dicapai. Seperti masyarakat bumiputera pihak kerajaan harus mewajibkan sebarang *initial public offering*, dengan izin, di Bursa Malaysia diperuntukkan sekurang-kurangnya 3% untuk institusi dan pelabur-pelabur India. Satu dana khas mirip kepada Amanah Saham Bumiputera diwujudkan untuk memberi peluang kepada masyarakat ini yang berpendapatan rendah untuk melabur tanpa risiko yang tinggi dengan pulangan yang berpatutan. Paradigma bahawa hartanah segala-galanya adalah harus ditukar di kalangan masyarakat ini dan mereka harus digiatkan supaya terlibat dalam sekuriti dalam Bursa Saham Malaysia kerana itu menjadi satu perkara yang serius, mewujudkan bantuan kewangan khusus untuk masyarakat untuk memulakan perniagaan kecil dan sederhana dengan jumlah dana dan institusi khusus untuk menguruskannya.

SME Bank juga akan menubuhkan dana modal teroka berjumlah RM1 bilion untuk membiayai IKS yang mempunyai rancangan dan keupayaan meningkatkan perkembangan perniagaan. Saya memohon bahawa dengan izin, *business opportunity in SMI, permits license contracts and other forms to be economic opportunity should be assessable and made available to Malaysian Indians and other minorities. The base capital for business of the needy Malaysian Indians should make available through financial institutions*. Meminta kerajaan untuk mewajibkan Bank SME untuk memberi pinjaman kepada IKS-IKS masyarakat India supaya mereka bersama-sama dengan IKS lain dapat menyumbang ke arah pembangunan negara. Saya juga menggesa seperti memberi peluang juga dalam skim-skim geran penyelidikan dan pengkomersialan seperti MTDC, SMIDEC dan MDC untuk IKS-IKS sebegitu. Dapat juga yang bakal mendapat menjalankan R&D yang sewajarnya untuk membaiki produk hasilan mereka dan juga seterusnya mengharumkan jenama Malaysia di persada dunia kerana peluangnya begitu luas sekali.

Maka penubuhan Majlis Ekonomi Belia Malaysia atau negara seperti yang dicadangkan oleh Kementerian Belia dan Sukan diharapkan akan memberi perhatian serius kepada penglibatan belia-belia India dalam sudut sebegini. Tempoh hari dalam perbahasan Dewan telah diketengahkan isu ketenatan institusi Pendidikan Swasta Bumiputera dalam menghadapi cabaran pasaran tempatan. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menekankan keadaan yang sama wujud juga di kalangan untuk IPTS milik India. Maka, dengan ini sebarang bantuan dari kerajaan juga perlu dihulurkan kepada mereka untuk

maju terus dalam dunia pendidikan swasta dan seterusnya izinkan saya melihat sedikit mengenai kualiti hidup dan masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang serius di kalangan masyarakat.

Di satu ucapan, Presiden MIC telah mengatakan bahawa dengan izin MIC *recognizes that enabling people for sosio transformation is urgently necessary to addressing critical issues such as displacement and alienation duet urbanization and modernization of or crime and violence duet o the break down of social support and social control systems.* Ini dia, maka kadar kalau kita tengok masalah ibu tunggal a *comprehensive survey* dengan izin, *was done to determine the number of Indians quarter families and their housing need in Kuala Lumpur. A house to house survey, was conducted with the assistants of MIC's divisions between March and December 2000. A total of 58 quarters settlements, penempatan setinggian, was identified with the total of 3,119 houses and 3,660 Indian families leaving there, under poverty level. Out of the total Indian population of 18,040, there were 2,196 youths and 506 single mothers.*

Maka masalah serius, *single mothers* begitu serius sekali. Mereka terpaksa menjaga lima, enam orang, terpaksa kerja dan ini menjadi isu. Wanita adalah modal insan yang amat penting dalam pembinaan keluarga bahagia dan merekalah akan bakal mengasuhkan anak-anak yang membawa kebahagiaan. Maka, golongan ini perlu diberi perhatian. Maka kementerian berkenaan perlulah memberi perhatian yang serius untuk mengatasi masalah-masalah sebegini. Maka *urban poverty* merupakan satu-satunya yang begitu serius sekali. Senario asas budaya kemiskinan bandar yang menjadi kejutan adalah kerana kanak-kanak kurang akses kepada pendidikan pra-sekolah di kawasan ini. Kadar ibu tunggal yang tinggi, masalah suami isteri domestik *violence* yang semakin menjadi-jadi, kadar keciciran pelajar yang tinggi, keadaan perumahan yang kurang selesa, tujuh orang, lapan orang duduk dalam sebuah rumah yang ada hanya sebilik atau dua.

Penglibatan belia yang tinggi dalam aktiviti jenayah yang merendahkan motivasi jati diri dan penerampilan seseorang menjadi isu-isu yang harus diatasi melalui penerapan rancangan-rancangan pembasmian *urban poverty* dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya rasa kira-kira RM50 juta akan dibelanjakan, saya rasa ini tidak mencukupi. Tidak mencukupi untuk hal ini. Maka dalam usaha untuk membanteras *urban poverty* saya berharap kerajaan akan meneruskan peruntukan RM5 juta kepada satu badan yang begitu penting memainkan peranan dalam mengatasi masalah ini iaitu Yayasan Strategik Sosial untuk membolehkan yayasan itu mengemudi program-program pembasmian kemiskinan yang telah dipelopori dan akhirnya izinkan saya menceritakan sedikit dan membahaskan sedikit mengenai keupayaan institusi dan pelaksanaan negara yang begitu banyak telah diceritakan oleh ahli-ahli Parlimen kita.

Begitu banyak diluahkan-luahkan maka saya petik daripada ucapan Perdana Menteri bahawa *making the civil service* dengan izin, *making the civil service accountable to Parliament will make excess to information possible which is had relacking.* Maka itulah menjadi isu. Sekarang liberalisasi Parlimen ke arah matlamat itu dialu-alukan dan perlu diperkukuhkan dan dipertubuhkan. *Select Committee* yang kita bentuk perlu diperluaskan supaya suara rakyat dapat diketengahkan kepada jawatankuasa-jawatankuasa khas untuk dibawa ke Parlimen dan suara-suara ini dibawa oleh media-media yang akan membawa kepada kesedaran masyarakat bahawa suara mereka masih kedengaran. Maka kita tidak boleh membiarkan segelintir masyarakat yang menjadi penghalang kepada pengilhaman Rancangan Malaysia Kesembilan dan ini sangat dialukan. *Private bill* dengan izin, perlu digalakkan di Parlimen. *Ombudsman* yang telah diperkenalkan atau yang telah dikatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Mohamed Nazri juga perlu diberi galakan dan laporan-laporan Ahli Parlimen perlu di dapatkan.

Setiap tiga bulan kita ada mekanisme untuk memberi maklum balas kepada menteri-menteri, kepada Parlimen mengenai apakah perjalanan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Formatnya boleh kita duduk sama dan bincang dan kalau kita ada proses begini, saya rasa mungkin kita akan berjaya meletakkan *check and balances* dengan izin, dengan apa yang sedang diilhamkan dan diaspirasikan. Dalam usaha memastikan pelaksanaan "pengimplimentasian" proses pemantauan projek amat penting sekali. Pemantauan adalah penting untuk memastikan program berjalan lancar, kumpulan sasaran mendapat apa yang perlu mereka dapat dan kehendak dan objektif pembangunan

nasional dapat ditunaikan. Penubuhan badan pemantau oleh Perdana Menteri iaitu Badan Bertindak Pelaksanaan Negara untuk memantau projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan sangat-sangat dialukan dan kita berdoa agar hasrat itu dilakukan dengan penuh keyakinan, penuh keikhlasan dan penuh keberkesanan.

Dalam merentasi fasa 2 Wawasan 2020, saya amat berharap kepentingan dan kebajikan masyarakat minoriti, masyarakat di Sabah Sarawak, masyarakat Orang Asli, masyarakat India dapat diilhamkan supaya negara yang tercinta secara *history*, secara sejarah, formula konsensus Barisan Nasional telah berjaya melahirkan sebuah negara yang begitu utuh dan maju dan tradisi ini dan sejarah ini perlu diperlanjutkan. Tidak lagi kita harus bersuara di mana bumi dipijak di situlah langit dijunjung. Kita kena tukar peribahasa, di mana bumi kita lahirkan di situ langit dijiwai. Maka itulah peribahasa. Itulah perubahan-perubahan yang kita lahirkan dalam generasi muda yang bakal menjadi masa depan negara dan segala kesejahteraan ini perlu dijaga.

Walaupun ada macam-macam isu yang mungkin akan sekali-sekala menggugat keadaan ini dan sebelum saya mengundur izinkan saya sedikit bercerita mengenai Orang-orang Asli kerana di kawasan saya ada lebih kurang 60 kampung Orang Asli. Maka saya telah perkatakan banyak kali bahawa program-program infrastruktur dan bantuan dari segi kemudahan mungkin perlu tetapi itu sahaja tidak boleh mengatasi masalah masyarakat golongan Orang Asli. Mereka perlukan satu mekanisme dan cara pendekatan baru untuk memperkasakan modal insan di kalangan mereka, untuk membenarkan mereka untuk berkembang dalam sudut ekonomi, dan itu harus diberi perhatian yang cukup serius. Kerana segala apa yang diberi, kalau insan itu tidak pandai menjaga, dalam tempoh enam bulan segala-galanya rosak belaka.

Maka itulah yang harus jadi fokus kita. Saya berharap bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang menjaga hal ehwal Orang Asli dapat membawa satu manifesto baru untuk menangani Rancangan Malaysia Kesembilan supaya perjuangan itu dapat memberi manfaat dalam lima tahun akan datang. Jangan kita selepas lima tahun lagi duduk balik dan cerita yang sama. Jangan nasi menjadi bubur baru kita cerita dan perubahan dinamisme yang berlaku di kalangan masyarakat begitu serius sekali. Pembangunan telah menempiasi mereka. Mereka mengalami perubahan sosioekonomi dan paradigma yang begitu serius sekali, bagaimana kita mengatasi masalah ini? Golongan ini begitu *vulnerable* dengan izin, sehingga mereka boleh diperkotak-katikkan dan diperalatkan oleh golongan-golongan yang tidak diingini. Maka golongan ini perlu dijaga, perlu dibawa, dibimbing ke arah pembangunan yang kita ilhamkan, dengan itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**1.00 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Rancangan Malaysia Kesembilan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sambung petang.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula dan saya jemput Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam untuk terus berucap.

### 2.33 ptg.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sasaran 30% pembuat dasar wanita merupakan salah satu pelan tindakan yang dipersetujui pada tahun 1995 di Konvensyen Wanita Sedunia Keempat di Beijing pada tahun 1995. Sasaran ini sepatutnya dicapai pada tahun 2005 tetapi Malaysia gagal mencapainya.

Kerajaan Barisan Nasional perlu menunjukkan komitmen untuk mencapai sasaran ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet, *on Gender Inequality* memberitahu Dewan yang mulia ini bagaimana beliau akan mencapai sasaran ini dari sekarang untuk menunjukkan komitmen beliau dalam isu ini.

Seperti yang pernah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Padang Serai dalam ucapan beliau di dalam Dewan ini. 30% ini adalah sasaran minimum yang diperlukan untuk membawa perubahan yang bermakna, jadi 30% ini adalah sasaran dan bukan kuota yang dituntut oleh kaum wanita. Kuota memberi gambaran bahawa 30% ini mesti diisi tidak kira kelayakan atau memberi gambaran. Kelayakan akan dikompromi, pada realiti, kita tahu ini tidak benar.

Sasaran ini merupakan satu dasar *affirmative action*, dengan izin, untuk meningkatkan bilangan pembuat dasar wanita tanpa kompromi kelayakan supaya pandangan dan perspektif wanita diarusperdanakan dalam setiap keputusan dan sektor. Pendek kata, apa yang kami menuntut ialah apabila calon wanita dan calon lelaki sama kelayakan, berilah peluang kepada calon wanita demi kebaikan semua. Konsep ini harus difahami semua khasnya pembuat dasar di dalam kerajaan termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan supaya dasar ini dapat dilaksanakan dengan tepat dan lancar.

Dalam konteks ini, saya rasa pembuat dasar dalam kerajaan masih kurang jelas dalam konsep ini kerana ia menganggap sasaran 30% ini sebagai kuota. Muka surat 288 Bab 13, Rancangan Malaysia Kesembilan yang mengatakan dengan izin;

*“Recognising that important role of women in national development, the Government agreed to implement the quota at least 30 percent of decision-making position in the public sector to be held by women”.*

Mungkin kementerian mempunyai sebabnya memilih penggunaan kuota dan bukan sasaran. Mungkin juga menteri yang bertanggungjawab masih kurang jelas dengan dasar ini dan perlu diberi kursus tambahan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2003 telah mengumumkan suatu *pilot project* untuk memberi latihan kepada pegawai di beberapa kementerian berhubung dengan konsep *gender budgeting* supaya konsep ini dapat diintegrasikan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan tetapi bajet 2006 tidak memberi makluman tentang perkembangan projek ini.

Oleh yang demikian, suka saya memohon penjelasan daripada Menteri yang berkenaan. Ucapan Yang Amat Berhormat langsung tidak menyebut tentang *gender budgeting* dan *gender focus points* di setiap kementerian walau pun beliau mengatakan Malaysia sentiasa menghormati prinsip kesaksamaan *gender*. Mungkin beliau anggap *gender budgeting* dan *gender focus points* kurang penting berbanding kepada wanita, berbanding dengan sumbangan suri rumah tangga.

Saya ingin memberitahu beliau bahawa sumbangan suri rumah tangga dan juga ibu yang bekerja memang besar dan harus diberi pengiktirafan tetapi pengiktirafan secara percakapan sahaja tidak akan membawa perubahan kedudukan kaum wanita yang selalu dianggap di tempat kedua dan bukan saksama. *Gender budgeting* dan *gender focus points* merupakan janji kerajaan untuk mengarusperdanakan pandangan wanita dan saya berharap melalui langkah ini kita dapat mencapai kesaksamaan *gender*.

Saya ingin bertanya kepada perkembangan kewujudan *gender focus points* di setiap dan semua Kementerian. Berapakah Kementerian yang telah mewujudkan *gender focus points*? Apakah program yang telah dilaksanakan dalam tahun 2005 dan apakah program yang telah dirancang untuk tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Adakah *gender focus points* di Kementerian ini diberi peruntukan? Jika ada, berapa? Jika tiada, bagaimana ia akan melaksanakan programnya? Siapakah yang dilantik ke *gender focus points* ini, apakah *terms of reference*, bolehkah lelaki diberi tanggungjawab untuk mengarusperdanakan perspektif wanita? Saya harap soalan-soalan ini diberi jawapan secara terperinci.

Dalam *strengthening national machinery* dan *institutional capacity* dan *advancing issue pertaining to women at the international level* di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, muka surat 293 – beberapa strategi telah digariskan oleh kerajaan tanpa pelan tindakan dan program yang konkrit. Saya memohon satu taklimat diadakan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang minat dan ingin tahu. Saya mencadangkan diadakan secepat dalam mesyuarat ini juga. Wanita-wanita yang bijak pandai dan berkebolehan seperti Puan Marina Mahathir dan Nori Abdullah berpendapat, kedudukan wanita beragama Islam di negara ini bukan semakin maju tetapi semakin mundur. Adalah juga wanita-wanita profesional Islam merasa mereka dilayan sebagai warga kelas ketiga kerana mereka didiskriminasikan oleh Undang-undang Syariah.

Saya harap Kerajaan Barisan Nasional yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat sedar bahawa kaum wanita di dalam negara ini tidak lagi akan berpuas hati dengan janji-janji kosong dan perkataan-perkataan yang manis. Kami mahu Yang Amat Berhormat dan kerajaan kotakan janji dan “*walk the talk*” ataupun cakap serupa bikin.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ...

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh? Pasir Puteh.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian, tua dan muda. Saya terpanggil untuk menyatakan bahawa apabila Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mengatakan bahawa Islam hari ini tidak maju, jadi saya hendak menjelaskan bahawa Islam Hadhari, suatu konsep 10 prinsip yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari segi *on writing*, dengan izin boleh faham tetapi yang tersirat ini boleh difahami. Kalau kita melihat dalam prinsip ini, kita hendakkan supaya kerajaan adil, beramanah, rakyat berjiwa merdeka, kemudian menjaga minoriti kaum wanita termasuk dalam itu. Mana yang kita kata tidak maju, baru hendak *implement*, dahulu kita cara lain, surat khabar cara lain. Itulah masyarakat Islam Hadhari. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang kata tidak maju bukan saya, ialah Marina Mahathir dan Nori Abdullah.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah *commission* sebuah syarikat konsultan untuk mengkaji balik Dasar Wanita Kebangsaan, *national policy*.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Nanti saya habis tajuk ini. Saya akan beri Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tahun lepas, saya difahami bahawa maklumat-maklumat yang dikumpulkan oleh *consultancy* ini adalah sulit dan tidak boleh diumumkan. Adakah ini benar? Bagaimana laporan kajian sebegini juga di *classified* sebagai rahsia rasmi. Kajian ini untuk siapa kalau bukan untuk rakyat.

Kementerian telah menganjurkan suatu *conference* selama dua hari pada 19 September 2005 untuk wakil-wakil dari NGO wanita dan pihak syarikat konsultan untuk sama-sama mengkaji maklumat-maklumat yang telah dikumpulkan oleh konsultan. Saya difahamkan wakil-wakil NGO dengan izin, *woke up of the meeting* kerana mendapati

cadangan-cadangan yang dibentangkan oleh syarikat *consultancy* itu tidak sesuai dan juga menunjukkan kekurangan kefahaman dan kerisauan kaum wanita.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Okay, bagi saya sedikit masa.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Nanti sedikit sahaja lagi. Pada hemat saya ini merupakan dakwaan yang berat. Ini bermakna wakil-wakil NGO berpendapat konsultant ini lebih kompeten dan tidak dapat menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh kementerian. Saya tidak ingin berpihak kepada sesiapa sehingga saya dapat mengkaji laporan berkenaan dengan mata diri saya.

Saya faham wakil-wakil NGO juga mungkin salah faham atau pun salah tafsir dalam perkara ini. Saya rasa penyelesaian yang paling baik ialah untuk kementerian mengumumkan laporan berkenaan supaya sesiapa yang berminat dapat membuat penilaian sendiri selepas membaca dan mengkajinya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Okay.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Dua para lagi. Saya rasa kementerian tidak patut, berasa berat ...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Hai! Sudah banyak jauhlah lari dengan saya punya sentuhan ucapan Yang Berhormat di awal tadi. Saya mahu tutup dahulu, bagi saya ...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Nanti, nanti, Yang Berhormat bagi Sri Gading, nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekejap lagi.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya rasa kementerian tidak patut merasa berat untuk mengumumkan laporan ini jika apa yang didakwa oleh wakil-wakil NGO adalah tidak berasas. Sebaliknya jika kementerian tidak ingin berbuat demikian, dia akan memberi satu gambaran ataupun pandangan bahawa dakwaan pihak NGO adalah benar.

Saya rasa ketelusan dan kejujuran adalah prinsip terbaik dalam perkara ini. Kementerian juga diingatkan bahawa duit rakyat telah dibelanjakan dalam kajian ini. Oleh yang demikian, rakyat berhak membaca laporan ini. Pada waktu sekarang kementerian juga dalam proses mengkomisyenkan konsultant untuk mengkaji cara untuk mencapai sasaran 30% pembuat dasar wanita.

Saya berbesar hati jika Yang Berhormat Menteri dapat memaklumkan Dewan yang mulia ini bagaimana konsultant ini dipilih, siapakah konsultant ini, berapakah bayarannya dan apakah kriteria pemilikannya. Saya rasa kementerian harus belajar dari peristiwa lalu dan jangan mengulangi sebarang silap yang pernah berlaku. Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya hendak balik sedikit kebelakangan ucap yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Apabila menyentuh dua orang wanita yang menyatakan bahawa kerana Islam, wanita ataupun wanita Islam mundur.

Saya tidak tahu apa maksud Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam membangkitkan ini. Saya tidak faham apa yang ada di sebalik hati Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan kalau benar dua orang wanita ini, saya tidak kira siapa dia. Dalam Islam, suatu agama yang mementingkan keadilan dan kebenaran dia tidak memandang bulu sama ada Marina atau Nori, dia tidak ada hak untuk bercakap bagi pihak agama Islam. Kalau dia bercakap bahawa Islam menyebabkan wanita Islam mundur, itu bercanggah dengan kehendak Islam.

Islam tidak menyebabkan umatnya, manusianya sama ada lelaki dan perempuan boleh mundur. Hukum hakam Islam tidak pernah mengganggu-gugat untuk manusia lelaki dan perempuan mencari kebahagiaan dan kemajuan. Kalau ada ucapan seperti ini, ucapan ini tertolak daripada konteks Islam yang sebenarnya. Saya hendak membela supaya jangan

orang atau orang boleh terpengaruh dengan ungkapan-ungkapan seperti ini seolah-olah Islam itu ialah kemunduran, seolah-olah Islam itu ialah kemiskinan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Nanti Yang Berhormat Sri Gading .

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Minta maaf Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Apabila menyentuh tentang Islam, saya orang yang beragama Islam berhak mempertahankan Islam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya faham tetapi ini bukan tentang Islam.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Akan tetapi, apabila cerita kerana Islam atau kerana hukum syarak seseorang itu boleh mundur dia menyebabkan satu penghinaan kepada agama ...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Cukup, cukup. Tuan Yang di-Pertua, saya harap dia tidak berucap.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...Dan saya orang yang beragama Islam akan tetap menentang walau siapa yang bercakap.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ini memakan masa saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya hendak membetulkan Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ini memakan masa saya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Anggapan-anggapan ini boleh merosakkan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya nasihatkan Sri Gading membaca apa yang telah disiarkan dalam surat khabar yang percakapan kedua-dua wanita itu barulah berhak bercakap di sini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya tidak tahu sama ada cakap itu betul atau tidak. Saya tidak tahu sama ada cakap itu benar dilaporkan atau tidak saya tidak tahu punca sebenar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sri Gading, sila duduk.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Hah! Minta tolong duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Dewan ini adalah di antaranya ialah mempertahankan kesucian sesuatu agama, agama Islam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, sudah fahamlah itu.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sudah faham.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Benda-benda seperti ini tidak boleh dikompromikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya minta maaf. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya beragama Islam ...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Gunakanlah masa Yang Berhormat bagi Sri Gading untuk sendiri. Tolong suruh dia duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...Dan agama Islam jangan dihina dengan apa juga ungkapan baik secara langsung atau tidak langsung oleh sesiapa pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, cukup. Sila duduk, faham sudah itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya minta supaya perkara ini berhati-hati.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat. Cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kebenaran untuk saya bercakap. Terima kasih Bukit Mertajam. Saya bukan marah *you* tetapi saya kena ulas ucapan Yang Berhormat tadi. Kalau tidak nanti kekeliruan ini akan terus tersebar dan tidak akan ada orang yang hendak menafikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk. Faham sudah tu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini satu perkara yang boleh membahayakan. Terima kasih Bukit Mertajam atas *you* punya kesabaran.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, selalunya orang yang tidak membuat kajian dia tidak berhak untuk memberi pandangan. Jadi, saya rasa Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak membaca langsung apa yang dikatakan oleh Marina Mahathir dan Nori Abdullah. Jadi, dia *talk from no way*. Dia hanya dari perspektif Islam dan kita bukan cakup Islam di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, sasaran 30% pembuat dasar wanita adalah tidak sama dengan dasar penuntutan 30% ekuiti korporat bumiputera. Sasaran 30% pembuat dasar wanita ialah untuk mengimbangkan perwakilan di antara dua gander, lelaki dan wanita. Dasar 30% ekuiti korporat ialah matlamat ekonomi digubal pada tahun 1970. Bermatlamat mencapai keseimbangan perolehan ekonomi korporat di antara bumiputera dan bukan bumiputera dan warga asing dari kadar, dengan izin, 2.4 to 33 to 63 pada tahun 1970 ke satu kadar yang lebih saksama iaitu 30-40-30 pada tahun 1990. Kaum wanita bukan sahaja kurang perwakilan dalam peringkat pembuat keputusan tetapi juga jauh terkebelakang di bidang ekonomi, politik, sosial dan budaya berbanding dengan kaum lelaki.

Akan tetapi keadaan untuk bumiputera Melayu adalah berlainan. Kaum bumiputera Melayu menguasai kerajaan sektor awam termasuk PDRM dan tentera. Ia hanya lemah dalam bidang ekonomi dan mungkin juga bidang pendidikan pada zaman selepas merdeka tetapi keadaan telah berubah selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Statistik rasmi menunjukkan ekuiti korporat bumiputera telah meningkat ke 18.7% pada tahun 2004 dan bumiputera Melayu menguasai lagi dua bidang iaitu akademik di universiti awam dan sektor 'perbankan'...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Sektor 'pembangkit'? Bukit Mertajam, 'perbankan'! Ooo, okey! Terima kasih.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *Banking*. Kebanyakan kontrak kerajaan ditawarkan kepada kontrak bumiputera Melayu. Pemberian lesen atau permit seperti AP bumiputera Melayu diberi keutamaan. MARA ditubuhkan khas untuk meningkatkan jumlah pelajar bumiputera Melayu di IPTA. Basiswa disediakan khas untuk bumiputera dan seterusnya meningkatkan bilangan profesional bumiputera Melayu. Berbagai-bagai dana dan peruntukan dan juga mekanisme-mekanisme yang lain diwujudkan khas untuk membolehkan bumiputera Melayu menceburi bidang perniagaan di mana ramai yang berjaya dan ramai juga yang tidak berjaya.

Pada waktu yang sama, ramai pemimpin termasuk bekas Perdana Menteri Tun Mahathir dan juga Perdana Menteri sekarang telah mendapati bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah mengakibatkan budaya subsidi dan bergantung kepada tongkat. Perdana Menteri sekarang pernah menyatakan kalau mentaliti subsidi tidak berubah pada suatu hari yang akan datang kecacatan akan bertambah teruk. Tongkat akan diganti dengan kereta roda kerana sudah tidak boleh jalan, apa lagi berdiri atas kaki sendiri.

Jadi, saya merasa hairan Rancangan Malaysia Kesembilan lagi memanjangkan pelaksanaan dasar tuntutan 30% ekuiti korporat bumiputera yang telah dikenal pasti tidak

*sustainable*, khasnya dalam era globalisasi yang mengutamakan daya saingan. Dasar ekuiti 30% juga didapati hanya mengayakan segelintir individu yang sudah pun kaya kerana hanya mereka yang kaya mampu memberikan saham yang ditawarkan kepada bumiputera. Ini mengakibatkan yang kaya menjadi lebih kaya dan yang miskin kekal miskin.

Selain daripada itu, terdapat kajian yang menyatakan sebenarnya ekuiti korporat bumiputera telah pun melebihi 30%. Saya hayati Malaysia menjadi sebuah negara yang maju. Semua rakyat dapat menikmati pembangunan secara adil dan saksama. Berdaya saing di arena antarabangsa. Saya ingin siswazah kita tidak kira agama dan bangsa berkelayakan tinggi dan boleh dapat kerja di mana-mana negara dari Amerika, England, Eropah, China, India hingga ke Afrika.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bukan seperti sekarang di mana ramai menjadi penganggur kerana tidak cukup layak dikaji.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Lualan Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Nanti. Saya suka kawan-kawan bumiputera saya dapat bersaing dengan bukan bumiputera tanpa Dasar Ekonomi Baru supaya kita menjadi lebih handal sebagai warga negara Malaysia. Tun Mahathir dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menasihatkan bumiputera Melayu mengubah minda jangan bergantung kepada subsidi dan tongkat. Bukan kerana mereka tidak sayang bangsa sendiri atau kacang melupakan kulit tetapi sebaliknya mereka adalah benar-benar sayangkan bangsanya kerana mereka tahu pada jangka masa panjang hanya daya saing dapat membela bangsa Melayu dan bangsa Malaysia, memastikan kita tidak tertinggal di belakang pada masa depan. Hanya pemimpin yang betul-betul sayangkan rakyatnya sudi memberi nasihat yang tidak popular tetapi berfaedah kepada semua seperti ubat yang pahit tetapi boleh menyembuhkan penyakit.

Pihak kami di sini khasnya Yang Berhormat Ketua Pembangkang juga banyak menegur kelemahan pihak kerajaan.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Lualan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Itu adalah kerana kami juga sayangkan rakyat dan negara Malaysia. Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bijaksana akan tahu teguran kami juga seperti ubat yang pahit dan nasihat yang tidak popular adalah demi kepentingan rakyat dan masa depan negara. Pemanjangan Dasar Ekonomi yang berasaskan kaum setelah negara merdeka hampir 50 tahun menghampakan rakyat, khasnya golongan bukan bumiputera dan juga bumiputera yang tidak setuju dengan dasar ekuiti 30% korporat ini.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Bukit Mertajam, lualan, boleh?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Dua para lagi. Kami berpendapat dasar *affirmative action* ataupun sebarang *positive discrimination* tidak harus lagi berasaskan bangsa tetapi berasaskan kedudukan sosial ekonomi. Maksudnya ,memberikan bantuan berdasarkan keperluan dan kelayakan tidak mengira bangsa. Dengan cara ini, rakyat yang miskin kurang berada, kurang bernasib dan mereka yang di luar bandar, di kampung-kampung baru dan *estet* dan mereka di pedalaman Sabah dan Sarawak dapat dibela secara adil dan saksama tidak kira gander, umur, agama dan bangsa. Pada waktu sekarang, negara kita lebih memerlukan pemimpin yang berani membuat keputusan yang betul untuk membolehkan negara Malaysia berdepan dengan cabaran-cabaran globalisasi.

Oleh yang demikian, saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berazam menjadi seorang pemimpin yang berani membuat keputusan yang betul, menjadi seorang pemimpin yang dihormati dan disegani bukan setakat seorang pemimpin yang popular. Pemimpin negara bukan artis, di mana artis berharap menjadi popular. Keputusan pemimpin negara memberi kesan kepada rakyat dan negara, bukan pada waktu sekarang sahaja tetapi juga masa depan negara dan generasi-generasi yang akan datang. Salah silap keputusan seperti kegunaan bahasa penghantaran, menghasilkan satu generasi yang lemah dalam bahasa Inggeris dan kurang perspektif dunia.

Oleh yang demikian, pemimpin-pemimpin negara harus berhati-hati semasa membuat keputusan. Kepentingan rakyat dan negara harus menjadi panduan dan bukan kepentingan peribadi. Saya memohon kepada Tuhan untuk memberi kekuatan dan kebijaksanaan kepada Yang Amat Berhormat demi membela kepentingan rakyat dan negara. Ya, Yang Berhormat Maran.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bukti Mertajam. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memperjuangkan nasib rakyat-rakyat miskin. Dalam masa yang sama Yang Berhormat menyatakan bahawa kita perlukan perpaduan dan sejarah negara kita telah membuktikan bahawa masalah ekonomi menyebabkan kita tidak bersatu, perpaduan pecah. Dan saya tidak bersetuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat kerana bila sebut bumiputera seolah-olah Melayu, sedangkan dalam perjuangan kita, dalam pelan perancangan-perancangan kita, perjuangan yang ditekankan kepada bumiputera, termasuk Orang Asli, termasuk kaum-kaum bumiputera di Sarawak dan Sabah. Jadi, ini satu penekanan yang tidak betul. Yang Berhormat kena jelaskan perkara ini. Terima kasih.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Okey, okey. Satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan bahawa pencapaian bumiputera Melayu adalah lebih tinggi daripada bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak dan Orang Asli. Itu adalah satu kenyataan. Juga pada pilihan raya umum yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi harapan kepada ramai rakyat dengan janjinya untuk membanteras ...

**Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tidak ada masa. Nanti saya habiskan tajuk ini.

**Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tidak *gentleman*. Bagilah sedikit.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya adalah *lady* bukan *gentleman*.

**Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tidak *gentlewoman*. Sorry, saya ingat daripada belakang rambut pendek.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya tidak ada masa. Saya ada lagi begitu banyak ....

**Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penakut rupanya DAP ini...  
[Disampuk]

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Okeylah. Saya akui takut kepada Ketereh dan tidak berani seperti Ketereh.

**Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tak berani, penakut. Kalau penakut jangan cakap celupar, ok!

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, jangan cakaplah kalau apa-apa tetapi apakah kerja kita di sini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Pada pilihan raya umum yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi harapan kepada ramai rakyat dengan janjinya untuk membanteras rasuah. Pada hari ini, setelah dua tahun kemenangan yang paling besar dalam sejarah keadaan rasuah bukan sahaja tidak dikurangkan malahan menurut teguran bekas Perdana Menteri Tun Mahathir telah menjadi semakin teruk. Menteri di pejabat Perdana Menteri baru-baru ini juga menyatakan bahawa rasuah sudah menjadi budaya di mana ia berlaku hampir di semua peringkat.

Untuk memerangi tabiat rasuah, kerajaan telah menyediakan Pelan Tindakan Nasional atau PIN, tetapi Tuan Yang di-Pertua, pelan sahaja tidak akan memerangi rasuah sama seperti Rancangan Malaysia Kesembilan, tidak akan membawa pembangunan jika kita tidak mempunyai *delivery system* yang berkesan. Untuk memerangi rasuah kita perlu

ada ahli politik khasnya mereka yang berada di kedudukan eksekutif seperti Menteri dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang bersih dan yang beramanah.

Untuk mencegah rasuah, *Transparency International* iaitu TI sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang mahir dalam isu rasuah menyatakan membanteras rasuah memerlukan ketelusan di mana ketelusan dapat dicapai dengan menetapkan semua Menteri dan Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan pegawai-pegawai kanan dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka mengumumkan harta mereka setiap tahun bukan kepada Perdana Menteri sahaja tetapi kepada umum yang setiap orang yang berminat boleh mendapatkannya.

Ketelusan juga dapat ditingkatkan dengan membenarkan media memainkan peranan seperti *watchdog*, membenarkan lebih banyak suara dan pandangan yang berlainan. Janganlah sekat kebebasan akhbar untuk melindungi kepentingan politik parti memerintah. Jangan menyusahkan media dengan tidak membaharui permit penerbitan dan pencatatan. Hukumlah akhbar yang menerbitkan berita palsu tetapi janganlah gantung permit kerana kesilapan yang tidak sengaja dan tidak diingini. Ramai menteri juga pernah memberi jawapan yang kurang tepat di dalam Dewan yang mulia ini tetapi mereka tidak digantung kerja.

Saya ambil kesempatan ini untuk memohon jawapan apakah sebabnya penerbit dan pencatat *Oriental Daily* masih belum dibaharui. DI juga berpendapat sesebuah kerajaan yang betul-betul ingin membanteras rasuah harus mewujudkan *Freedom Of Information Act* dan tidak tempat untuk Akta Rahsia Rasmi. Cadangan yang ketiga DI ialah Badan Pencegah Rasuah mesti bebas dari eksekutif seperti Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis atau SCPMC yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia.

Saya merasa aneh, cadangan-cadangan yang profesional ini langsung tidak diterima pakai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Walaupun beliau mengatakan masih serius ingin menghapuskan rasuah. Sikap yang sama juga ditunjukkan oleh Polis Diraja Malaysia di mana semua anggota polis dikehendaki memakai lencana "Saya Anti-Rasuah" tetapi mereka menolak dan menubuhkan pertubuhan ICPMC. Ini memberi satu gambaran bahawa mereka hanya anti-rasuah setakat memakai lencana sahaja dan bukan mengadakan satu mekanisme yang dapat mencegah rasuah dengan berkesan.

Begitu juga dengan kerajaan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat. Beliau seolah-olahnya memerangi rasuah setakat tahap sediakan PIN sahaja dan bukan memeranginya berhabis-habisan sampai tahap mengadakan dengan izin, *Sunshine Law* dan *Freedom of Information Act* serta PDR yang bebas. Pada hemat saya ini menunjukkan kekurangan komitmen dan keazaman politik. Mungkin beliau menghadapi masalah mendapat sokongan daripada rakan-rakannya di dalam Kabinet, kita lihat banyak kempen dilancarkan oleh berbagai kementerian. Umpamanya:

- Kempen *Tak Nak*;
- Kempen Menanam Bunga Raya;
- Kempen Semakin Hari Semakin 'Cinta';
- kempen memakai baju batik;
- kempen lagu patriotik bahasa Melayu;
- Kempen Bahasa Baku; dan
- Kempen Kebersihan.

Dan lain-lain lagi tetapi tiada ada Kempen Anti-Rasuah. Selain daripada memakai lencana "Saya Anti Rasuah".

Saya risau dengan kedudukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang nampaknya kurang dapat mengawal keadaan di dalam partinya yang juga dalam isu penubuhan ICPMC. Bukankah sahaja usahanya membanteras rasuah nampaknya kurang

dapat sokongan daripada rakan-rakan di Kabinetnya dan Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan ini. IGP juga berani...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Penjelasan sedikit Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** ...Berani melawan tauke dengan secara terbuka, menolak...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tidak beri, tidak beri... *Sorry*.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tidak beri? Macam mana Yang Berhormat sebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mengawal rasuah dalam parti, DAP boleh kawalkah rasuah dalam parti?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Walaupun..., walaupun Yang Amat Berhormat, walaupun Yang Amat Berhormat telah terlebih dahulu....

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** DAP ada kawalkah? Tabung Bukit Cina macam mana? Macam mana kes nelayan-nelayan di Portugis *settlement*?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Itu pun sudah sebut terlebih dahululah...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Apa ini? *You* jangan cerita orang, *you* tengok cerita diri sendiri...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Gunakanlah lagu baru..., atau modal barulah, tidak payah guna lagu lama.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Lagu lama pun ada rasuah juga, simpan Tabung Bukit Cina berapa lama, itu portugis *settlement* berapa lama?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sila duduk, duduk, cukup, cukup, jangan ganggu saya.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Mahu cerita parti orang parti sendiri tengok dahululah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya, saya tidak kata parti orang, saya kata kerajaan.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yalah, *you* cakap tadi pasal parti, parti DAP macam mana? Wah, tiba parti DAP sudah tidak ada!

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Okey, itulah sama..., samalah.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Parti DAP Tuan Yang di-Pertua, dia makan rasuah, dia kolom ...rasuah Tuan Yang di-Pertua. Itu ceritanya, jangan nampak buruk orang sahaja buruk sendiri pun tengok juga.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Itu pun sudah dijelaskan dan saya tidak ingin Tangga Batu hanya hendak membazirkan masa saya sahaja.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Betullah saya kata, tabung Bukit Cina dan selamatkan Bukit Cina, DAP tidak tinggal sampai hari ini.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya harap yang dia menghormati Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tangga Batu...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Keluarlah, pergi sana keluar cakaplah!...  
[Menyampuk]

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya lah, keluar cakaplah!...  
[Menyampuk]

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, saya cabar dia ulangi sebut di luar. Yang Amat Berhormat memberi amaran kepada kakitangan kerajaan untuk melaksanakan kerja dengan baik kalau tidak mereka harus letak jawatan. Dalam kes IGP Tan Sri Mohamad Bakri Omar yang jelasnya tidak ingin Polis Diraja Malaysia pasukan penguat kuasa yang terbesar di pantau oleh IPCMC berlawanan dengan hasrat Yang Amat Berhormat adakah Yang Amat Berhormat akan menyuruhnya meletak jawatan untuk menunjukkan beliau memang cakap sama bikin. Berani membuat keputusan yang tidak popular tetapi betul dan baik untuk negara, sekali lagi saya memohon Tuhan memberi kekuatan dan kebijaksanaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh tamatkan?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, saya hendak gulung sudah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tamatkan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya ingin dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dia tidak sebut langsung mengenai pembangunan pembinaan SRJK(C ) dan SRJK(T) tetapi pada waktu sekarang kita kekurangan 137 buah SRJK(T) khususnya di Johor Bahru, di Kuala Lumpur, di *Klang Valley*. Johor Bharu itu dikuasai semua habis semuanya adalah Barisan Nasional tetapi kekurangan SJK(T) adalah sama juga. Jadi yang saya rasa malangnya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** ...Khasnya dari UMNO yang mereka mengatakan bahawa SRJK(T) ini mengakibatkan masalah polarisasi perkauman tetapi saya ingin menjabarkan di sini itu bukan sebabnya dan sebab polarisasi yang sudah lama dikenalpastikan oleh mereka yang bijak pandai di universiti ialah polisi kerajaan yang berdasarkan kaum. *Civil servants* ataupun perkhidmatan awam yang didominasi oleh satu kaum, ada kajian telah mengatakan *public service* yang didominasi oleh satu kaum tidak baik untuk perpaduan. Jadi saya rasa kita perlu lebih terbuka supaya kita melihat jangan melihat dan menghalang atau tidak melayan keadilan kepada SJK(T) sebagai satu penyelesaian kepada ....

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup Yang Berhormat...Yang Berhormat....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** ...Kepada polarisasi kaum. Saya rasa itu adalah salah anggap dan iaitu akan menyebabkan lebih banyak masalah lagi.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Untuk integrasi kaum tadi.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya juga yang akhir sekali...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup. Masa sudah habis sudah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang akhir sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong habiskan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya....yang akhir sekali. *Pensioner*, *pensioner* di Bukit Mertajam, di antaranya ialah ada kawan kepada Yang Amat Berhormat. Meminta pencen mereka dan cara perkiraannya dikaji semula kerana pada waktu sekarang dia hanya hadkan kepada tempoh perkhidmatan 25 tahun sahaja tetapi yang di antaranya mereka ada sudah berkhidmat 30 tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Dan juga 70 peratus *pensioner* hanya menerima pencen sebanyak kurang daripada RM500 sebulan. Jadi saya memohon supaya Yang Amat Berhormat memberi pertimbangan yang khasnya dan yang akhir sekali yang saya memohon... saya memohon kepada... kerajaan mengumumkan kriteria untuk memilih Naib Canselor UM kerana sekarang telah lihat ada beberapa orang wanita berebut-rebut untuk menjadi Naib Canselor UM tetapi apakah kriterianya? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Kudat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kasi sama dia!

**3.08 ptg.**

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kerana telah berjaya membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan yang bertajuk *Membina Tamadun Menjulung Martabat Bangsa* yang saya anggap adalah merupakan satu perancangan yang berimbang dan adalah merupakan satu perancangan jika ianya dapat dilaksanakan akan dapat bantu memacu negara kita ke arah negara yang maju.

Perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah memperlihatkan terhadap dua aspek penting iaitu pembangunan *hardware* atau *hardware development* dan juga *software development* dan ini adalah merupakan satu perkara yang penting di dalam pembangunan sebuah negara yang ingin mencapai kemajuan dan juga tamadun yang tinggi. Ini juga pada pendapat saya adalah memperlihatkan wawasan pemimpin yang unggul yang ingin melihat rakyat dan bangsanya serta negaranya menjadi sebuah negara yang makmur tetapi dalam masa yang sama diredai oleh Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah dapat melihat bahawa kelima-lima teras utama itu dan saya tidak lagi bermaksud untuk mengulang semula kelima-lima teras utama itu tetapi apa yang penting ialah untuk melihat apakah cabaran-cabaran yang akan kita hadapi di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Rancangan Malaysia Kesembilan ini haruslah dikongsi oleh perlaksana rancangan ini iaitu *delivery system* kita. Semangatnya haruslah dikongsi dan objektifnya haruslah dikongsi kerana kerajaan hanya boleh membuat dasar-dasar dan juga demikian juga Parlimen hanya dapat meluluskan dasar-dasar tetapi dalam masa yang sama yang akan melaksanakan dasar-dasar ini adalah terdiri daripada kakitangan awam yang akan menentukan sama ada setiap projek yang dirancang dan juga segala perancangan-perancangan yang telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat berjalan dengan baik dan dapat berikan faedah yang maksimum kepada rakyat.

Walaupun kita tidak dapat nafikan bahawa sebenarnya ada sebahagian daripada kakitangan yang cuba untuk menggagalkan dan membantutkan keberkesanan pelaksanaan ini. Ini telah pun berlaku semenjak kita merdeka lagi tetapi kalau kita melihat dari segi keseluruhan maka kita harus berterima kasih kepada kakitangan kerajaan kita kerana kalau kita lihat negara Malaysia hari ini telah mencapai kemajuan yang begitu pesat jika dibandingkan dengan negara-negara jiran.

Kita adalah merupakan negara contoh dan juga telah mencapai kemajuan yang cemerlang dan menjadi contoh kepada negara-negara dunia ketiga dan juga negara-negara Islam yang sudah tentu adalah disebabkan kebolehan negara kita bukan sahaja dari segi menyediakan dasar-dasar yang baik tetapi juga kerana ada kebolehan daripada pihak pelaksana khususnya kakitangan kerajaan kita. Kita tidak mahu hanya disebabkan seekor kerbau membawa lumpur maka semuanya terpalit. Yang kita mahu daripada kakitangan kerajaan ialah kesedaran bahawa tanggungjawab untuk melaksanakan apa juga yang diamanahkan adalah merupakan tuntutan daripada Allah S.W.T dan juga adalah tuntutan rakyat yang apabila kita menghadapi zaman kiamat nanti, kiamat diri kita maka kita akan dipersoalkan oleh Allah S.W.T...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Ya, sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Sebelum Yang Berhormat bagi Kudat bawa jauh kita ke alam akhirat, saya hendak tanya satu kekurangan fahaman saya tentang cubaan untuk menggagalkan segala usaha kerajaan. Saya melihat cubaan untuk menggagalkan itu dalam dua perspektif. Satu sengaja dan satu tidak disengajakan Tuan Yang di-Pertua.

Yang tidak disengajakan inilah sebenarnya yang menjadi kelemahan kita pada hari ini, kemungkinan kerana kekurangan, kebolehan berkomunikasi dengan berkesan. Umpamanya keputusan-keputusan yang dibuat di dalam ruang lingkup Kabinet di bawa ke Pasca Kabinet kemudian di bawa kepada pegawai-pegawai kerajaan mungkin menghadapi masalah komunikasi yang akhirnya kita terjemahkan sebagai cuba atau menggagalkan niat baik kerajaan.

Bolehkah Yang Berhormat berikan penjelasan bagaimana kecekapan berkomunikasi ini daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kabinetnya bawa ke Pasca Kabinet sampai ke pegawai-pegawai pelaksanaan di peringkat akar umbi bagi merealisasikan hasrat kerajaan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih, sebenarnya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu itu saya bersetuju khususnya dalam usaha untuk mengurangkan *red tape* kerana di samping berlakunya kegagalan itu disebabkan oleh kelemahan pegawai itu sendiri tetapi juga mungkin kegagalan untuk melaksanakan tugas itu dengan berkesan juga adalah berpunca kerana adanya *red tape*. Sebab itu kita mahu meminta supaya kerajaan menimbangkan untuk membuat *revision* terhadap peraturan-peraturan supaya ia tidak menghalang dan juga membolehkan segala pelaksanaan tidak terganggu disebabkan adanya masalah-masalah yang wujud akibat daripada peraturan-peraturan kita yang lemah dan ini saya percaya melalui penubuhan jawatankuasa pemantau yang ditubuhkan ini sudah tentu akan memberikan harapan bagi kita untuk memastikan bahawa kelemahan pelaksanaan ini mendapat sekurang-kurangnya penelitian daripada Perdana Menteri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ingin melihat pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita mahu supaya projek-projek yang dirancang serta kelemahan-kelemahan pelaksanaan yang berlaku di dalam Rancangan Malaysia Kelapan dahulu tidak akan berulang di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan...

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [Bangun]

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Misalnya projek-projek yang...

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta laluan Sabak Bernam.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** ...Kita katakan sebagai kontraktor *initiated projects* dan juga projek tanpa melalui perancangan yang teliti dan kita kerap berkata tentang keperluan untuk mengadakan *cost benefit analysis* di dalam setiap perancangan pembangunan kita. Oleh sebab itu, kita mahu supaya kerajaan benar-benar melaksanakan saranan ini supaya setiap wang rakyat yang dibelanjakan untuk keperluan negara benar-benar dapat dinikmati oleh rakyat dan dapat memberikan faedah yang maksimum dan tidak membazirkan wang negara. Okey sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kudat. Tadi, Yang Berhormat ada menyebut tentang pegawai pelaksana ataupun *delivery system* dengan izin, sebagai kumpulan seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit. Saya ingat dalam

dua, tiga hari yang lepas pun saya ingat teman-teman kita juga menyebut kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

Oleh kerana itu saya ingin pandangan daripada Yang Berhormat kumpulan kecil ini biasanya boleh disebut boleh dikenal pasti di satu-satu jabatan itu. Apakah pandangan Yang Berhormat kepada kumpulan kecil adakah wajar kita mengambil tindakan kepada kumpulan kecil ini biasanya merosakkan integriti satu-satu jabatan itu supaya kita gantikan mereka dengan kumpulan siswazah menganggur yang begitu ramai mengambil tempat mereka ini. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya saya memang bersetuju kerana apa yang berlaku di dalam kerajaan kita sekarang ini, kita terlalu sukar untuk menukar seseorang pegawai ataupun memecat seseorang pegawai itu. Dan ini telah menyebabkan banyak daripada pegawai-pegawai ini merasakan bahawa diri mereka *indispensable*.

Apabila mereka merasakan diri mereka *indispensable* maka mereka tidak ada ketakutan terhadap apa juga tindakan kerajaan. Ini berbeza dengan persekitaran di syarikat-syarikat swasta di mana ada tindakan serta-merta boleh diambil yang menyebabkan seseorang pegawai itu boleh diberhentikan kalau sekiranya mereka didapati tidak jujur, tidak cekap dan juga tidak amanah. Sebab itu, kita meminta kepada kerajaan membuat suatu *revamp* atau sesuatu tindakan boleh diambil. Ini adalah untuk memastikan bahawa mereka yang menjadi *bad hats* di dalam perkhidmatan awam ini akan dapat diambil tindakan dan tidak menjadi beban kepada masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara penting..

**Tuan Yang di-Pertua:** Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Kudat. Saya terdengar Yang Berhormat apa ini menyenarakan supaya kerajaan lebih komitmen *full commitment* ke arah mencapai program-program pembangunan Malaysia Rancangan Malaysia Kesembilan. Persoalannya sedarkah Yang Berhormat; bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang mempunyai *full commitment* ataupun kesungguhan ke arah pencapaian Rancangan Malaysia Kesembilan agar dapat dipenuhi.

Persoalan yang kita hadapi iaitu apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perlu ada transformasi di kalangan pegawai-pegawai kakitangan dan seluruh agensi kerajaan. Walau pun mungkin bukan reformasi secara besar-besaran tetapi transformasi sekurang-kurangnya barulah kita boleh mencapai tahap sasaran yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minta penjelasan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dengan perlunya transformasi secara menyeluruh seperti yang saya jelaskan tadi. Ia bukan sahaja dari segi perubahan sikap kakitangan itu tetapi juga mungkin kita perlu mengkaji prosedur keseluruhan di dalam sistem kerajaan itu yang telah menyebabkan kegagalan setiap rancangan-rancangan yang telah kita buat selama ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Krau.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Tentang untuk kita mencapai Misi Nasional dalam Rancang Malaysia Kesembilan, kita lihat kita ada Kerajaan Persekutuan ada kerajaan negeri dan juga ada kerajaan tempatan. Kita lihat cukup baik cukup indah di peringkat Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri tetapi, apabila sesuatu pembangunan contohnya mengenai pembangunan perumahan.

Kerajaan negeri akan memberikan kelulusan dasar bagi projek-projek perumahan atau pembangunan-pembangunan yang lain, tetapi secara *detail* dan teknikalnya mestilah dibincangkan atau diluluskan oleh kerajaan tempatan. Kita lihat di bawah Akta Kerajaan Tempatan ini kakitangan-kakitangan awam tidak boleh dipindah atau ditukar kepada tempat-tempat yang lain.

Jadi, dia kadang-kadang kakitangan kerajaan tempatan ini menjadi raja di dalam satu-satu kawasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya akta kerajaan tempatan ini dipinda agar dapat kakitangan di bawah kerajaan tempatan ini dapat ditukar di kalangan kerajaan-kerajaan tempatan yang lain.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa *overhaul system* harus dibuat bukan sahaja perkhidmatan awam Kerajaan Persekutuan tetapi juga kerajaan negeri dan juga meliputi kerajaan-kerajaan tempatan. Apa yang kita perlukan di sini ialah bagaimana kita untuk meningkatkan kecekapan sistem dan juga jentera kerajaan supaya ianya benar-benar berkesan dan benar-benar memberikan faedah kepada rakyat, itulah matlamatnya. Sebab itu kakitangan awam kerajaan harus bersedia untuk *reinvent* setiap masa dan melihat keperluan untuk mengubah setiap prosedur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Berkaitan dengan penghak keupayaan ataupun *empowerment* untuk kita memperbaiki *delivery system* ataupun system penyampaian kita itu tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kalau kita lihat sendiri sekarang ini dasar kita dari segi sistem penyampaian ialah *top bottom*. Jadi, kalau kita hendak melihat dari segi penghak upayaan adakah kita akan melihat sekarang ini daripada *bottom up*, dengan izin, maknanya kita membawa, bila kita menghak upayaan kita kena memberi kuasa, memberi *empower* kita punya pekerja-pekerja yang terlibat dalam sistem penyampaian itu sendiri.

Saya hendak ambil contoh misal kata Yang Berhormat Kudat, dalam sistem latihan kita sekarang ini kalau seseorang itu bertugas, maka yang menentukan sama ada dia akan pergi kursus atau tidak ialah ketua jabatan tetapi dalam segi *empowerment* kalau kita nak memberi penghakupayaan kepada mereka sepatutnya kita menggalakkan mereka untuk meningkatkan upaya mereka dengan memilih sendiri. Apakah kursus-kursus yang sesuai yang mereka hadiri..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** ...Jadi, dengan itu kita *introduce*..

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat.

**Tuan Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** ...Perkenalkan sistem kupon misalnya supaya mereka akan dapat meningkatkan keupayaan mengikut kemampuan dan keupayaan mereka sendiri.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat bagi Petra Jaya, saya bersetuju dengan pendapat itu dan kita harap supaya kerajaan mengambil penelitian terhadap cadangan-cadangan beliau. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang kita ingin lihat di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini ialah tentang keupayaan kita menghadapi dan mengharungi globalisasi dan juga perdagangan antarabangsa.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Sebelum masuk globalisasi. Sikit sahaja, saya cukup tertarik Yang Berhormat yang menyatakan soal kaedah dan sistem pentadbiran negara ini yang tidak memberi ruang kepada pegawai kerajaan yang menyeleweng, yang salah, yang malas, yang tak buat kerja untuk dipecat atau diambil tindakan amat susah, sedangkan kita wakil rakyat, menteri kita salah lima tahun rakyat buang. Kita tak *perform* lima tahun rakyat tukar tetapi, pegawai kerajaan dia sudah tahu ada satu sikap dia. *Minister come and go*, dengan izin. Menteri datang dan keluar tetapi, pegawai kekal. Kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan D.O misalnya kepada mereka kata tidak boleh itu adalah menunjukkan dia ada kuasa tetapi, kita wakil rakyat, kalau kata kita, "Tidak boleh!" Cari nahaslah jawabnya. Kita kena kata, "Boleh", atau setidak-tidaknya kita kena berusaha supaya boleh, tetapi, kalau kita pergi ke Pejabat Tanah, jika kepada mereka tidak boleh, orang kampung datang, kata "Tidak", boleh! Itulah hebatnya mereka.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju untuk saya cadangkan kepada kerajaan dalam ucapan Yang Berhormat nanti, supaya sebenarnya sistem kita ini salah. Saya pernah menjadi ketua jabatan, hendak pecat seorang buruh, seorang buruh, ambil masa satu tahun. Buruh tidak datang kerja enam bulan, hendak pecat seorang buruh satu tahun pun tidak lulus. Akhirnya tahun yang ketiga baru boleh pecat tetapi, kita kalau silap, dua hari! ...Kita silap, Perdana Menteri pecat macam itu sahaja atau rakyat pecat macam itu sahaja. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh, saya juga bersetuju seperti mana yang telah saya jelaskan tadi bahawa ada satu keperluan untuk kita mengambil satu tindakan mengubah sistem di dalam pentadbiran kerajaan kita. Kita harus diberikan keupayaan untuk memberikan atau membuang pekerja-pekerja yang tidak ada kebolehan dan tidak amanah dan ini. Kerajaan juga harus memikirkan dan kita harap supaya Perdana Menteri dan juga pihak kerajaan dapat memikirkan bagaimanakah caranya supaya pihak-pihak khususnya pegawai-pegawai kerajaan ini merasa bahawa diri mereka *not indispensable*.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan di sini ialah berkaitan dengan globalisasi dan persekitaran luar yang saya percaya akan memberikan kesan yang besar kepada dasar dan program yang dirancang di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Seperti mana yang telah kita diberitahu bahawa di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita mensasarkan bahawa perdagangan antarabangsa negara kita akan meningkat kepada satu *trillion* tetapi, apa yang kita tahu bahawa memang wujud pelbagai cabaran; kalau kita lihat misalnya pada tahun 1997 kita telah menghadapi satu krisis ekonomi yang begitu serius yang telah menyebabkan negara kita menghadapi, *we are almost bankrupt*, dengan izin.

Pada ketika itu kita terpaksa meminta bantuan daripada agensi-agensi dunia seperti IMF dan juga *world bank* tetapi, kita bersyukur kerana kepimpinan negara pada ketika itu tidak mengambil tindakan untuk mendapatkan bantuan-bantuan yang dipercayai akan menyebabkan keadaan ekonomi kita akan menjadi lebih parah.

Kalau kita lihat di dalam sejarah. Sejarah telah membuktikan bahawa beberapa peperangan yang berlaku di dunia ini adalah berpunca daripada masalah ekonomi dan perdagangan. Kalau kita lihat misalnya dalam perang dunia kedua, kita mengetahui bahawa apa yang telah menyebabkan Jepun telah melancarkan projek *Asia for Asia* yang telah menyebabkan meletusnya perang dunia. Kedua, ialah berpunca daripada tindakan sebuah kuasa besar iaitu Amerika pada ketika itu yang telah menghalang atau pun mengenakan embargo kepada Jepun untuk mendapatkan bekalan bijih besi. Ianya adalah sesuatu sumber mineral yang diperlukan di dalam program perindustrian Jepun pada ketika itu.

Ini telah menyebabkan Jepun mengambil tindakan untuk menyerang negara-negara jiran khususnya negara-negara Asia dengan program *Asia for Asia* dengan satu harapan bahawa mereka ini Jepun dapat menguasai negara-negara ini untuk mendapatkan sumber-sumber bekalan bahan mentah; untuk membolehkan Jepun meneruskan program perindustrian untuk bersaing dengan kuasa-kuasa besar yang lain.

Demikian juga kalau kita lihat dalam sejarah di Asia iaitu peperangan Candu yang telah berlaku di negeri China yang menyebabkan penjajahan sebahagian daripada China ialah berpunca daripada perdagangan yang tidak seimbang. Ini kerana pada ketika itu peniaga-peniaga khususnya pembeli-pembeli daripada negara-negara barat amat berminat dengan barang-barang keluaran dari negara China; seperti barang-barang sutera dan juga tembikar. Ini telah menyebabkan kerugian ataupun *deficit balance of trade* kepada pihak barat yang telah memaksa mereka untuk menjual candu yang tidak diingini dunia dan di bantah oleh masyarakat China pada ketika itu sehingga menyebabkan peperangan, yang akhirnya membawa kepada penjajahan dan penguasaan Hong Kong.

Ini adalah bukti-bukti yang telah menyebabkan yang kita perlu berfikir bahawa sekiranya kita tidak berhati-hati globalisasi bakal akhirnya akan menjadi satu penjajahan bentuk yang baru. Seperti apa yang berlaku di Iraq sebenarnya walau pun tuduhan-tuduhan mengatakan bahawa Iraq adalah diserang kerana memiliki senjata pemusnah yang berbahaya, tetapi niat yang sebenarnya ialah untuk menguasai minyak dan juga untuk

mendapatkan bekalan bahan mentah yang sangat-sangat diperlukan bagi kepentingan pengusaha-usaha industri di negara-negara barat.

Kita diberitahu bahawa perdagangan adalah merupakan *it's a good thing*, sesuatu yang boleh memakmurkan sesebuah negara dan kita juga sebenarnya telah diberitahu bahawa kalau kita membuka pasaran kita maka kita mendapat faedah tetapi walau pun setengah-tengah keadaan ianya memang mempunyai kebenaran, kerana kalau kita lihat misalnya negara kita sendiri pada tahun 1980-an apabila kita membuka negara kepada kemasukan pelabur-pelabur asing maka kita dapat melihat pertumbuhan yang pesat dan industri kita berkembang dan menyebabkan banyak peluang-peluang pekerjaan yang telah diwujudkan dan telah menjadikan negara kita sebagai negara yang hari ini telah mencapai ke 18 perdagangan dunia tetapi..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** ...Dalam masa yang sama kita juga..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Larut.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat, terima kasih. Saya amat tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tentang perdagangan sejagat, globalisasi. Saya hendak tanya Yang Berhormat tentang FAMA ini, apakah persiapan FAMA dalam menghadapi arus globalisasi ini sebagaimana Yang Berhormat sendiri menguar-uarkan, WTOnya, AFTAny, apakah Yang Berhormat sudah bersedia dengan produk-produk yang boleh kita pasarkan? Hanya tidak sahaja dalam negara kita tetapi pada hari ini kita tengok menteri sudah sampai ke Dubai, ke negara-negara Teluk, bagaimana untuk memasarkan segala hasil petani-petani, terutamanya kawasan luar bandar, kawasan Yang Berhormat mungkin dan kawasan-kawasan kita yang lain. Dalam bahasa yang halus Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat bagi Larut saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa masanya sudah tiba bagi petani-petani kita khususnya untuk bukan sahaja mengharapkan pasaran di dalam negara tetapi juga dapat melihat potensi eksport.

Sebab itu sebenarnya kerajaan telah mengambil beberapa tindakan-tindakan penting untuk membolehkan supaya agensi FAMA ini akan akhirnya akan membantu petani-petani bukan sahaja untuk membolehkan mereka dapat memasarkan pasaran mereka di dalam negara kita tetapi juga ke luar negara. Dan ini telah pun berlaku, kita telah pun melantik beberapa atase Pertanian Luar Negara ialah berhasrat untuk melihat supaya satu hari nanti dengan adanya atase-atase luar negara ini, mereka ini akan dapat membantu kita dalam usaha untuk mencari peluang-peluang pasaran di luar negara.

Banyak lagi tindakan-tindakan yang akan diambil untuk membolehkan supaya sektor pertanian di negara kita tidak hanya untuk kepentingan negara ini tetapi juga untuk membolehkan kita untuk mendapat pendapatan yang lebih daripada melalui eksport.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah kita diberitahu bahawa satu perkara penting yang sering menjadi perdebatan di dalam persidangan-persidangan *World Trade Organization*, ialah masalah subsidi dan *market access*. Banyak negara-negara kaya sebenarnya menekan kebanyakan negara-negara yang miskin ataupun yang *the least develop country*, supaya menghapuskan subsidi.

Dan mereka juga dipaksa untuk menerima ataupun *market access* atau membenarkan barang-barang mereka untuk dipasarkan ke negara-negara tersebut. Dan ini sekiranya mereka ini tidak membuka pasaran-pasaran ini ataupun *market access* ini, maka mereka ini akan ditekan lebih-lebih lagi kepada negara-negara yang mendapat ihsan bantuan melalui IMF iaitu khusus untuk menggerakkan ekonomi negara mereka.

Setiap pinjaman yang diberikan itu, diberikan *attachment* terhadap syarat-syarat untuk mereka membuka pasaran. Dan ini adalah merupakan sesuatu yang tidak adil kerana kalau kita lihat misalnya negara seperti Amerika sendiri pun di dalam abad-19, mereka

mengenakan tarif yang tinggi iaitu enam kali tarif lebih tinggi dari tarif Negara Dunia Ketiga, yang tarif yang dikenakan oleh Negara Dunia Ketiga.

Bererti perlindungan adalah merupakan satu perkara yang telah menyebabkan Amerika hari ini mencapai sebuah negara yang telah maju. Dan kita dipaksa untuk membuka pasaran dengan sewenang-wenangnya untuk membolehkan mereka membawa hasil-hasil barangan mereka dengan harga yang lebih berpatutan dan juga yang akan akhirnya memusnahkan industri negara tersebut.

Dan ini telah berlaku, berlakunya di *industrialization* seperti mana yang berlaku di beberapa negara di Africa seperti di *Cote d'Ivoire*, Ghana dan juga Senegal. Dan di negara kita sendiri pun, kita telah ditekan dengan melalui perundingan-perundingan sama ada melalui *multilateral* ataupun *bilateral*. Kita di minta supaya membuka pasaran kita dengan luas dan hari ini kita menghadapi pelbagai cabaran sehingga sistem kewangan kita sendiri pun terpaksa menjalankan pergabungan kerana dalam beberapa jangka terdekat ini, sistem kewangan kita akan menghadapi persaingan daripada bank-bank dan juga institusi-institusi kewangan luar yang sekiranya kita tidak bersedia dan tidak ada kemampuan untuk bersaing dengan mereka. Maka mungkin sistem kewangan kita akan dikuasai oleh institusi-institusi kewangan luar ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dan demikian juga, kalau kita lihat misalnya dalam *retail shop*, kita dapat melihat bahawa syarikat-syarikat seperti Tesco, CostCo, Giant, Jusco dan sebagainya telah datang membanjiri ke negara kita dan menyebabkan banyak daripada syarikat-syarikat di negara kita tidak mampu bersaing. Dan ini telah menyebabkan negara kita, *market* kita dikuasai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin bawa juga di sini ialah berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri. Tentang keperluan kita untuk melihat bagaimana untuk kita memperkasakan dasar luar negara kita. Seperti mana yang kita tahu, kalau kita lihat 30 dan 40 tahun yang lalu, tidak ada orang yang mengenali Malaysia kerana pada ketika itu banyak orang mengatakan bahawa Malaysia ini mungkin berada di Afrika ataupun sebuah negara yang masih jauh lebih mundur tetapi apabila dengan kemampuan dasar luar negara kita yang begitu agresif telah menyebabkan negara kita semakin dikenali dan kita menjadi negara contoh kepada Negara-negara Dunia Ketiga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kinabatangan

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Soal hubungan luar negara, saya memang menanti Yang Berhormat membawa tajuk ini. Sebab saya memang mengalu-alukan keputusan kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk tidak membina jambatan baru sebagai ganti jambatan di Johor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia tidak bangkitkan perkara itu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Luar negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ambil kesempatan kah?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Justeru itu ini mahu bijaksana membawa isu ini Tuan Yang di-Pertua. Apabila dua negara, hubungan dua negara itu saya bawa. Saya memang bersetuju, sebab dari mula saya memang menegaskan kita tidak perlu ada jambatan, sekiranya Singapura tidak memandang tinggi kepada kita. Orang yang tidak berbudi, kita tidak harus berjasa. Orang yang tidak mahu memberi, kita tidak mahu terima. Kita tidak mahu memberi dia, apa yang dia minta. Sebab kita ada maruah negara kita. Tahniah kepada Perdana Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah jawablah, dia tidak ada soalan Yang Berhormat. Dia hanya ambil kesempatan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Tahniah kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana telah mengambil tindakan untuk memberhentikan pembinaan jambatan ini yang kita rasa akan mencabar kedaulatan negara kita. Kalau sekiranya kita harus berkompromi dengan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita tahu bahawa sebagai sebuah negara yang semakin dikenali dan juga sebagai sebuah negara perdagangan yang kita sebenarnya semakin memerlukan dasar luar negara yang lebih agresif. Kalau kita lihat hari ini kita telah mendapat menjadikan Petronas sebagai sebuah negara *top five hundred global company*, ianya berpunca daripada hubungan kita dengan Negara-negara Selatan.

Dan kita dapat melihat bahawa peranan Kementerian Luar Negeri di dalam soal ini untuk membantu syarikat-syarikat perdagangan dan juga pelaburan kita di luar negara adalah terserlah dan ini mereka telah membantu kebanyakan daripada syarikat-syarikat kita misalnya untuk mendapatkan peluang-peluang perniagaan seperti di Sudan dan juga di negara-negara Afrika yang lain, Afrika Selatan.

Dan ini merupakan satu bukti bahawa keperluan kita untuk mengadakan satu dasar luar negara yang mantap di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini tetapi apa yang membimbangkan saya ialah biasanya kerajaan tidak memberikan peruntukan yang mencukupi. Kita tidak memberikan bantuan yang mencukupi dan sokongan yang mencukupi kepada Kementerian Luar Negeri kita. Kita tidak diberikan peruntukan yang banyak hanya kalau kita lihat misalnya tahun peruntukan hanya terbatas kepada lebih kurang RM500 juta. Sedangkan peruntukan ini pada pendapat saya adalah merupakan satu peruntukan yang terlalu kecil. Kita harus melihat bahawa kalau kita mahu negara kita terkenal maka kita harus memperkasakan orang-orang yang kita lantik di luar negara ini untuk membolehkan mereka bekerja dengan lebih baik.

Oleh itu, saya mengharapkan supaya kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini memberikan bantuan. Misalnya di dalam tragedi tsunami berlaku di Aceh baru-baru ini. Kita dapat melihat bahawa dengan kewujudan NGO-NGO kita yang diselarasakan melalui Kementerian Luar Negeri seperti MERCY. Mereka ini telah dapat sekurang-kurangnya memberikan satu gambaran yang baik kepada negara kita. Dan adalah merupakan satu *public relation jobs* yang sudah tentu akan menguntungkan negara kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Penampang.

### 3.40 ptg.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini untuk mengambil bahagian dalam membahaskan serta menyokong pembentangan RMK-9 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat terharu dengan kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat kerana dapat menggubal satu rancangan yang amat komprehensif dan fokus dengan lima teras perdananya. Kelima-lima teras ini adalah usaha langsung untuk menangani cabaran-cabaran pembangunan yang amat mendesak termasuklah ketidakseimbangan sosial ekonomi yang ketara dan dalam masa yang sama memperuntukkan mekanisme-mekanisme yang perlu agar negara lebih kompetitif dalam ekonomi global yang amat dinamik.

Dalam penekanan teras-teras tersebut saya amat berterima kasih, kawasan-kawasan atau wilayah-wilayah di negara yang ketinggalan dari segi pembangunan, diberi perhatian dan peruntukan yang khusus termasuklah di Sabah dan Sarawak. Walaupun demikian saya ingin menyentuh kepada perkara yang membangkit kepada kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua dalam OPP-3 dan Rancangan Malaysia Kelapan, istilah bumiputera minoriti digunakan sebagai gelaran generik, masyarakat etnik yang ada di Sabah dan Sarawak, seperti Kadazan, Dusun, Murut, Bajau, Iban, Bidayuh, dan Melanau. Manakala dalam RMK-9 pula hanya menyatakan bahawa program-program yang spesifik akan dilaksanakan untuk menangani kemiskinan di kalangan bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Istilah bumiputera minoriti tidak lagi digunakan seperti di dalam dokumen RMK-8 dan OPP-3. Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan, mengapakah istilah bumiputera minoriti ini nampaknya digunakan secara selektif atau tidak konsisten dalam dokumen-dokumen tersebut. Adakah ini bermakna perhatian khusus kepada bumiputera minoriti ini di Sabah dan Sarawak dalam semua aspek kemajuan iaitu pembasmian kemiskinan, pengagihan pendapatan dan penstrukturan semula ekuiti atau *equity restructuring* seperti yang dinyatakan dalam OPP-3 tidak wujud lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 3.5 dokumen RMK-8 juga telah menyatakan secara spesifik bahawa perhatian khusus akan diberi dalam peningkatan pemilikan ekuiti atau dengan izin, *equity participation* di kalangan bumiputera di Sabah dan Sarawak seperti Kadazan Dusun, Iban, Bajau, Murut, Bidayuh dan Melanau, dan bumiputera minoriti yang lain.

Walaupun begitu, hingga kini masih tidak jelas berapakah sebenarnya jika ada pemilikan ekuiti oleh kumpulan bumiputera minoriti ini? Ketidakpastian tersebut disebabkan oleh ketiadaan mekanisme-mekanisme yang terperinci untuk mengukur pencapaian program yang ternyata RMK-8 di kalangan masyarakat bumiputera minoriti ini. Ia lebih ketara lagi kerana penggunaan kaedah *broad statistical lumping*, di bawah kategori bumiputera iaitu yang majoritinya adalah saudara-saudara kita dari kaum Melayu dan minoritinya adalah kaum-kaum etnik seperti Orang Asli dan kaum-kaum yang etnik yang ada di Sabah dan Sarawak.

Oleh itu kumpulan bumiputera bukan Melayu ini tidak pasti sama ada dia akan mendapat apa-apa manfaat sebagai contoh dari sasaran pemilikan 30% ekuiti di kalangan bumiputera ini yang disebutkan lagi di dalam RMK-9. Malah tidak hairanlah apabila mereka merasakan seolah-olah terpinggir dalam perkara seperti ini. Jadi saya amat berharaplah agar kerajaan akan memberi perhatian kepada faktor-faktor ini dalam usaha mempraktikkan program-program yang tertentu dalam RMK-9.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha pembasmian kemiskinan pula, satu kajian atau *survey* dengan izin, harus dikendalikan supaya sasaran sebenar dapat dikenal pasti. Pada masa, pelaksanaan RMK-8 kajian telah dilaksanakan di Sabah, akan tetapi kajian yang dilakukan hanya merangkumi sebahagian daripada kumpulan etnik bumiputera seperti Orang Rungus, dan Orang Sungai. Tiada kajian pula dilaksanakan di kalangan kumpulan etnik yang terbesar seperti kaum Kadazandusun.

Oleh itu hasil kajian tersebut tidak menggambarkan keadaan yang sebenarnya. Daripada itu saya berharap satu kajian atau *survey* lagi yang lebih komprehensif dan lebih terperinci akan dikendalikan agar program khusus yang dimaksudkan dalam RMK-9 ini akan menepati sasarannya. Dari perspektif Sabah dan Sarawak dalam apa jua kajian, kumpulan bumiputera minoriti harus dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan etniknya supaya hasil kajian itu lebih tepat dan lebih mencerminkan kepada keadaan yang benar dan yang wujud.

Tuan Yang di-Pertua, dalam semua perkara yang tersebut, kaum-kaum etnik di Sabah dan Sarawak ini bukan meminta sedekah. Sebagai bumiputera minoriti, mereka hanya mahu peluang yang adil dan saksama untuk mencari kemajuan. Sebagai bumiputera, mereka ingin supaya hak mereka untuk diberi pertimbangan yang sewajarnya dapat diiktiraf dan sebagai warga Malaysia, apa yang amat diinginkan oleh mereka adalah untuk bergerak bersama dengan rakyat Malaysia yang lain yang berusaha mencari kejayaan. Dalam ini mereka sudi memainkan peranan mereka...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** ...Dan sedia menyumbang kepada kemajuan dan kekayaan negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut bangun.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Penampang. Saya mengikuti ucapan Yang Berhormat sejak dari awal lagi. Kami sebagai orang Semenanjung sentiasa mengikuti kumpulan bumiputera minoriti ini sama ada di Sabah, kawasan pedalaman, di Sarawak, terutamanya yang akan menghadapi pilihan raya tidak lama lagi, apakah sebenarnya ketinggalan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Apakah dari segi kontraknya atau dari segi pengagihan peruntukannya? Kerana saya lihat di Sabah terutamanya, selepas pergiliran ketua menteri, ketua menteri sekarang sentiasa memberikan peruntukan-peruntukan untuk mengimbangi cara hidup masyarakat termasuk masyarakat bumiputera minoriti. Jadi, bolehkah Yang Berhormat perelaskan di manakah dan apakah yang dimaksudkan ketinggalan tadi? Terima kasih.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya membangkitkan isu ini kerana apa jua program kerajaan atau rancangan-rancangan kerajaan yang wujud sekarang semuanya bagus, Yang Berhormat. Yang masalahnya ialah sasarannya, Yang Berhormat. Saya tidak mempersoalkan kewibawaan program-program kerajaan, hanya sasarannya. Itu sahaja masalahnya. Ada sesetengah kaum kita di Malaysia ini, tidak boleh dinafikan, tidak mendapat manfaat daripada program kerajaan oleh sebab barangkali seperti mana yang disebut-sebutkan dalam Dewan yang mulia ini kerana sistem penyampaian kita tidak seberapa dan boleh diperincikan lagi, tetapi apa yang saya membangkitkan di sini sasaran itu harus kita kenal pasti. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila Yang Amat Berhormat menyatakan keselamatan negara dan ketenteraman awam sangat mempengaruhi iklim politik dan iklim ekonomi dan bahawa negara yang bebas daripada ancaman dalam dan luar dapat meningkatkan dan menjamin kestabilan politik. Satu daripada ancaman dalaman yang paling ketara dalam negara kita ini adalah kehadiran pendatang asing tanpa izin. Seperti yang telah diperkatakan berulang kali dalam Dewan yang mulia ini, kebanyakan daripada pendatang asing tanpa izin ini, khususnya di negeri Sabah memegang kad pengenalan *MyKad* yang palsu serta juga dokumen IMM13 yang palsu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan amat berterima kasih di atas jawapan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tentang isu ini semasa penggulangannya dalam usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja. Jawapan menteri amat menyeluruh dan terperinci yang menunjukkan menteri sangat mengambil perhatian dan sedang berusaha untuk memahami masalah yang dihadapi berkenaan dengan pendatang asing tanpa izin ini, khususnya di Sabah.

Akan tetapi saya rasa menteri cuma menyentuh tentang usaha-usaha pembendungan masalah yang sedia ada. Bagaimana pula dengan pencegahan? Adakah kementerian akan memperkukuhkan dan mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan sistem pentadbiran untuk memproses dokumen kewarganegaraan dan pemastautin tetap kerana ada lagi masalah yang besar yang mencabar negara kita yang tidak tersentuh saya rasa semasa penggulangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ada tiga jenis warganegara di Malaysia ini saya rasalah...

**Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pensiangan.

**Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Penampang. Saya ingin penjelasan daripada

Yang Berhormat. Bila kita lihat insiden-insiden yang berlaku di Sabah, kerap kali kita lihat dan bila mangsa-mangsa ditangkap, selalunya orang-orang yang ditangkap ini didapati mereka ini menggunakan kad-kad palsu. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ada sindiket-sindiket yang mungkin membuat ataupun mengklon kad-kad ini, maka ia terus berleluasa di negeri Sabah dan kemungkinan besar juga dari Semenanjung ini? Terima kasih.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan teruskan perbahasan dan saya akan menyentuh sedikit tentang itu.

Seperti mana yang saya katakan tadi, ada tiga jenis warganegara di Malaysia kita ini pada pendapat saya: pertama, warganegara tulen seperti kita yang duduk di sini, di Dewan yang mulia ini yang berasal dari negara ini; kedua, mereka yang telah memohon kewarganegaraan dengan cara yang sah dan mengikut prosedur dan undang-undang negara ini; dan ketiga, mereka yang mendapat kewarganegaraan melalui sindiket-sindiket dan dari pihak-pihak berkuasa yang tidak bertanggungjawab atau tidak peduli bahawa perbuatan mereka ini adalah satu penderhakaan kepada negara.

Jenis yang ketiga inilah yang harus diberi perhatian yang serius dan secara mendalam oleh kerajaan kita kerana isu ini amat genting kepada kedaulatan negara kita. Dari itu kita harus memperkukuhkan lagi sistem pentadbiran imigresen kita dalam mendokumentasikan kewarganegaraan. Sistem dokumentasi yang lemah akan membuka negara kita, bukan sahaja dengan *influx*, dengan izin, atau kemasukan tanpa izin migran ekonomi, penganas atau *terrorist* dan penjenayah-penjenayah dari negara lain melalui penipuan dokumen, tetapi juga kemungkinan akan menyebabkan mereka masuk ke dalam daftar pengundi kita. Ini akan membawa implikasi yang amat serius kepada sistem demokrasi dan politik negara ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh kasi sama saya sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Silakan sahabat saya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Penampang. Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil hendak bertanya Yang Berhormat ini sebab kalau kira minoriti, saya punya suku bangsa ini lagi minoriti di Sabah iaitu suku kaum Sungai. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat beri penjelasan bagaimana hendak mentafsir minoriti kaum di negeri Sabah ini, sama ada dari segi bangsa, agama dan sebagainya. Banyak lagi kaum lain yang minoriti dan ini mengelirukan. Minta penjelasan sedikit.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tafsiran bumiputera minoriti ini sebenarnya bukan dari saya sendiri. Tafsiran ini telah digunakan dalam dokumen OPP3 di mana kerajaan telah mengiktiraf bumiputera minoriti ini memerlukan perhatian yang khusus. Jadi, menurut OPP3, bumiputera minoriti ini boleh dipecahkan kepada kaum-kaum etnik di negeri Sabah dan Sarawak.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, tambahan. Bolehkah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan supaya ditransformasikan bahasa kaum-kaum minoriti ini sebab keliru kita. Yang saya tahu kalau minoriti, suku kaum Kadazan ini memang ramai, lebih majoriti daripada kami punya suku kaum macam Bajau dan sebagainya. Jadi, minta Yang Berhormat cadangkan kepada kerajaan, dikaji perkataan minoriti kaum ini supaya mungkin diperbaharui, bagaimana perancangan di masa akan datang supaya tidak ada yang terkilang. Kalau kira kami punya suku kaum ini memang lebih majoriti dibandingkan dengan kaum-kaum yang lain.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat. Kerajaan harus menggunakan satu perkataan yang lebih positif untuk mengiktiraf bumiputera yang kita maksudkan tadi dan saya tahu Topinai-

Topinai atau saudara-saudara Orang Sungai adalah satu daripada yang paling minoriti. Terima kasih Yang Berhormat.

Dalam erti kata lain, oleh kerana sistem pemprosesan kewarganegaraan yang senang dimanipulasikan dan yang tidak *transparent*, pendatang asing tanpa izin dapat masuk ke negara kita mendapat hak-hak warganegara dan didaftar dalam *electoral rules*, dengan izin. Akibat yang paling ketara dari ini ialah mereka ini akan mendapat lebih keistimewaan daripada warganegara asal. Seperti mana yang kita tahu di Sabah dan Sarawak ini banyak lagi rakyat kita yang memerlukan banyak bantuan daripada kerajaan. Walhal pendatang asing tanpa izin ini tiada rasa cinta dan tidak mempunyai kesetiaan kepada negara kita dan tidak mematuhi pula kepada undang-undang negara kerana cara mereka masuk dan memiliki dokumen pun sudah salah.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ini ada juga di kalangan rakyat kita yang menganggap bahawa oleh kerana pendatang ini memegang *MyKad*...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** [Bangun]

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kudat dan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Silakan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Penampang.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Saya amat tertarik dengan Yang Berhormat bagi Penampang berkaitan dengan ada pihak-pihak, khususnya orang-orang asing yang mendapat dokumen-dokumen yang membolehkan mereka menjadi warganegara tetapi saya juga ingin menyatakan di sini, adakah ini juga adalah berpunca daripada disebabkan, khususnya di negeri Sabah kita mempunyai satu sistem iaitu Mahkamah Anak Negeri.

Mahkamah Anak Negeri ini yang memang wujud di negeri Sabah ini kadang-kadang ada yang menggunakan Mahkamah Anak Negeri ini untuk mendapatkan pengesahan daripada mereka ataupun mereka menggunakan *abuse* kemudahan-kemudahan yang ada di dalam Mahkamah Anak Negeri ini untuk mendapat pengesahan tentang kelahiran mereka di negeri Sabah. Dokumen-dokumen Mahkamah Anak Negeri digunakan untuk dibawa ke Jabatan Pendaftaran dan dengan dokumen-dokumen inilah yang telah menyebabkan Jabatan Pendaftaran memberikan kad pengenalan ataupun sijil kelahiran.

Saya percaya ini adalah merupakan salah satu sebab juga yang telah menyebabkan banyak daripada orang-orang asing mendapat peluang untuk menjadi warganegara. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dan apakah misalnya cadangan Yang Berhormat untuk menghadapi masalah ini kerana soal Mahkamah Anak Negeri adalah di bawah kerajaan negeri. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Dengan soalan pencelahan Yang Berhormat, Yang Berhormat telah menerangkan bagaimana adanya lonjakan penduduk di Sabah yang begitu ketara sekali. Sebenarnya kaedah penggunaan sijil anak negeri ini sudah diberhentikan oleh kerana masalah-masalah ini. Yang kita perlu sekarang, kita perlu memperincikan sistem pemberian kewarganegaraan ini. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *it has to be more transparent to reassure the people*. Terima kasih Yang Berhormat.

Berkaitan dengan itu, ada di kalangan rakyat kita yang menganggap bahawa oleh kerana pendatang-pendatang ini memegang *MyKad*, mereka ini secara automatik menjadi orang tempatan. Di sini saya ingin menyatakan bahawa saya tidak setuju dengan tanggapan ini. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *naturalized does not mean local*. Orang

tempatan adalah orang asal yang nenek moyangnya berasal dari negara ini, berketurunan dari negara ini dan yang mempunyai sifat dan budaya tempatan.

Orang asing yang memegang dokumentasi kewarganegaraan, terutama mereka yang diragui identitinya tidak boleh dianggap sebagai orang tempatan. Kita haruslah memikirkan tentang generasi yang akan datang. Kita tidak mahu menghasilkan generasi yang berpendidikan tinggi dan berkualiti cuma untuk kedudukan mereka terjejas kelak oleh pendatang asing tanpa izin ini.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Pasir Puteh?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Dia tidak mahu dah.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Dia tidak mahu dah? Okey....  
*[Ketawa]*

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih, saya mahu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Penampang. Saya mendengar tadi Yang Berhormat bercakap soal bumiputera minoriti. Sebenarnya semua kita ini dahulunya minoriti: orang Dusun, orang Kadazan, orang Bajau, orang Sungai, Orang Melanau, orang Melayu, saya keturunan Champa Cambodia campur Siam campur Kelantan, akhirnya jadi Melayu.

Akan tetapi, tidakkah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan bahawa sebenarnya dahulu kita adalah sebuah bangsa yang besar tetapi kemudiannya bila datang penjajah dari Portugis, kepada Belanda, kepada Inggeris, dan kepada Jepun, mereka pecahkan bangsa ini menjadi bangsa yang kecil-kecil. Akhirnya kita dipanggil Bajau, kita dipanggil Dusun, kita dipanggil Sungai, kita dipanggil Kelantan, kita dipanggil Perak.

Kemudian kita telah menyatukan kembali bangsa-bangsa yang kecil ini menjadi sebuah bangsa yang besar, iaitu bangsa Malaysia. Maka soal tadi, sudah tidak penting lagi, dan bangsa yang besar ini pula mengambil kira bukan sahaja orang bumiputera, tetapi mengambil kira sendiri keturunan Cina yang dahulunya datang sebagai pendatang di negara ini. Dahulunya sebagai pelombong, orang India sebagai buruh. Akhirnya, jadikan sebuah bangsa yang besar, iaitu sebuah bangsa Malaysia. Sebab itu, isu kecil yang bercakap soal kecil-kecil ini seharusnya tidak menjadi perbualan kita lagi. Bolehkah Yang Berhormat terhormat bersetuju tajuk ini?

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Yang Berhormat bagi Ketereh, terima kasih. Saya tidak boleh mempertikaikan sejarah tetapi apa yang saya boleh bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini adalah realitinya, sasaran kita untuk menangani masalah-masalah yang wujud di negara ini. Itu sahaja yang saya mempertikaikan. Sasarannya, bukan menimbulkan isu memecahkan apa yang kita sudah bina di Malaysia kita yang tercinta ini. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin kembali kepada topik saya tadi.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tuaran.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Eh, Tuaran belum lagi. Silakanlah.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat bagi Penampang. Ini cerita fasal soal minoriti, tak minoriti, majoriti. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sekiranya terdapat keadilan, akses kepada pemberian apa-apa yang diberi kepada rakyat, daripada kerajaan khususnya dalam bumiputera itu, diberi secara adil. mmaka soal minoriti, tidak minoriti itu tidak akan timbul. Sebab ada kalanya, oleh sebab dalam soal politik, ini ahli kepada parti politik ini, dia tidak dapat. Ini, ahli politik ini, maka dia tidak dapat. Maka orang yang bukan ahli politik yang tidak dapat itu, dia akan jadi majoriti. Adakah Yang Berhormat bersetuju, sekiranya itu tidak dihapuskan, tidak ada minoriti, tidak ada majoriti? Semuanya bumiputera. Terima kasih.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Itulah satu cabaran kepada kita semua. Itulah cabaran kerajaan Barisan Nasional di Malaysia ini. Terima kasih.

Saya ingin kembali kepada pendatang tanpa izin ini, sedikit lagi. Ada kemungkinan generasi kita suatu hari kelak, akan diketepi atau di *marginalize* oleh elemen-elemen yang tidak diingini ini. Siapa di antara kita boleh mengatakan, pendatang asing tanpa izin ini yang diragui memegang dokumen kewarganegaraan ini tidak akan mengkhianati negara kita ini kelak?

Oleh itu, saya amat berharap bahawa Kementerian akan memperincikan lagi sistem pentadbiran dan pemprosesan dokumen kewarganegaraan dan akan mengkaji semula semua pemberian *Mykad* yang diragui dan yang selalu menerima rungutan dari rakyat, khususnya di negeri Sabah. Mungkin Tuan Yang di-Pertua, mungkin permohonan kewarganegaraan ini semasa diproses oleh Jabatan Imigresen, permohonan ini harus digazet di pejabat daerah yang tertentu atau di pejabat-pejabat yang tertentu. Jika ada bantahan, suatu *hearing* diadakan oleh jawatankuasa yang dibentuk khas untuk perkara ini. Jikalau selepas itu tiada masalah, pemohon itu harus dikehendaki untuk melalui *public oath taking*, dengan izin di hadapan hakim tertentu sebelum warganegaranya itu, disahkan.

Walaupun saya membangkit dan merayu kepada kerajaan dalam isu ini, saya juga sedar bahawa tanpa integriti dan kejituan dari semua pihak, termasuklah rakyat sendiri, masalah-masalah mengenai pendatang asing tanpa izin ini amat sukar untuk ditangani. Jadi, saya pun turut merayu kepada rakyat kita untuk menangani bersama masalah ini kerana ini untuk negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dokumen IMM13 pula, saya merayu sekali lagi kepada kerajaan untuk menghentikan pengeluaran dokumen ini. Kementerian sendiri telah memperakui dokumen ini tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan. Dokumen ini adalah dokumen tahunan yang membenarkan pemegang untuk tinggal, bekerja dan mendapat perkhidmatan sosial dan kesihatan sama dengan warganegara kita di Malaysia ini. Ia senang dipalsukan, dan pemalsuannya sudah berleluasa.

Kewujudan dokumen ini memudaratkan kedaulatan negara dan rakyat kita. Tujuan dokumen ini telah pun lupus. Dia tidak *relevant* lagi. Tiada lagi penduduk asing yang mencari perlindungan dari negara kita. Mengenai pemegang-pemegang IMM13 yang tulen pula, carilah kaedah lain untuk menangani kedudukan mereka. Akta Imigresen memperuntukkan kuasa Menteri untuk mencari kaedah yang lebih menjamin keselamatan dalam negara. Hapuskanlah pengeluaran IMM13 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang langkah *rationalisation*, laluan penerbangan domestik MAS dengan cadangan memberi lebih daripada 80% daripada laluan domestiknya kepada AirAsia. Ini secara khususnya berkenaan dengan *non-trunk routes*, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tuaran.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Oh, silakan.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat bagi Penampang. Saya ingin kembali sedikit lagi kepada soalan IMM13 tadi. Kalau Yang Berhormat tengok dalam *hansard* dalam Dewan yang mulia ini, sejak daripada dahulu lagi, sudah bertahun-tahun, berkali-kali disebut soal IMM13 ini.

Tetapi nampaknya, tidak ada apa-apa tindakan. *It has just been brushed aside*, dengan izin. Apakah agaknya dalam pandangan Yang Berhormat, kenapa pihak yang bertanggung jawab ini tidak mengambil apa-apa tindakan? Walaupun kita nampak ini bermasalah. Seheinggakan baru-baru ini seorang wanita, seorang ibu yang telah memalsukan IMM13 ini telah dipenjarakan lima tahun dan dikenakan dalam RM30,000 dan sebagainya. Walaupun dalam keadaan ini, masih lagi tidak dapat apa-apa tindakan? Apa agaknya pandangan Yang Berhormat, kenapa pihak yang bertanggung jawab tidak mengambil apa-apa tindakan? Terima kasih.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya pun tidak tahu jawapan kepada soalan itu dan saya, saya bersedia untuk menyalurkan soalan Yang Berhormat itu kepada kementerian.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Minta Menteri jawab.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Minta Menteri jawab. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh.

Mengenai dengan *rationalisation* MAS ini, berkenaan dengan *non-trunk routes*, dengan izin, yang merangkumi Sabah dan Sarawak dan termasuk juga *trunk routes* di antara Kota Kinabalu dan KLIA dan di antara Kuching dan KLIA. Adakah kerajaan mempertimbangkan untuk membenarkan operator selain daripada AirAsia, untuk mengambil alih apa yang dikatakan oleh mereka rangkaian Malaysia-Timur yang merugikan. Mungkin operator tersebut boleh diberi *franchise* oleh pihak MAS? Ini satu cadangan Tuan Yang di-Pertua.

Pada pendapat saya, ada faedah-faedah cadangan ini dan dia seharusnya dipertimbangkan secara serius oleh MAS dan kerajaan sendiri. Antara faedah-faedahnya:-

- (i) tiket yang lebih murah, terutama sekali di sektor yang merangkumi *non-trunk routes* dalam sektor Sabah dan Sarawak;
- (ii) kedua sistem *franchise* bermakna tiada gangguan atau gangguan yang minimum kepada perkhidmatan yang sedia ada;
- (iii) tidak ada subsidi berbanding kepada apa yang MAS sedia memberi kepada AirAsia, iaitu RM10 juta hingga RM15 juta setahun untuk perkhidmatan penerbangan pendalaman;
- (iv) tiada pengurangan pekerja seperti yang dicadangkan dalam *rationalisation* MAS ini, kerana operator tersebut mungkin masih akan memerlukan perkhidmatan pekerja yang sedia wujud; dan
- (v) sistem *franchise* ini, akan juga memastikan operator tersebut, akan masih mengguna lambang MAS, iaitu lambang penerbangan kebangsaan kita. Kerajaan dan MAS juga dapat faedah kewangan kerana mereka boleh menyewa kapal terbang kepada operator tersebut mengaut keuntungan dari *fee franchise*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Sudah, gulung, gulung Tuan Yang di-Pertua.

- (vi) boleh mengaut keuntungan dari *fee franchise* dan juga mungkin dapat menjual kapal terbang yang tidak diperlukan kepada operator tersebut;
- (vii) dengan memberi sektor pendalaman di Malaysia Timur ini kepada operator tersebut, rakyat akan mendapat pilihan dan fleksibiliti yang lebih, dan dengan memberi operator tersebut laluan di antara Malaysia Timur dan Semenanjung Malaysia, ia akan memberi *connectivity, frequency*, perkhidmatan yang lebih terperinci kepada penumpang-penumpang. Mungkin, operator tersebut juga boleh memberi ekuiti kepada kerajaan negeri Sabah dan negeri Sarawak masing-masing, seterusnya memberi hak kepada kedua-dua kerajaan itu bersuara untuk memastikan perkhidmatan yang diberi akan benar-benar bermanfaat rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pensiangan.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Ya, gulung. Pendek ya?... [Ketawa]

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]:** Saya tertarik dengan Yang Berhormat bagi Penampang bila kita mengatakan bahawa di antara MAS dan Air Asia ini. Saya melihat, di Sabah mempunyai syarikat penerbangan Sabah. Kenapa tidak penerbangan Sabah ini diberi peluang untuk digunakan supaya dapat membuat perkhidmatan di dalam negeri? Terima kasih.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Ya, itu lagi satu cadangan yang bernas. Satu lagi pilihan yang harus dipertimbangkan oleh pihak MAS. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pensiangan. Mahu gulungkah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Gulung.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Tambah pula Tuan Yang di-Pertua, Datuk Tony Fernandes sendiri telah menyatakan semasa kenyataan akhbar bersama MD MAS baru-baru ini, bahawa AirAsia tidak mempunyai kepakaran untuk mengendali operasi *non-trunk routes* atau operasi di pendalaman di Sabah dan Sarawak. Beliau juga berkata bahawa AirAsia akan subkontrak sektor penerbangan pendalaman ini kepada pihak lain. Walau demikian, MAS masih bersedia untuk memberi subsidi sebanyak, saya ulang RM10 juta ke RM15 juta setahun kepada AirAsia.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap kementerian dan MAS akan mempertimbangkan kaedah-kaedah selain dari apa yang sedang dibincangkan sekarang supaya *rationalisation* ini tidak cuma memihak kepada pihak-pihak tertentu sahaja, tetapi kepada semua pihak terutama sekali pihak yang terpenting sekali iaitu rakyat dan penumpang-penumpang. Dengan kata-kata yang demikian, saya mohon menyokong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sik.

4.11 ptg.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada tiga, empat perkara yang hendak disentuh dalam perbahasan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Agak ambil masa berapa lama?

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Mungkin 10 minit begitu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, sila... [Ketawa]

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Kalau rakan-rakan tidak mencela. Saya cuba hendak meringkaskan. Terutama sekali saya hendak mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri dan kerajaan kerana telah mengadakan satu rancangan pembangunan yang lengkap khususnya Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya menganggapkan Rancangan Malaysia Kesembilan ini sebagai satu rancangan yang melengkap dan menambah-nokok kepada Rancangan-rancangan Malaysia yang lalu. Teras utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini ialah Pertemuan Ekonomi dan Pamarataan dan Pengagihan Kekayaan Negara.

Saya tidak berhasrat untuk menyentuh mengenai aspek pertumbuhan ekonomi kerana bidang ini banyak disentuh oleh rakan-rakan yang lain. Cuma saya ingin menyentuh mengenai pamarataan dan pengagihan kekayaan negara. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, pihak kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan Wilayah Pembangunan Utara, Wilayah Pembangunan Pantai Timur, Wilayah Pembangunan Johor Barat, Wilayah Pembangunan Sabah-Sarawak. Kalau kita lihat dalam struktur ini, cuma saya rasa satu kawasan agak ketinggalan iaitu kawasan Johor Barat, kawasan Mersing, kawasan Endau-Rompin. Itu tidak dimasukkan.

Jadi, saya hendak mencadangkan supaya kawasan ini juga perlu dipermasukkan dalam konteks pembangunan wilayah yang diwujudkan ini. Bercakap mengenai dengan

pembangunan wilayah ini, saya berharap perancangan pembangunan bukan sahaja ditumpukan kepada bandar-bandar yang besar, misalnya kalau saya ambil Wilayah Utara. Di Pulau Pinang, di Seberang Perai, di Sungai Petani, di Alor Star, di Kulim, tapi juga mengambil kira pekan kecil-kecil.

Oleh itu, saya mencadangkan juga kepada pihak kerajaan supaya dapat mempertingkatkan pengguna pekan kecil-kecil ataupun pusat pertumbuhan desa. Di samping itu juga, kampung-kampung tradisional berhampiran dengan pekan-pekan kecil ini, perlu disusun semula dalam konteks pengguna kampung tradisional, supaya dapat kita permodenkan kampung-kampung tradisional ini. Satu aspek lagi yang saya kira dalam kawasan-kawasan pembangunan wilayah ini, terdapat projek-projek permohonan IADP.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Saya rasa IADP ini perlu diberi nafas yang baru seperti projek IADP Kedah Selatan, projek IADP Endau-Rompin, dan kalau kita dapat memajukan pekan-pekan yang kecil, pengguna kampung tradisional dan memulih kembali program ataupun projek pembangunan IADP ini saya penuh keyakinan bahawa penggunaan wilayah ini dapat dimajukan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Jerai. Saya memang tunggu Yang Berhormat bangun... [Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat bagi Sik. Saya amat bersetuju cadangan Yang Berhormat bagi Sik, sahabat saya daripada Sik, bahawa iaitu kampung-kampung kecil ini macam Sik, macam Yan, Jerai, harus kita kenal pasti cara pembangunan dia. Pembangunan dari segi ekonomi.

Ini sahajalah yang dapat kita menebuskan kemiskinan. Jadi kalau ini tidak dirancang oleh kerajaan, hanya kita bagi setakat *ad hoc* ataupun peruntukan segera untuk sesuatu projek ia tidak mendatangkan manfaat jangka masa panjang kepada masyarakat kita di kampung. Contoh Yang Berhormat kita tengok nelayan-nelayan kita. Saya tidak dapat melihat banyak nelayan-nelayan ini diletakkan di satu kawasan. Hari ini mereka bertaburan di tepi pantai yang terhakis. Tidak ada langsung program untuk masa depan mereka. Hanya pergi ke laut pagi, tengah hari balik, petang orang tengah ambil ikan, dan dia balik tidur. Itulah rutin mereka. Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kerajaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kira-kira masa yang digunakan oleh Yang Berhormat meminta penjelasan sudah lebih daripada dua jam dalam dua bulan yang lepas ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya banyak ini. Saya baca ini... [Menunjukkan sebuah buku] Bawah ini pun banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sik fahamlah.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Apa yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh duduklah, dia faham.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang hendak disampaikan oleh rakan saya itu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi Yang Berhormat bagi Sik faham?

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Ya, faham.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi kita hendak minta Yang Berhormat bagi Sik kepada Kerajaan Persekutuan supaya di negeri Kedah kerajaan peruntukkan lebih sedikit kerana mengikut....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat bagi Sik hanya 10 minit.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Eh, fasal apa 10 minit Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya bagi dia 10 minit. Sudah tiga minit diambil oleh Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tadi dia beritahu saya setengah jam.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia hendak beri pada saya 20 minit. Jadi Yang Berhormat bersetuju Yang Berhormat supaya kerajaan menumpukan...

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...Kepada masyarakat kampung program ekonomi yang boleh berkembang macam sekarang ini getah....

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, jadikan ucapan Yang Berhormat bagi Jerai itu sebahagian daripada ucapan saya.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Itu cara terhormatlah. Terima kasih.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** *[Ketawa]* Jadi saya hendak ulang lagi sekali dalam pembangunan wilayah ini kita tumpukan pada pekan kecil-kecil. Jangan hanya tumpukan pada pekan besar-besar supaya kawasan luar bandar ini dapat dipertingkatkan darjah perbandarannya.

Oleh itu, saya hendak mencadangkan kepada EPU supaya pada fasa ini satu pengukuran kajian perbezaan wilayah perlu dilakukan menggunakan pengukuran jenis *conviction* dan kita gunakan data asas ini mungkin dalam lima tahun lagi kita mengukur kembali sejauh mana kejayaan kita. Kalau tidak, kita tidak tahu kejayaan kita.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Di samping itu juga saya bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat bagi Jerai itu pembangunan kampung tradisional....

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Minta laluan.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** ...Yang dahulu kita diberi perhatian dan keutamaan, sekarang ini tidak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Maka saya hendak mencadangkan supaya perkara ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu dan Kuala Krau bangun.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** ...Dapat dipulihkan semula dan dapat diteruskan dengan lebih banyak lagi program-program, banyak lagi kawasan-kawasan kampung tradisional yang perlu disusun semula. Setiu.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sik dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Sik telah menyentuh mengenai IADP. Kebetulan di kawasan saya juga terlibat dengan IADP ketara yang saban tahun di kawasan saya ini bahkan pada bulan Disember baru-baru ini berlaku banjir yang serius. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana melapangkan masa turun ke Setiu melihat sendiri keadaan banjir di sana yang agak serius dan setiap tahun akibat daripada banjir ini Yang Berhormat, kerajaan dan juga rakyat menanggung rugi juta-juta ringgit.

Jadi kalau kita melihat kepada masa depan untuk rakyat saya rasa tidak salahnya satu tebatan banjir cepat-cepat dibina kerana dengan adanya tebatan banjir ini kos tanah meningkat, guna tanah meningkat, penempatan pun semakin selamat, harga tanah pun semakin tinggi, dan terlalu banyak faedah yang dapat kepada rakyat. Apa pandangan daripada Yang Berhormat bagi Sik.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Sebab itu Tuan Yang di-Pertua saya mencadangkan supaya program IADP ini dapat dipulihkan. Bila pemulihan itu macam-macam. Tebatan banjir, memperbaiki tali air dan sebagainya.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Perkara yang kedua saya hendak sentuh ialah saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Kuala Krau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** ...Kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa bertindak peringkat kebangsaan untuk memantau pelaksanaan projek. Pada perbincangan bajet yang dahulu, saya dan rakan-rakan yang lain telah mencadangkan supaya 'sistem waziran espatri' untuk mengawal selia pelaksanaan projek ini ditubuhkan. Maka hari ini kita telah pun dimaklumkan bahawa pihak kerajaan telah bersetuju.

Saya berpendapat untuk mengemaskinikan lagi struktur tindakan jawatankuasa ini maka pejabat kemajuan negeri perlu diperkemaskan dan juga pejabat daerah perlu diperkemaskan. Saya rasa pihak MAMPU perlu kaji kembali struktur organisasi majlis tindakan daerah supaya selaras dengan jawatankuasa penggunaan negeri dan supaya selaras dengan jawatankuasa tindakan kebangsaan yang akan diwujudkan ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sik.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Maka demikian ianya adalah selari kita tidak mahu seperti yang disebutkan oleh rakan Yang Berhormat bagi Ketereh itu bahawa apa yang diputus di atas itu tidak sampai ke bawah.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat bagi Sik, hendak bantu sedikit boleh?

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Boleh.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tangga Batu ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:**Terima kasih. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Memang kita ini orang kampung Yang Berhormat. Sik ini pun kalau bahasa Orang Putih *sick* sakit, tetapi satu Parlimen menang. Jadi kita baguslah. Cuma saya hendak Yang Berhormat tadi mengatakan di peringkat

daerah, boleh tidak boleh kita arahkan pejabat daerah supaya pelan struktur RMK-9 ini diadakan satu bilik gerakan untuk kita memonitor sasaran program RMK-9 kita ini kerana hari ini kita tidak ada bilik gerakan. Kita hanya menghadiri mesyuarat tindakan daerah kemudian tuan pegawai daerah akan bantangan kepada kita program itu program ini tetapi kita tidak boleh memonitor dan kita boleh mencadangkan pejabat Ahli-ahli Parlimen juga kita ada satu pelan struktur pembangunan ke arah kejayaan RMK-9. macam mana pandangan Yang Berhormat bagi Sik.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Saya setuju sangatlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hendak masuk dalam buku ini?

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Itulah yang saya cadangkan supaya MAMPU dapat membuat kajian menyeluruh dan membentangkan kepada kita tentang struktur yang baru ini untuk memantapkan lagi struktur organisasi peringkat negeri dan peringkat daerah. Setelah kita dipersembahkan dengan satu perancangan yang cantik dan elok dan setelah janji yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya pelaksanaan projek ini dapat dilaksanakan secara berkesannya.

Satu perkara lagi yang saya hendak bangkit ialah sistem audit belanjawan negara. Kalau kita lihat sekarang ini awalan yang dilakukan kita hanya dibekalkan laporan audit setelah perbelanjaan dibuat. Maka terdapat pelbagai komen, laporan-laporan yang negatif dalam laporan ketua audit negara itu. Maka saya mencadangkan supaya sistem pengauditan perlu dirombak supaya ianya lebih proaktif. Ertinya aspek pengauditan ini dilakukan sebelum dan setelah perbelanjaan itu dilakukan. Maka dengan demikian, kita dapat mengatasi masalah-masalah dari segi perbelanjaan wang.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Penjelasan sedikit Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sik. Memandangkan Yang Berhormat bagi Sik begitu prihatin sekali dengan sistem pemantauan pelaksanaan projek-projek kerajaan di peringkat daerah dan peringkat akar umbi saya dapat melihat sebenarnya inovasi ataupun cadangan-cadangan baru yang berupa jawatankuasa kalau dilihat dari sudut yang lebih besar ia akan menjadi penambahan kepada birokrasi di dalam sistem kerajaan.

Yang Berhormat bagi Sik, nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional begitu prihatin sekali tentang kecekapan dan keberkesanan perancangan kerajaan supaya dilaksanakan di peringkat daerah. Adakah Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya di dalam sistem pengauditan Yang Berhormat cadangkan tadi, ketua juruaudit di peringkat daerah tersebut adalah Ali-ahli Parlimen kerajaan ini yang mana kita sebagai ketua audit kita menyiasat, memantau, dan sebagainya. Manakala jenteranya disediakan oleh pihak kerajaan dan kita memberikan laporan dan kita menyemak segala kerja-kerja yang dilaksanakan di peringkat daerah kerana di setiap Parlimen pasti ada pembangunan-pembangunan yang akan disediakan oleh...

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tidak mampu. Saya tidak mempunyai kelulusan dalam bidang itu cuma mungkin kita Ahli Parlimen boleh bertindak dari segi mengawal selia, monitor sahaja. Dalam konteks peranan jabatan audit negara satu lagi yang saya rasa perlu diberi perhatian ialah dari segi penilaian. Selama ini kita tidak pernah buat penilaian terhadap projek-projek yang telah dilaksanakan sama ada ianya sampai kepada matlamat atau tidak. Maka saya hendak mencadangkan supaya Jabatan Audit Negara juga diberi peranan ini untuk membuat penilaian terhadap setiap projek-projek yang telah dilaksanakan.

Saya mengharapkan bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah sebagai satu lonjakan untuk kita mencapai matlamat Wawasan 2020. Maka sekarang ini sampailah masanya kita perlu mengkaji semula dasar-dasar yang ada supaya yang mana longgar kita

perketatkan, yang mana tidak sesuai kita sesuaikan, yang mana kita hendak baru kita perbaharukan, yang mana tidak ada, kita perlu adakan. Maka dasar-dasar yang saya rasa boleh kita pihak-pihak kerajaan meneliti ialah seperti Dasar Tenaga Nasional, Dasar Padi dan Beras Nasional, Dasar Bahan Bakar, Dasar Penduduk 70 juta. Selama ini lama sudah kita tidak bahas mengenai Dasar Penduduk 70 juta dalam konteks kita katakan modal insan itu 70 juta. Jumlah 70 juta itu berapa juta yang berguna dan berapa juta yang tidak berguna. Dasar Pembelajaran Sepanjang Hayat yang saya rasa penting kita perlu wujudkan. Dasar Kejiranan, Dasar Pengangkutan Awam, Dasar Pertahanan Setempat, Dasar Guna Tenaga Buruh Asing, Dasar Telekomunikasi, Dasar Perbandaran, Dasar getah dan pelbagai dasar lagi.

Dalam konteks memajukan sektor getah ini pada satu ketika dahulu semua pekebun-pekebun kecil memahami sangat, kenal sangat dan erat sangat RRI. Sekarang ini peranan RRI telah diambil alih oleh Lembaga Getah Malaysia. Kalau kita menjalankan penyelidikan di kampung-kampung di antara pekebun kecil ramai yang tidak tahu peranan Lembaga Getah ini.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [Bangun]

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Maka saya hendak mencadangkan supaya Lembaga Getah ini ikut seperti RRI dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sik. Kalau hendak ikut dasar RRI dahulu, saya terpenggil apabila Yang Berhormat sebut RRI kerana saya salah seorang daripada orang RRI dahulu. Di mana RRI ini Tuan Yang di-Pertua dia menjalankan *research* berkenaan dengan getah dan dia ini ada satu bahagian di dalam RRI itu yang dinamakan bahagian nasihat pekebun kecil. Apa sahaja yang di *research* yang dijalankan oleh RRI, badan nasihat pekebun kecil ini akan membawa ke peringkat kampung untuk memberi nasihat *finding* yang dikeluarkan oleh *research*.

Akan tetapi malangnya pada hari ini, banyak institusi yang kita tubuhkan dalam negara ini tidak mempunyai badan macam itu. Akhirnya, masyarakat luar bandar, masyarakat ramai tidak dapat faedah daripada penyelidikan-penyelidikan yang dibuat oleh badan-badan penyelidikan dalam negara ini.

Adakah Yang Berhormat bagi Sik bersetuju dengan saya supaya MARDI pun ada satu badan untuk membawa apa yang diselidiki ke peringkat orang ramai. Begitu juga badan-badan *research* yang lain kerana pada hari ini mereka hanya mengeluarkan teknologi-teknologi baru tetapi masyarakat luar bandar, masyarakat kampung tidak dapat manfaat daripada apa penyelidikan yang dijalankan oleh badan-badan ini. Setuju tidak Yang Berhormat bagi Sik?

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Saya amat bersetujulah. Sebab itu saya sebutkan tadi Lembaga Getah Malaysia umpamanya perlu mengikut contoh apa yang telah dimainkan peranan oleh RRI dahulu ini.

Dan perkara yang keempat yang saya hendak sentuh ialah dari segi martabat Parlimen ini. Saya rasa sampai masanya pihak kerajaan perlu mewujudkan satu kaedah di mana apa jua keputusan dalam Dewan yang mulia ini sampai ke bawah. Maka saya hendak mencadangkan kepada kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini supaya post sidang Parlimen disediakan, pasca sidang Parlimen disediakan. Selepas Parlimen ini bersidang maka kementerian-kementerian perlu memanggil semua agensi-agensi di bawah kementerian itu untuk berbincang kembali apa yang diputuskan di Dewan yang mulia ini kerana banyak keputusan-keputusan yang dibuat di Dewan yang mulia ini tidak sampai di bawah.

Saya hendak memberi contoh, dalam soalan lisan saya pada tahun 2004 saya telah bertanya menteri yang berkenaan mengenai dengan pembangunan pejabat pos di kawasan saya dan jawapan yang diberi ialah pejabat pos itu akan dibina yang baru, menunggu kelulusan tanah daripada pihak kerajaan tempatan. Maka saya telah membawa

perkara ini dalam majlis daerah dan juga negeri, perkara ini tidak ada maklumat. Pihak negeri dan pihak daerah tidak tahu menahu tentang cadangan untuk membina pejabat pos yang baru. Mereka hanya maklum bahawa pejabat pos yang ada itu hanya perlu diperbaiki sahaja.

Yang keduanya saya juga menanya dalam Dewan yang mulia ini iaitu tentang penyiaran televisyen di kawasan saya dan jawapan yang diberi ialah sistem pemancar lebih kurang 10 watt akan dinaik taraf ke 100 watt dalam tahun 2005. Setelah dibuat semakan di peringkat negeri dan di peringkat daerah rancangan ini tidak ada. Banyak lagi saya rasa jika kita teliti perkara-perkara yang diputus di Dewan yang mulia ini tidak sampai di bawah. Oleh itu wajarlah satu kaedah yang baru diwujudkan iaitu sistem seperti *Post Cabinet* iaitu *post* sidang Parlimen dilakukan untuk membolehkan segala keputusan yang dibuat di dalam Dewan yang mulia ini sampai ke bawah.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk sedikit mengenai modal insan dan rata-rata kita banyak sudah kita bercakap mengenai modal insan ini dan kalau betul-betul kita hendak menggerakkan masyarakat luar bandar khususnya untuk dimasukkan dalam arus pembangunan perdana, maka Jabatan KEMAS perlu diperkasakan. Saya menganggap KEMAS ini satu jabatan yang penting sekali dalam konteks kejuruteraan sosial iaitu untuk membawa masyarakat berubah minda mereka supaya mereka masuk dalam arus pembangunan perdana ini.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Sila, sila.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih. Ada satu perkara tentang kita hendak membangunkan kawasan luar bandar. Kita dapati bahawa pada hari ini banyak di antara kementerian dan jabatan apabila dia menghantar pegawai di luar bandar, kita dapati bahawa ramai di antara pegawai-pegawai itu ialah pegawai yang masih *junior* lagi, yang baru keluar yang masih tidak tahu apa. Akhirnya apabila perancangan yang dibuat di peringkat luar bandar di peringkat daerah walaupun bajet itu ada tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana pegawai di situ terlampau mentah lagi minta maaf, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya dia tidak tahu hendak menjalankan dan harapkan arahan daripada negeri ataupun di peringkat Persekutuan.

Oleh demikian rancangan di peringkat daerah dan luar bandar ini kurang mendapat kejayaan disebabkan dengan modal insan-modal insan yang ada ataupun kakitangan yang ada ini adalah kakitangan yang baru yang masih *junior* lagi. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Sik?

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju sangatlah sebab itu tadi dalam ucapan saya yang mula-mula tadi saya mencadangkan supaya pihak MAMPU mengkaji semula struktur ini di peringkat daerah khususnya supaya kita dapat menyuntikkan unsur-unsur baru untuk mempertingkatkan lagi tahap pencapaian, kebolehan pegawai-pegawai kita di peringkat daerah.

Jadi itu sedikit sebanyak yang saya hendak sampai saya. Saya patuh kepada janji saya, janji tadi 10 minit. Jadi itulah sedikit sebanyak. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekijang.

**4.35 ptg.**

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan ucapan pembentangan belanjawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk Rancangan Malaysia Kesembilan pada 31 Mac yang lalu.

Perkara pertama yang ingin saya sentuh ialah tentang gas asli. Walaupun telah banyak pihak dan daripada awal lagi kawan-kawan saya telah membincangkan tentang gas asli ini ataupun yang disebut NGV ataupun di luar negeri disebut sebagai CNG tetapi saya rasa saya harus juga membincangkan perkara ini kerana setiap kali apabila saya

menghadiri Mesyuarat Agong Persatuan Teksi dan Kereta Sewa saya diminta untuk menyampaikan hasrat mereka ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Mereka berhasrat supaya pembinaan stesen-stesen gas asli ini diperbanyakkan kalau boleh nisbah dia satu nisbah satu dengan stesen yang mengendalikan menjual minyak petrol ataupun minyak diesel kerana di dalam sesi yang lalu telah disebutkan bahawa pada tahun 2010 nanti ataupun di akhir Rancangan Malaysia Kesembilan, sekali ganda akan ditambah pembinaan stesen ini. Pada ketika ini hanya ada kalau tidak silap saya ada 43 buah sahaja stesen bermakna kalau sekali ganda kita ada tidak sampai 90...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jasin bangun Yang Berhormat.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** ...90 stesen, jadi saya rasa ianya tidak mencukupi berbanding dengan bandar-bandar yang terdapat di seluruh negara ini. Kita ada lebih kurang 140 lebih bandar-bandar kecil dan besar di seluruh negara ini. Silakan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya daripada Sekijang. Adakah Yang Berhormat setuju supaya mencadangkan kepada kerajaan selain daripada stesen-stesen yang boleh menjual NGV ini untuk kemudahan teksi dan juga kereta-kereta yang menggunakan gas, adakah Yang Berhormat setuju supaya kita cadangkan Proton, kereta negara kita supaya mengeluarkan kereta-kereta yang boleh digunakan teksi dan juga kereta *salon* yang lain yang sudah siap tangki gas yang mempunyai dua tangki satu tangki untuk NGV, satu tangki untuk minyak supaya dengan ini kita dapat mempopularkan penggunaan gas.

Hari ini kalau sebuah kereta yang sudah biasa dengan minyak, untuk menggunakan ataupun hendak meng *install* tong gas sahaja yang *salon* itu sampai RM2,000 lebih dan mungkin kereta *Mercedes* sampai RM4,000. Ini membuatkan orang takut hendak tukar kepada tangki gas ini. Mengapa tidak supaya Yang Berhormat dalam ucapan Yang Berhormat ini masukkan minta supaya kerajaan memastikan sebahagian daripada pengeluaran kereta-kereta baru oleh PROTON adalah kereta-kereta yang mempunyai dua tangki ini, satu tangki gas dan satu tangki minyak supaya kita dapat lebih banyak menggunakan gas yang murah ini di kalangan orang kita. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya daripada Jasin. Seperti mana yang saya katakan terlebih awal tadi bahawa kita sebenarnya tidak cukup stesen untuk mengisi gas ini sebab pembuat-pembuat kereta pun takut kalau mereka membuat kereta yang ada tangki gas ini takut dia tidak boleh jual kereta dia atau kekurangan sebab ini akan membuat pertambahan kos kepada pengeluaran kereta itu...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Larut.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Sebab itu saya katakan tadi bahawa apa yang penting kita memperbanyakkan dahulu stesen-stesen penjualan gas ini supaya masyarakat kita tahu, faham dan di mana mudah untuk mendapatkan stesen gas ini. Silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang. Ini ibarat seperti macam telur dengan ayam siapa yang dulu. Saya setuju dengan Yang Berhormat sekarang ini Petronas terutamanya ada petrol kios untuk membekalkan gas-gas yang berkenaan. Saya pun dulu terlibat juga sewaktu saya terlibat dengan teksi, cuma masalah di sini ialah untuk pembiayaan teksi-teksi ini sebagai pengangkutan awam untuk memasang tong-tong gas ini. Satu harganya mahal, kedua mungkin Yang Berhormat setuju, kalau kita cadangkan supaya ada satu konsortium untuk membantu mereka ini bagaimana cara untuk memasang tong-tong gas ini.

Kerana kalau mereka untuk mendapat pinjaman sudah tentulah mereka akan rasa risau bagaimana untuk membayar balik kos pemasangan kerana kosnya agak tinggi selain daripada pertambahan stesen-stesen untuk mengisi gas ini, yang kita tahu ialah tempat-tempat stesen minyak di Petronas terutama yang ada *pipeline* yang telah disiapkan tetapi masalahnya ialah kos pembiayaan. Apakah mungkin sama ada Kementerian Pembangunan Usahawan boleh mengetuai saranan dan cadangan ini supaya bagaimana hendak memasang kos pemasangan.

Kalau kereta baru sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi tidak timbul masalah kerana ia sudah tentu termasuk dalam kos harga kereta yang baru. Maknanya apabila pemasangan sudah dibuat sebelum dikeluarkan ini tidak timbul masalah tetapi bagi kereta-kereta sewa dan teksi yang masih ada di atas jalan ini. Ini akan menimbulkan masalah kerana kos, setiap kali kos ini timbul itulah yang menjadi halangan, kekangan kepada pengusaha-pengusaha teksi sama ada teksi perseorangan, individu ataupun konsortium. Kalau ini boleh dilakukan saya rasalah dan kalau pun tidak boleh dilakukan sudah tiba masanya kerajaan melihat perkara ini. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Sekijang. Terima kasih.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya daripada Larut. Sememangnya untuk memasang *kit* atau tangki kepada kenderaan-kenderaan ini memang memerlukan kos sebab itu di dalam sidang Parlimen yang telah lalu saya mencadangkan supaya kita memberikan subsidi ataupun kita boleh memberikannya secara percuma di peringkat awal ini kepada mereka yang ingin menggunakan gas asli ini kerana sebagaimana yang kita tahu dengan penjimatan yang ada RM4 bilion lebih itu saya percaya kita tidak sampai pun RM1 bilion kalau kita berikan kos pemasangan ini kepada mereka yang ingin menggunakan gas ini.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ledang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Ini tidak habis juga ini kan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang. Saya amat tertarik dengan cadangan Yang Berhormat bagi Sekijang tentang penggunaan NGV serta daripada rakan-rakan yang lain daripada Larut, dan juga Jasin.

Baru-baru ini harga kereta telah pun turun. Kereta nasional lebih kurang RM5,000 antara RM2,000, RM3,000 dan RM5,000. Ada sampai RM10,000. Saya berpendapat bahawa kos penurunan harga itu boleh dipindahkan kepada pemasangan alat tersebut supaya kita dapat memulakan langkah penggunaan NGV. Soal stesen kita mungkin boleh mulakan dahulu di Kuala Lumpur, di Lembah Klang, di Johor Bahru tetapi kita mesti bermula daripada satu-satu titik.

Bermakna kita mesti bermula dengan izin, *somewhere*. Jika kita tidak mulakan, saya fikir sampai bila-bilalah seruan demi seruan, galakan demi galakan tetapi tidak ada permulaan. Jadi adakah Yang Berhormat bagi Sekijang setuju supaya kos tersebut dipindahkan kepada pemasangan alat tersebut supaya memudahkan orang ramai untuk memiliki kereta baru dengan alat NGV. Sekian, terima kasih.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya daripada Ledang. Sebab begini, sebab mereka yang telah pun memasang alat ataupun menggunakan gas asli ini pun mereka kadang-kadang *queue* ataupun berbaris panjang untuk mendapatkan gas ini.

Jadi apabila ini berlaku, saya rasa orang lain pun takut untuk memasangnya sebab terpaksa berbaris dan kadang kala tempat-tempat yang tertentu sahaja ada tetapi kalau ada di merata-rata tempat saya percaya lebih ramai lagi orang akan menggunakan gas asli ini. Jadi saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Kita pernah diberitahu bahawa di dalam Dewan ini oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa untuk membina sebuah stesen gas asli

ini kita terpaksa membelanjakan sebanyak RM3 juta iaitu suatu perbelanjaan yang besar bagi pembinaan sesebuah stesen minyak ataupun gas.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara maju misalnya di Jepun dan di Korea Selatan, dia tak perlu memasang paip gas untuk ke setiap stesen yang ada dalam negara mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Sekijang, boleh duduk sekejap.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Boleh duduk sekejap.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya ingin mengalulkan kehadiran di dalam Dewan yang mulia ini Jose G. De Venecia Junior, *Speaker of the House of Representative Philippines* dan rombongan beliau. Moga-moga kehadiran beliau dan rombongan dalam Dewan ini akan mengeratkan lagi hubungan di antara Malaysia dan Filipina. Ya Yang Berhormat Sekijang teruskan.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi di negara-negara yang telah maju, mereka menggunakan lori tangki atau lori biasa untuk membawa gas-gas ini daripada satu tempat ke satu tempat. Dan ini telah saya sendiri bersama dengan pengusaha-pengusaha dan persatuan-persatuan pengangkutan awam, kita pergi melawat di Jepun misalnya. Di Jepun mereka tidak ada masalah, mereka boleh menggunakan dengan pengangkutan lori tangki untuk membawa gas ini. Kenapa kita di dalam negara kita, kita hendak menggunakan saluran paip dan sebagainya yang melibatkan kos yang begitu tinggi?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan kita ini tidak ada kesungguhan untuk menggunakan gas yang ada dalam negara kita ini untuk digunakan kepada pengangkutan awam. Dan persatuan pun memberitahu kepada saya supaya saya menyampaikan sebuah pantun yang mereka suruh saya sampaikan kepada Dewan yang mulia ini yang berbunyi, "kalau perigi katakan perigi, jangan perigi dikatakan peti, kalau sudi katakan sudi, jangan kami ternanti-nanti".

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Susah nak terjemahkan bahasa Inggerisnya Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** [Ketawa] Tak apa nanti saya boleh terjemah. Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan yang lalu, kawasan saya tidak disebut secara khusus untuk diberikan projek-projek tertentu. Misalnya di negeri Johor disebut Johor Selatan menerima banyak peruntukan pembangunan seperti pembinaan bandar Nusa Tenggara menjadi hab kepada pengangkutan. Begitu juga dengan Johor Timur, diberikan 100 kawasan penanaman getah dan sawit tetapi saya tetap menyokong dan memohon kepada agensi-agensi yang terbabit supaya terus membantu saya dalam kawasan Parlimen Sekijang dan Johor Utara yang terletak di Johor Utara.

Saya mohon supaya projek-projek yang kami pohon di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang pada ketika ini kita tidak dapat secara *detail* nya di bawah beberapa Kementerian seperti Kementerian Pembangunan Usahawan di mana kami ada memohon untuk pembinaan Maktab Rendah Sains MARA dan Institut Kemahiran MARA. Di bawah Kementerian Belia dan Sukan, kami ada meminta Institut Kemahiran Belia Negara ataupun IKBN dan juga Kompleks Sukan. Di bawah Kementerian Pelajaran, kita ada mohon sekolah berasrama penuh dan juga sekolah-sekolah harian yang mana salah satu daripada sekolah berasrama penuh ini tapaknya pun telah dibeli oleh Kementerian dan ada ura-ura untuk memindahkannya ke tempat lain...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Penjelasan Ledang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ledang bangun Yang Berhormat, nak bagi jalan?

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Nak habiskan dulu ni.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, belum bagi Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Jadi saya harap supaya ianya akan dapat diteruskan di tempat yang telah ditentukan kepada sekolah berasrama penuh ini. Begitu juga dengan pembinaan-pembinaan masjid dan surau-surau di bawah Jabatan Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Saya juga orang Johor tetapi saya sedia maklum tentang pembangunan di Segamat. Sudah ada jalan yang besar dan lurus daripada Gemas sampai ke Segamat sampai Ayer Hitam. Sudah ada pelabuhan darat Segamat, sudah ada UiTM cawangan Segamat. Adakah itu tidak cukup bagi Segamat untuk membangun kawasannya termasuklah Sekijang. Sekian.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya daripada Ledang. Saya kalau dibandingkan antara Sekijang dengan Ledang ibarat langit dengan bumi Tuan Yang di-Pertua. Ya lah kawasan yang berbeza jadi dalam kita punya Rancangan Malaysia Kesembilan pun, salah satu teras pembangunan wilayah disebut Tuan Yang di-Pertua, tak perlulah saya mengulas kerana di kawasan Yang Berhormat Ledang adalah juga kawasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, jadi tentulah ada perbezaan dari segi pembangunannya. Jadi saya sambung semula.

Saya juga ingin atau memohon kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya kawasan-kawasan saya, Menteri dia tadi ada, dia dah keluar. Memohon supaya projek-projek jalan-jalan kampung dan *immunity* sosial dapat ditambah dari masa ke semasa walaupun kami di Johor menerima agak kecil berbanding dengan negeri-negeri lain tetapi saya perlu menyatakan di sini sekali lagi bahawa kami di Johor Utara adalah bersempadankan dengan Pahang Selatan dan bersempadankan dengan Negeri Sembilan Selatan. Jadi keadaannya agak tertinggal jauh berbanding dengan kawasan-kawasan pembangunan lain seperti Ledang, Johor Bahru dan sebagainya. Jadi saya minta ianya diberikan perhatian. Walau bagaimanapun, saya berterima kasih kepada Kementerian ini kerana telah memberikan banyak kemudahan-kemudahan yang telah pun dilaksanakan dan akan dilaksanakan pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon supaya projek meluruskan dan melebarkan jalan dari Tangkak ke Segamat di bawah Jabatan Kerja Raya dapat diteruskan kerana projek ini pada Rancangan Malaysia Kelapan dulu pernah ditolak oleh EPU tetapi saya berharap supaya dalam rancangan yang Kesembilan ini, ianya dapat dilaksanakan kerana inilah satu-satunya jalan yang menghubungkan lebuhraya dengan bandar Segamat. Begitu juga dengan Jalan Barat Daya Segamat yang menghubungkan pelabuhan darat Segamat dengan bandar-bandar lain yang berhampiran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu Yang Berhormat, boleh nak bagi jalan?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Penjelasan boleh?

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Ada lagi?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tak oleh kerana Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yang Berhormat Sekijang menggariskan beberapa projek yang bakal dibangunkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan menyebut tentang pembesaran jalan ataupun penambahbaikan jalan di antara Tangkak ke Segamat. Dan saya suka juga kalau Yang Berhormat Sekijang sebut sekali menghubungkan Kampung Relau Asahan dengan jalan Tangkak ke Segamat melalui Jementah yang akan menghidupkan Pekan Asahan yang hampir mati pada hari ini. Dan ini terletak di dalam negeri Johor dan kebetulan dalam Johor Utara Yang Berhormat Sekijang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada kena mengena dengan Tangga Batu ke Yang Berhormat?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Orang rumah saya kampung tu...  
[Ketawa]

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Tak apalah, saya masukkan sebahagian dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sentuh ialah tentang pelajaran. Kami wakil-wakil rakyat sering kali dipohon oleh Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru untuk membantu sekolah-sekolah terutamanya untuk perkara-perkara yang melibatkan selenggaraan, peralatan sekolah contohnya mesin fotostat, mesin Xerox dan keceriaan sekolah. Oleh kerana terlalu banyak permintaan ini, kami amat sukar untuk memenuhi permintaan tersebut. Apatah lagi dengan adanya batasan-batasan bahawa kami selaku wakil rakyat tidak dibenarkan menyumbangkan perkara-perkara tersebut kepada pihak sekolah. Kerana sekolah tersebut di bawah kelolaan kerajaan sendiri.

Akan tetapi, kami kadang kala tidak sampai hati Tuan Yang di-Pertua, apabila ada perkara-perkara perlu yang melibatkan keselamatan dan keselesaan pelajar. Contohnya apabila pagar sekolah rosak atau tumbang ataupun bilik air sekolah pecah, tercabut dan sebagainya. Pihak sekolah akan menghubungi wakil rakyat melalui Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa, tetapi bagi kami walaupun kami menerangkan kepada mereka ini bahawa kami tidak boleh untuk menyumbang ke arah itu tetapi kadang kala Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa ini mendesak supaya kami memberikan peruntukan tersebut demi untuk keselamatan dan keselesaan pelajar-pelajar di sekolah tersebut.

Jadi kadang kala apabila kami tidak dapat memberi kepada perkara-perkara tersebut maka ada di antara guru besar ataupun Yang Dipertua sekolah akan mendesak pula Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa ini, dia kata Yang Dipertua ini tak pandai melobi YB. Jadi apabila dah semua sekolah minta kepada kita, menjadi masalah kepada kita untuk memberikan peruntukan-peruntukan ini dan ada kalanya kita terpaksa mengikut prioriti-prioriti itu ataupun mengikut giliran. Dan inilah kalau sebenarnya inilah yang berlaku maka saya rasa tanggungjawab bahagian ataupun unit selenggaraan di bahagian Kementerian Pelajaran ini kalau tidak boleh berfungsi dengan baik maka saya cadangkan supaya ianya ditutup dan duit disalurkan terus kepada wakil-wakil rakyat ataupun Ahli-ahli Parlimen dalam kawasan tersebut supaya ianya boleh diurus dan diberi kepada sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Maran bangun Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Kerana kami selaku wakil rakyat apabila diberikan peruntukan kami tidak pernah untuk memulangkan balik peruntukan itu malah tak cukup lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Maran.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang disuarakan oleh Rembau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukan Rembau Yang Berhormat, Sekijang.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Oh, minta maaf Sekijang. Nasib saya juga Ahli Parlimen seperti beliau dan kita perhatikan masalah ini berlaku di mana-mana, bukan sahaja di Sekijang bahkan sama ada di Sarawak, Sabah dan sebagainya.

Saya nak mencadangkan kepada Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat setuju atau tidak, ataupun Yang Berhormat sudah sebutkan saya tak pasti. Supaya peruntukan khusus diadakan daripada Kementerian Pelajaran, diberikan kepada PIBG-PIBG ini, kalau kita nak melihat supaya PIBG dapat bergerak dengan baik bagi membantu

kita kerajaan dan juga Ahli Yang Berhormat dan Jabatan Pendidikan Daerah bagi menentukan mereka ini berperanan dalam mengatasi apa juga masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah. Sama ada sekolah menengah ataupun sekolah rendah termasuklah masalah-masalah disiplin-disiplin pelajar yang saya kira akhir ini, saya dimaklumkan telah juga agak berat. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya. Itulah sebabnya tadi saya mencadangkan supaya ianya terus disalurkan di bawah wakil rakyat dan kita boleh membahagikan kepada sekolah-sekolah yang terlibat dengan perkara-perkara ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah apa yang telah kita bincangkan di dalam Dewan ini dan ramai di antara Ahli-ahli Dewan ini yang membahaskan tentang *delivery system* kita. Nampaknya rata-rata daripada Ahli-ahli Dewan ini dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak berpuas hati dengan *delivery system* kita yang ada pada hari ini, yang ada *hanky-panky* dan menyebabkan projek lambat, terbengkalai dan sebagainya.

Akan tetapi bagi saya bukan semua *delivery system* kita tidak baik atau tidak bagus kerana kita boleh mengambil contoh misalnya di dalam perkhidmatan guru. Ia begitu cemerlang sekali, *delivery system*nya. Setiap tahun mereka mencapai *target* atau mempunyai *target* yang tersendiri. Mereka kena menghabiskan sukatan pelajaran mereka setiap tahun kepada anak-anak murid mereka kerana setiap tahun atau di hujung tahun anak-anak murid mereka ini terpaksa menduduki peperiksaan sama ada peperiksaan di peringkat sekolah rendah ataupun sekolah menengah.

Sebab itu dalam saban tahun kita mendapati bahawa ada murid-murid yang begitu cemerlang 12A, 13A, 16A dan macam-macam lagi. Sama ada di peringkat SPM ataupun di peringkat STPM. Walaupun di samping itu ada yang gagal Tuan Yang di-Pertua. Ini kita tidak dapat elakkan kerana orang kata, kalau kelapa dalam satu tandan itu ada juga yang buruknya yang rosaknya. Jadi yang itu kita tidak dapat untuk bercakap apa-apa. Mungkin kita boleh bantunya dari segi yang lain...

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Menyokong sedikit. Masalah Amalina dapat 17A sudah pergi London, UK. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang dan Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ambil kira juga dalam Parlimen kita ini ada budak-budak yang tidak berjaya. *Why not* kita boleh bagi tambahkan dari segi bentuk vokasional supaya pelajar-pelajar yang tidak berjaya ini jangan merempat, jangan pergi ke gejala-gejala negatif. Beri dia latihan, kemahiran yang boleh sesuai dengan industri kampung satu produk satu kampung ini. Kita hendak wujudkan industri kecil, bagaimana setuju tidak? Bukan marah.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh itu tetapi dalam ucapan saya, saya hanya membincangkan tentang *delivery system*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sambung semula dalam saya punya ucapan ini, kalaulah kecerlangan telah berlaku, telah kita dapati dalam pendidikan ini, ini petanda sistem penyampaian ataupun *delivery system* oleh guru-guru ini amat cemerlang, amat baik sekali. Kalau mereka ini telah cemerlang, telah elok, adalah saya rasa bagi kita amat sesuai mereka-mereka ini diberikan ganjaran kerana yang lain tadi rata-rata daripada Ahli Dewan menyatakan bahawa banyak yang tersangkut tetapi dalam *delivery system* pendidikan oleh guru-guru ini begitu baik kerana kita dapati kenaikan pangkat guru begitu lambat dibandingkan dengan penjawat-penjawat awam yang lain seperti Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan lain-lain yang saya tidak dapat sebutkan satu persatu. Guru-guru ada kalanya masuk dalam skim itu, contohnya kalau Skim 41 itu dia masuk, dia pencen pun nanti dalam Skim 41. Walaupun dia telah berkhidmat lebih daripada 20 atau 25 tahun...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jasin, hendak bagi jalan?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sahabat saya Yang Berhormat bagi Sekijang. Berkenaan dengan *delivery system* di kalangan guru-guru, kita tidak mempertikaikan, malah kita menghormati pengorbanan guru-guru dalam mendidik anak-anak bangsa kita. Yang menjadi masalah ialah Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah. Banyak di antara sekolah-sekolah yang harus mendapat bantuan tidak dapat. Banyak lagi sekolah-sekolah di kawasan kita di luar bandar masih usang, tidak dibaiki dan baru-baru ini saya telah melawat satu sekolah jenis kebangsaan Tamil, yang mana kalau kita lihat dia punya meja, dan kerusi sekolah itu amat daif sekali, lintang pukang. Mengapa tidak benda ini disampaikan kepada kementerian supaya pembiayaan sepenuhnya diberi kepada sekolah-sekolah ini.

Kita tahu pendidikan penting untuk modal-modal insan pada masa akan datang, tetapi kalau sekolah yang rupa begitu usang, peralatan tidak cukup, bagaimana kita hendak mengeluarkan modal-modal insan untuk menjayakan rancangan kita pada masa akan datang. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Sekijang tetapi guru, baik. Pejabat pendidikan daerah dan negeri.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah tadi saya katakan bahawa oleh kerana *delivery system* yang disampaikan oleh gurunya, baik, maka kita harus memberikan ganjaran kepada mereka ini kerana mereka ini dalam perkhidmatan kerajaan, saya ingat lebih 300 ribu orang tetapi oleh kerana mereka ini kadang-kadang tinggal di luar-luar bandar, tinggal; di tempat-tempat yang jauh agaknya, maka mereka ini kadangkala kenaikan pangkat mereka ini tertinggal jauh dibandingkan dengan orang lain. Di mana ada di antara perkhidmatan-perkhidmatan yang lima tahun naik pangkat, lima tahun naik pangkat, lima tahun lagi naik pangkat...

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Lipis.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Jadi saya rasa sebab itulah saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya mereka ini diberikan perhatian supaya kenaikan pangkat ini juga diberikan peluang yang sama kepada penjawat-penjawat awam yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Lipis.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang. Jadi apabila kita mempersoalkan tentang kenaikan pangkat guru, rasa saya antara perkhidmatan yang paling malang dari segi kenaikan pangkat kerana untuk naik pangkat daripada 41 sampai ke 48 rasa saya ambil masa dalam 20 tahun dan ada yang keluar, kalau lambat masuk universiti, itu yang masuk daripada 41 terus keluar pun 41. Jadi adakah rasa saya, ini pada pandangan saya, kenaikan pangkat ini tidak diberi perhatian kerana guru ini dianggap satu profesion yang tidak penting itu yang pertamanya, walaupun mulut kata penting, tetapi dari segi pelaksanaannya tidak penting, war-war sahaja yang penting. Keduanya adakah kerana melibatkan apabila terlalu ramai, dia melibatkan implikasi yang besar dari segi kewangan, mohon penjelasan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat jawab terus gulung Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jadi sebab itulah saya katakan tadi, bukan mereka ini tidak diberi pangkat, diberi pangkat tetapi oleh kerana mereka ini ramai, tetapi pangkat yang ada sedikit. Sebab itu saya mencadangkan kepada Dewan ini supaya kita mengambil perhatian di mana kenaikan pangkat dan penambahan gaji kepada guru-guru ini dapat dikaji semula. Sesuai dengan kecemerlangan yang ditunjukkan oleh mereka ini. Kalau boleh yang sudah berkhidmat lebih 15 tahun dalam perkhidmatan guru ini dia naik terus dari Gred 41 ke Gred 48, tidak perlu

ada peperiksaan, tidak perlu ada lagi ujian-ujian kerana mereka ini memang mengajar. Kalau hendak duduk ujian, hendak duduk apa Tuan Yang di-Pertua, maka hendak *study* benda lain, sedangkan tugas mereka adalah untuk mengajar.

Sebab itu saya katakan tadi perhatian harus diberikan kepada mereka. Mereka yang lebih 20 tahun misalnya terus dinaikkan Gred 54 dan yang lebih 25 tahun boleh terus dinaikkan ke JUSA 'C', 'B', dan 'A' dan seterusnya ke atas. Begitu juga dengan sekolah-sekolah rendah, mengikut kepada gred masing-masing walaupun kalau di peringkat daerah Tuan Yang di-Pertua, menimbulkan masalah kerana di peringkat daerah ini biasanya Pegawai Daerah bergred 54, kerana kalau guru ini grednya 54 atau JUSA 'C' menimbulkan masalah pentadbiran kepada daerah itu tetapi itu tidak menjadi soal, kerana dalam soal ini, saya ingin mencadangkan gaji sahaja dibayar mengikut gred yang dinyatakan, tetapi dari segi hierarki kekananan, mungkin kita boleh meletakkan di gred yang bersesuaian dengan kedudukan mereka. Contohnya guru di Gred 54, sama dengan pentadbir di Gred 48.

Maknanya gaji guru mengikut Gred 54 tetapi dari segi kekananan mungkin kita boleh meletakkan Gred 48. Maknanya dari segi hierarki pentadbiran dia masih lagi Gred 48 masih di bawah kerana ada DO atau pun Pegawai Daerah yang berjawatan Gred 54 tetapi gaji kita bayar dia mengikut Gred 48. Maknanya dia tidak akan menyebabkan ada pertembungan berlaku di dalam sesuatu kawasan itu.

Dengan cara yang demikian, saya rasa kita dapat memberikan pengiktirafan kepada *profession* perguruan yang pada hari ini memang salah satu yang begitu cemerlang yang membantu kepada pembangunan negara kita selama ini daripada kita sebelum merdeka dahulu sampailah kita selepas merdeka pada hari ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskan ucapan Yang Berhormat

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, saya hendak minta sedikit penjelasan. Saya menghadapi masalah juga dalam kawasan kerana guru-guru Bahasa Inggeris ini, kebanyakan guru-guru bahasa Inggeris ini berada di kawasan-kawasan bandar kerana mungkin mengikut suami dan sebagainya.

Guru-guru Bahasa Inggeris di kawasan luar bandar ini amat kekurangan. Apakah Yang Berhormat boleh bagi satu pandangan dalam ucapan ini supaya apabila mereka ditemu duga, mereka mengaku di mana sahaja pun mereka akan ikut. Di mana kerajaan menghantar mereka akan ikut tetapi apabila mereka sudah berkhidmat berbagai-bagai masalah kita hadapi dan inilah yang menyebabkan kadang-kadang anak-anak kita di kawasan luar bandar tidak dapat keputusan yang baik dalam Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan sebagainya.

Kita telah memberi macam-macam imbuhan kepada guru-guru. Apakah kita juga kena memastikan bahawa taburan guru-guru hendaklah adil dari segi bandar dan kawasan luar bandar. Ini untuk memastikan bahawa anak-anak kita benar-benar mendapat pendidikan yang setaraf dengan pelajar-pelajar yang berada di dalam kawasan bandar. Macam mana pendapat Yang Berhormat bagi Sekijang tentang pendapat saya yang saya kira cukup bernas... [*Ketawa*]

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai. Tentang pertukaran guru-guru ini saya rasa saya serahkan kepada kementerian untuk menjawabnya tetapi apa yang berlaku yang diberitahu dalam Dewan ini, saya ingat dalam dua minggu atau tiga minggu yang lalu bahawa disebut oleh Timbalan Menteri bahawa ada wakil-wakil rakyat yang menyokong pertukaran ini.

Ini yang menjadi permasalahannya tetapi saya minta kepada kementerian untuk menjawabnya. Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan lain-lain lagi kementerian yang telah berusaha untuk mengekang kenaikan harga barang-barang walau pun dengan adanya kenaikan harga minyak sebanyak 30 sen pada yang telah lalu tetapi

kementerian ini nampaknya telah berusaha untuk mengekang kenaikan walau pun begitu terdapat juga kenaikan barang-barang keperluan harian berlaku.

Akan tetapi ada sesetengah kementerian, mereka tidak peka kepada permasalahan ini di mana saya lihat ada kementerian yang sengaja ataupun tidak sengaja ataupun tidak memahami tentang mengekalkan harga barang-barang dan mereka nampaknya terikut-ikut tentang kenaikan bahan ini dan mereka bukan bersekongkol tetapi seolah-olah mematuhi kepada kehendak-kehendak mereka yang menaikkan harga barang ini.

Saya memberikan contoh di sini ialah Jabatan Kerja Raya di mana dahulunya jalan 14 kaki yang pada tahun 2005 jarak satu kilometer jalan tanpa *side table* harganya adalah RM120,000 lebih kurang setiap jalan-jalan yang dibuat tetapi, pada tahun 2006, harganya telah meningkat kepada RM168,000 tanpa *side table*. Maknanya pertambahan yang begitu tinggi. Mengapa kita mengikut kepada peniaga-peniaga ini sedangkan kita kena bertegas menekankan bahawa harga kenaikan minyak adalah 30 sen mungkin melibatkan kepada kurang daripada 1% daripada kenaikan tetapi harga yang mereka naikkan terlampau tinggi.

Ini melibatkan pembinaan jalan kampung dan sebagainya dan ini melibatkan kos yang besar. Untuk membangunkan negara apabila adanya kenaikan ini, saya rasa ini akan mengekang daripada kita untuk memberikan kemudahan atau pembangunan kepada rakyat-rakyat kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*Bangun*]

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Sudah dekat hendak habis ini. Hah, sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini berkenaan dengan jalan. *Bitumen* sekarang ini Petnonas pun ada buat tetapi kita ini lebih mementingkan syarikat-syarikat luar negara macam Shell, Esso dan sebagainya. Kadang-kadang kita tidak menggunakan *bitumen* yang ada yang dikeluarkan oleh Petronas. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya keutamaan diberi kepada bahan-bahan keluaran syarikat-syarikat tempatan, mungkin keuntungan ataupun mungkin kos pembiayaan untuk membuat jalan mini tar ini akan berkurangan, tidak mahal seperti Yang Berhormat katakan tadi. Kerajaan harus melihat dari sudut ini supaya syarikat-syarikat yang membekalkan *bitumen* untuk membuat jalan ini akan menggunakan syarikat-syarikat milik negara kita. Terima kasih.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai. Sememangnya harga bitumen, *premix* atau tar ini telah meningkat naik dengan begitu tinggi kerana saya ada datanya yang mana pada tahun 2005 harga *premix* atau tar ini adalah di antara RM70 hingga RM80 satu tan tetapi pada hujung 2005, harganya telah meningkat kepada RM90 hingga RM100 satu tan tetapi pada masa ini harganya telah menjangkau kepada RM120 hingga RM130 satu tan. Yang ini yang kita hendak bendungkan daripada tahun 2005 sampai kepada sekarang ini nampaknya naik sekali ganda. Padahal kenaikan harga minyak adalah begitu kecil sekali.

Saya mintalah kepada kementerian, kepada jabatan yang terlibat supaya perkara-perkara ini diambil perhatian supaya kita sama-sama dapat mengekang kenaikan harga yang tidak menentu yang tidak munasabah di dalam negara kita ini akibat daripada kenaikan harga minyak. Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Titiwangsa.

5.17 ptg.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan begitu banyak yang akan menelan

belanja RM225 bilion tetapi saya tidaklah ingin menyentuh berbilion-bilion banyak ini, saya akan khusus kepada masalah yang berada di Titiwangsa. Yang pertamanya mengenai setinggan.

Dengan pemindahan setinggan-setinggan dari Kampung Bumiputera, Kampung Cendana dan tidak lama lagi dari Kampung Kinabalu, alhamdulillah, Titiwangsa akan mencapai setinggan sifar. Mereka akan dipindahkan kepada rumah PPR yang telah dibina begitu banyak sekali. Sebenarnya sasarannya ialah untuk dibina sebanyak 35,000 unit rumah tetapi setakat ini hanya 16,122 rumah yang telah diserahkan kepada pihak DBKL.

Walau pun setinggan sifar ini telah dicapai tetapi nampaknya dewasa ini, saya pula telah didatangi oleh mereka yang tinggal di PPR ini dengan masalah-masalah baru.

- (i) ketiadaan dewan yang sempurna untuk menampung aktiviti-aktiviti yang diadakan di PPR;
- (ii) rumah mayat - selalunya kalau kita orang Islam disediakan surau tetapi untuk mereka yang bukan Islam, mereka juga meninggal dunia dan kadang-kadang dengan tiadanya bilik-bilik mayat di tempat PPR ini akan menyulitkan keadaan;
- (iii) prasarana untuk kanak-kanak ini selalunya ada untuk tempat permainan tetapi untuk belia-belie di antara umur 10 hingga 20 tahun, yakni belia-belie yang betul-betul belia dan bukan belia purba... [Ketawa] Tidak ada tempat permainan untuk mereka. Banyak kali perbincangan telah diadakan dengan pihak DBKL dan juga telah menyarankan Kementerian Belia dan Sukan untuk mengadakan *extreme game park* ataupun *streets soccer*.

Kedua-dua ini tidak memakan kawasan yang begitu luas di tempat PPR. Kita pun akui tempat PPR sempit tetapi tempat persediaan peralatan seperti ini harus disediakan untuk menampung anak-anak kita yang begitu buas. Lagi satu masalah yang kita ada di PPR ialah mengenai padang letak kereta. Walaupun rumah PPR ini kononnya untuk orang mereka yang kurang bernasib baik tetapi pergilah ke mana-mana PPR akan menghadapi masalah *parking*.

Jadi di sini barangkali satu dasar haruslah dikeluarkan untuk membina *car park* bertingkat supaya masalah ini dapat kita elakkan dan sekiranya dibina *multistorey car park* ini dengan izin, tempat-tempat lain juga boleh dibina di atas *car park* ini seperti di dewan-dewan yang lain. Satu lagi barangkali kita boleh timbulkan di sini ialah mengenai pagar. Saya telah juga meminta kementerian untuk memberi penjelasan mengapa pagar tidak dibina. Telah diberi jawapan kerana kononnya tidak ada peruntukan tetapi sekarang saya rasa tibalah masanya kalau kita hendak berbelanja berbilion-bilion barangkali kita berbelanja sedikit untuk keselamatan kepada rumah-rumah PPR. Ini mengenai masalah setinggan.

Di sini saya hendak bertukar topik kepada tanah pertanian yang wujud di Kuala Lumpur ini. Tanah pertanian yang saya maksudkan ini ialah Kampung Baru. Kampung Baru Kuala Lumpur merupakan salah satu daripada kawasan Melayu majoriti yang terakhir bandar raya Kuala Lumpur. Ia merupakan simbol penting kepada orang Malaysia kerana ia dikatakan benteng akhir orang Melayu Kuala Lumpur dari segi pemilikan tanah. Selain dari itu Kampung Baru juga dikenali sebagai tempat UMNO dizahirkan iaitu di Kelab Sultan Sulaiman. Dibuka sebagai sebuah penempatan pertanian untuk orang-orang Melayu pada tahun 1900. Ia telah banyak menjadi saksi kepada pembangunan yang begitu pesat di kawasan sekelilingnya daripada sebuah permulaan yang begitu kecil ia kini menjadi tempat tinggal kepada hampir 45,000 warga kota yang terdiri daripada orang Melayu dan juga pendatang-pendatang dari negara jiran.

Lot-lot tanah di kawasan Kampung Baru ini dibahagikan kepada bahagian-bahagian yang agak kecil. Ini adalah kerana tujuan utama Kampung Baru ini dibuka adalah untuk menjadi tempat tinggal dan bercucuk tanam bagi orang-orang Melayu Kuala Lumpur. Sistem pembahagian yang telah difikirkan sesuai pada masa itu, kini menunjukkan

kelemahan ketara terutamanya apabila dibandingkan dengan kawasan persekitarannya. Itulah sebabnya walaupun arus perubahan dan pembangunan melanda Kuala Lumpur dengan pesat selama hampir 100 tahun, namun Kampung Baru pada masa kini tidak banyak berubah dari segi pola dan corak kependudukannya dan cara hidup penghuninya. Pada masa yang sama, sebahagian besar daripada keluarga-keluarga yang berasal dari Kampung Baru, kini telah berpindah ke tempat-tempat lain tetapi masih lagi kekal sebagai pemilik tanah sambil menyewakan rumah-rumah mereka di Kampung Baru.

Berbeza dengan Kampung Baru pada zaman dahulu. Aktiviti ekonomi utama Kampung Baru pada hari ini ialah perniagaan skala kecil dan sederhana terutamanya penjaja dan peruncit dan bukannya pertanian pada asalnya. Walaupun ada beberapa ekor ayam dipelihara sebagai hobi, sebaliknya beberapa perniagaan berskala besar serta firma profesional juga menjadikan lokasi-lokasi tertentu di sekitar Kampung Baru sebagai pejabat utama mereka, contohnya Naza Motor. Jadi sekiranya tuan-tuan yang hendak membeli songkok atau pun hendak beli Ferrari, pun boleh datang ke Kampung Baru.

Dari segi prasarana asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan berturap Kampung Baru adalah setanding dengan kawasan-kawasan lain di Kuala Lumpur. Namun begitu, corak penempatan berselerak serta pembahagian lot-lot yang kecil yang menjadi ciri utama Kampung Baru sedikit sebanyak menghalang penyediaan prasarana yang lebih elok terutamanya dari segi pembinaan dan pembesaran jalan dan siar kaki, tapak-tapak perniagaan dan penjaja. Ia juga menyukarkan usaha-usaha memperbaiki dan memperelokkan sistem penyaliran air hujan di kawasan tersebut. Namun begitu kejadian banjir kilat Kampung Baru telah berkurangan semenjak pelan-pelan pencegahan banjir yang telah dikelola oleh DBKL mula dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak akhir-akhir ini pula telah timbul pula persoalan tentang pembangunan di kawasan-kawasan majoriti Melayu di bandar. Saban hari berita melalui media cetak dan media elektronik disiarkan tentang pembangunan untuk orang Melayu bandar khususnya di Kampung Baru Kuala Lumpur. Pelbagai pihak telah pun tampil untuk memberi komentar dan pendapat mereka dan jika diteliti dengan rapi kita dapat melihat permasalahan yang telah pun diutarakan semenjak Rancangan Malaysia Kedua lagi. Tidak kurang juga pemimpin tertinggi Negeri dan Negara dari dahulu dan sekarang yang telah memberikan komen tentang perkara ini seperti Allahyarham Dato' Harun Idris, Yang Berbahagia Tun Mahathir sehinggalah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri. Majalah *Far Eastern Economic Review* juga telah menerbitkan artikel tentang dilema Melayu, versi Kampung Baru ini. Apa yang pasti sehingga kini penduduk Kampung Baru masih menunggu.

Tuan Yang di-Pertua, Kampung Baru Kuala Lumpur yang sinonim dengan sejarah menegakkan kedaulatan orang Melayu di tanah air sendiri merupakan sebuah kisah yang ironik di mana tanah mereka yang sepatutnya berjuta-juta nilainya tetapi tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya disebabkan status yang menjamin tanah itu sendiri. Sejarah ringkas penubuhan penempatan pertanian Melayu iaitu *Malay Agricultural Settlement*, atau MAS Kampung Baru bermula pada 12 Januari 1900. Sebagai kompromi kepada sistem pecah dan perintah penjajah British pada masa itu, Kerajaan Negeri Selangor telah mengisytiharkan lebih kurang 240 ekar tanah di Kuala Lumpur sebagai penempatan pertanian Melayu selaras dengan kuasa-kuasa kerajaan di bawah seksyen 6, Enakmen Tanah 1897. Perubahan yang seterusnya telah datang pada tahun 1951 di mana peraturan 19(10) telah dimansuhkan dan peraturan baru diperkenalkan melalui Warta Selangor, Nombor 50, tahun 1951 dan peraturan inilah yang kekal sebagai garis panduan pentadbiran MAS Kampung Baru sehingga kini.

Lembaga pentadbiran MAS kemudiannya memperkenalkan beberapa undang-undang kecil yang berkenaan dengan kependudukan dan pengurusan MAS. Pada tahun 1960, Kuala Lumpur telah diwartakan sebagai ibu negara melalui Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan urusan *municipal* Kuala Lumpur telah diambil alih oleh Datuk Bandar Ibu Kota dan pejabatnya. Pada tahun 1972, Kuala Lumpur juga telah dinaikkan taraf kepada sebuah bandar raya melalui Akta Bandar Raya Kuala Lumpur 1971. *Municipality* Kuala Lumpur atau Suruhanjaya Ibu Kota juga telah dinaik taraf menjadi Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dan jawatan Datuk Bandar telah diwujudkan.

Bandar Raya Kuala Lumpur ini telah diwartakan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan pada 1 Februari melalui Akta Perlembagaan Pindaan Nombor Dua 1973 dan *effect* nya ialah perpindahan bidang kuasa pentadbiran dari kerajaan negeri Selangor kepada kerajaan Pusat. Kuasa-kuasa, serta hak-hak sebelum ini yang diuruskan oleh kerajaan negeri Selangor kini dikendalikan dan diselia oleh Yang di Pertuan Agong melalui Menteri yang bertanggungjawab untuk Wilayah Persekutuan secara automatik dan tanpa perlu perundingan tambahan.

Memandangkan DBKL juga merupakan pewaris kepada Lembaga Kebersihan Kuala Lumpur iaitu *Sanitation Board* pada asalnya dahulu, bidang kuasanya terhadap tanah pentadbiran MAS juga adalah terhadap kepada apa yang telah diatur sejak zaman dahulu lagi. Namun demikian, Lembaga Pentadbiran MAS telah mendelegasikan tugas-tugas dan hak-hak tertentu kepada DBKL di atas sebab-sebab praktikal. Ini termasuklah perkara seperti pemungutan sampah dan menasihati Lembaga Pentadbiran MAS tentang hal-hal perancangan.

Jawatan Yang di Pertua Lembaga Pentadbiran MAS juga merupakan sebuah jawatan yang dipegang oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur menggantikan Menteri Besar Selangor walaupun tiada peruntukan dalam enakmen MAS untuk perkara ini dilakukan. Harus disebutkan di sini bahawa hal-hal penggubalan undang-undang kecil dan kelulusan pelan pembangunan bagi lot-lot yang berada di dalam kawasan warta MAS masih kekal di bawah Lembaga Pentadbiran MAS tetapi ia juga tertakluk kepada Akta-akta yang berkaitan dengan Kuala Lumpur yang disebut di atas kerana enakmen penubuhan MAS hanyalah enakmen kerajaan negeri Selangor. Ini bermakna kerajaan Persekutuan juga memainkan peranan terutamanya dari segi pentadbiran tanah melalui kuasa-kuasa yang diberikan melalui pihak berkuasa Negeri di dalam Kanun Tanah Negara dan Enakmen Rizab Melayu 1913.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada hujah-hujah yang dihuraikan di atas adalah jelas bahawa status tanah MAS Kampung Baru ialah sejenis tanah rizab yang dikhaskan untuk pertanian sahaja dan hanya boleh diduduki dan tidak dimiliki oleh orang-orang Melayu. Memandangkan Warta Kerajaan Selangor ini tidak pernah dimansuhkan telahdiandaikan ia masih kekal tetapi tertakluk kepada Akta Parlimen yang menetapkan cara pentadbirannya serta menyerahkan kuasa-kuasa negeri Selangor berkenaan tanah Kuala Lumpur kepada Kerajaan Persekutuan melalui kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk Wilayah Persekutuan.

Di bawah Seksyen 24 Kanun Tanah 1926 penerbitan di dalam warta tentang mana-mana tanah negeri yang dirizabkan untuk sesuatu tujuan awam itu merupakan bukti bahawa tanah itu sememangnya dikhaskan untuk tujuan tersebut sahaja. Ini bermakna melainkan status ini dimansuhkan atau diubah penukaran milik ataupun urusan lain tanah rizab tersebut yang tidak berkenaan dengan tujuan awam yang diwartakan itu. Maka ...

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]:** Panjang.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau begitu sambung pada hari Isnin.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]:** Okey.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin 17 April 2006.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***